

**PENGGUNAAN LAKUAN TUTURAN DALAM
INTERAKSI SEMASA KELAS BAHASA CINA PERINGKAT
PRASEKOLAH**

LIM YEE WAH

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2020

**PENGGUNAAN LAKUAN TUTURAN DALAM
INTERAKSI SEMASA KELAS BAHASA CINA
PERINGKAT PRASEKOLAH**

LIM YEE WAH

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SASTERA
(LINGUISTIK)**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2020

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: LIM YEE WAH

No. Matrik: TOA160029

Nama Ijazah: IJAZAH SARJANA SASTERA (LINGUISTIK)

Tajuk Disertasi (“Hasil Kerja ini”): PENGGUNAAN LAKUAN TUTURAN
DALAM INTERAKSI SEMASA KELAS BAHASA CINA PERINGKAT
PRASEKOLAH

Bidang Penyelidikan: PRAGMATIK

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 12-2-2020

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 12-2-2020

Nama:

Jawatan:

**PENGGUNAAN LAKUAN TUTURAN DALAM INTERAKSI SEMASA KELAS
BAHASA CINA PERINGKAT PRASEKOLAH**

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti jenis-jenis lakuan tuturan yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa mereka berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya dalam kelas bahasa Cina di tadika. Pemerolehan bahasa dan perkembangan bahasa kanak-kanak masih berlaku pada peringkat umur mereka antara 4 tahun hingga 6 tahun (Piaget, 1964; Saxton, 2017). Data yang dikumpul melibatkan rakaman video semasa kanak-kanak prasekolah sedang belajar, menjalankan aktiviti, bermain dan berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya. Justeru, kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dan kerangka analitikal yang diadaptasi daripada kerangka lakuan tuturan Searle (1976) dan Yule (1996), serta kajian-kajian lakuan tuturan yang terkini (Özge Gül, 2014; Ogiermann, 2015; Takada & Endo, 2015; Kanngiesser et al., 2017) untuk mengklasifikasi jenis-jenis lakuan tuturan yang didapati dalam data. Kajian ini mendapati bahawa kanak-kanak prasekolah dan guru menggunakan lakuan tuturan yang tertentu dalam komunikasi di kelas semasa sesi kelas bahasa Cina, iaitu lakuan tuturan representatif, direktif, ekspresif dan komisif. Kanak-kanak prasekolah kerap menggunakan lakuan tuturan representatif dan lakuan tuturan direktif, iaitu menyatakan, bertanya dan meminta semasa berkomunikasi dengan guru dan rakan sebaya mereka. Manakala, lakuan tuturan yang paling kerap digunakan oleh guru adalah lakuan tuturan direktif dan lakuan tuturan representatif. Jenis-jenis lakuan tuturan yang kerap digunakan oleh guru adalah mengarah, bertanya dan menyatakan semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah. Kajian ini mendapati lakuan tuturan yang kerap digunakan oleh guru bukan sahaja menunjukkan kategori khusus lakuan tuturan namun

kebanyakan adalah menunjukkan kategori kombinasi dua lakuan tuturan yang berbeza, terutamanya kombinasi lakuan tuturan representatif dengan direktif. Jenis-jenis kombinasi lakuan tuturan yang kerap digunakan oleh guru adalah kombinasi menyatakan dengan mengarah dan kombinasi menyatakan dengan bertanya semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah. Kepentingan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap penggunaan lakuan tuturan di peringkat kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya dalam bahasa Cina. Kajian pragmatik berkenaan dengan penggunaan lakuan tuturan dalam peringkat prasekolah perlu dijalankan bagi memantapkan dan melengkapkan lagi kajian-kajian yang sedia ada, dan ia juga membawa manfaat kepada para pendidik bagi membantu mereka merancang kaedah pengajaran dan aktiviti mengikut tahap perkembangan bahasa kanak-kanak dengan lebih berkesan.

Kata Kunci: Lakuan Tuturan, Kanak-kanak Prasekolah, Guru, Representatif, Direktif

**USE OF SPEECH ACTS IN INTERACTION DURING CHINESE CLASS
PRESCHOOL LEVEL**

ABSTRACT

This study was conducted to identify the types of speech acts use by preschool children when they interact with a teacher and peers during Chinese language classes in kindergarten. Language acquisition and development of children's language still occur at their ages between 4 years old to 6 years old (Piaget, 1964; Saxton, 2017). Data was collected through video recording when preschool children were in a process of learning, doing activities, playing and interacting with teacher and peers. Thus, this study used content analysis method and analytical frameworks adapted from Searle's (1976) and Yule's (1996) speech act framework, and other recent studies on speech acts (Özge Gül, 2014; Ogiermann, 2015; Takada & Endo, 2015; Kanngiesser et al., 2017) to classify the types of speech acts found in the data. It is found that preschool children and their teacher used certain speech acts in classroom communication during Chinese language class sessions, namely representative, directive, expressive and commissive. Preschool children often used representative act and directive act to state, ask and request during their communication with the teacher and peers. While, the most frequent types of speech acts used by the teacher were directive act and representative act. Instructing, asking and stating were the types of speech acts that are often used by the teacher to interact with preschool children. It is discovered in this study that the most frequent types of speech act used by teacher does not only point to any specific category of speech acts, but most have illustrated a combination of two different categories speech acts, particularly combination of representative with directive speech acts. Combination of stating with instructing and combination of stating with asking were the types of combination speech acts that are often used by the teacher to interact with preschool

children. The importance of the study is to identify the use of speech acts in preschool age children when interacting with teacher and peers in Chinese language. Pragmatic studies on the use of speech act in preschool level should be carried out to strengthen and complement existing studies, and it also helps educators to better plan their teaching methods and activities based on the stages of child's language development in a more effective way.

Keywords: Speech Acts, Preschool children, Teacher, Representative, Directive

University of Malaysia

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Dr Siti Nurbaya Mohd Nor yang banyak mencurahkan ilmu, tenaga dan bantuan yang tidak ternilai harganya buat saya sepanjang tempoh saya menyiapkan disertasi ini. Tanpa nasihat, tunjuk ajar, dorongan, serta bimbingan yang tidak berbelah bahagi daripada beliau tidak mungkin saya mampu melaksanakan disertasi ini dengan sempurna.

Selain itu, saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada kakitangan Universiti Malaya yang berkaitan, terutamanya Dekan dan Timbalan Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik, terima kasih kerana memberi peluang untuk saya menamatkan pengajian saya ini.

Akhir sekali, setinggi penghargaan saya kepada ahli keluarga saya terutamanya bapa saya kerana telah banyak berkorban bagi memastikan cita-cita saya tercapai. Ibu bapa yang dikasihi telah banyak mengorbankan masa serta kewangan untuk menjaga saya sehingga saya memperolehi ilmu pengetahuan dan seterusnya melengkapkan serta menyiapkan disertasi ini.

SENARAI KANDUNGAN

Abstrak.....	iii
Abstract.....	v
Penghargaan.....	vii
Senarai Kandungan	viii
Senarai Jadual	xii
Senarai Singkatan.....	xiv
Senarai Lampiran	xv
BAB 1: PENGENALAN.....	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah	7
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Soalan Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Batasan Kajian.....	10
1.7 Kesimpulan.....	11
BAB 2: KAJIAN LITERATUR.....	12
2.1 Pendahuluan	12
2.2 Pemerolehan dan Perkembangan Bahasa Kanak-kanak	12
2.3 Kajian Pragmatik	21
2.4 Lakuan Tuturan	22
2.4.1 Definisi	22
2.4.2 Klasifikasi Jenis-jenis Lakuan Tuturan.....	25
2.4.2.1 Lakuan Tuturan Representatif	26
2.4.2.2 Lakuan Tuturan Deklarasi.....	27
2.4.2.3 Lakuan Tuturan Ekspresif	27
2.4.2.4 Lakuan Tuturan Direktif.....	28
2.4.2.5 Lakuan Tuturan Komisif	29
2.5 Kajian Lepas Mengenai Lakuan Tuturan.....	29
2.6 Kajian Lakuan Tuturan antara Kanak-kanak dengan Orang Dewasa.....	33
2.7 Kesimpulan.....	38

BAB 3: METODOLOGI	39
3.1 Pendahuluan	39
3.2 Reka Bentuk Kajian	39
3.3 Sampel Kajian	40
3.4 Tapak Kajian	41
3.5 Instrumentasi	43
3.6 Pengumpulan Data	44
3.7 Kerangka Analitikal	45
3.8 Isu Etika	47
3.9 Kesahan dan Kebolehpercayaan	48
3.10 Pengekodan	48
3.11 Peringkat Mengumpul Data dan Menganalisis Data	49
3.12 Kesimpulan	54
BAB 4: ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	55
4.1 Pendahuluan	55
4.2 Penggunaan Lakuan Tuturan Guru dalam Interaksi dengan Kanak-kanak Prasekolah dalam Bahasa Cina	55
4.2.1 Satu Kategori Lakuan Tuturan dalam Satu Giliran	56
4.2.1.1 Lakuan Tuturan Direktif	57
4.2.1.2 Lakuan Tuturan Representatif	67
4.2.1.3 Lakuan Tuturan Ekspresif	71
4.2.1.4 Lakuan Tuturan Komisif	73
4.2.2 Kombinasi Dua Kategori Lakuan Tuturan dalam Satu Giliran	74
4.2.2.1 Lakuan Tuturan Representatif dan Direktif	75
4.2.2.2 Lakuan Tuturan Direktif dan Ekspresif	82
4.2.2.3 Lakuan Tuturan Representatif dan Komisif	86
4.2.2.4 Lakuan Tuturan Direktif dan Komisif	89
4.2.2.5 Lakuan Tuturan Representatif dan Ekspresif	91
4.2.3 Kombinasi Tiga Kategori Lakuan Tuturan dalam Satu Giliran	92
4.2.3.1 Lakuan Tuturan Representatif, Direktif dan Komisif	93
4.3 Penggunaan Lakuan Tuturan di antara Kanak-kanak Prasekolah dalam Interaksi dengan Guru dan Rakan Sebaya dalam Bahasa Cina	95
4.3.1 Penggunaan Lakuan Tuturan Kanak-kanak Prasekolah dalam Interaksi dengan Guru	95

4.3.1.1	Satu Kategori Lakuan Tuturan dalam Satu Giliran	96
	(a) Lakuan Tuturan Representatif.....	97
	(b) Lakuan Tuturan Direktif.....	102
	(c) Lakuan Tuturan Ekspresif.....	110
4.3.1.2	Kombinasi Dua Kategori Lakuan Tuturan dalam Satu Giliran	112
	(a) Lakuan Tuturan Representatif dan Direktif	113
4.3.2	Penggunaan Lakuan Tuturan dalam Interaksi dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah.....	118
4.3.2.1	Satu Kategori Lakuan Tuturan dalam Satu Giliran	118
	(a) Lakuan Tuturan Representatif.....	119
	(b) Lakuan Tuturan Direktif.....	125
	(c) Lakuan Tuturan Komisif.....	132
	(d) Lakuan Tuturan Ekspresif.....	133
4.3.2.2	Kombinasi Dua Kategori Lakuan Tuturan dalam Satu Giliran	134
	(a) Lakuan Tuturan Representatif dan Direktif	135
	(b) Lakuan Tuturan Direktif dan Ekspresif.....	139
	(c) Lakuan Tuturan Direktif dan Komisif	140
4.3.2.3	Kombinasi Tiga Kategori Lakuan Tuturan dalam Satu Giliran	140
	(a) Lakuan Tuturan Representatif, Direktif dan Komisif.....	141
	(b) Lakuan Tuturan Representatif, Ekspresif dan Komisif ...	142
4.4	Perbezaan Penggunaan Jenis-jenis Lakuan Tuturan dalam Interaksi antara Kanak-kanak Prasekolah dan Guru dalam Bahasa Cina	144
4.4.1	Jenis-jenis Lakuan Tuturan yang Digunakan dalam Interaksi antara Kanak-kanak Prasekolah dan Guru.....	150
	4.4.1.1 Jenis-jenis Lakuan Tuturan Representatif.....	150
	4.4.1.2 Jenis-jenis Lakuan Tuturan Ekspresif.....	151
	4.4.1.3 Jenis-jenis Lakuan Tuturan Direktif.....	152
	4.4.1.4 Jenis-jenis Lakuan Tuturan Komisif.....	153
	4.4.1.5 Penggunaan Satu Kategori Lakuan Tuturan	154
4.4.2	Jenis-jenis Kombinasi Dua Kategori Lakuan Tuturan yang Digunakan dalam Interaksi antara Kanak-kanak Prasekolah dan Guru.....	165

4.4.2.1	Penggunaan Kombinasi Dua Kategori Lakuan Tuturan yang Berbeza.....	167
4.4.3	Jenis-jenis Kombinasi Tiga Kategori Lakuan Tuturan yang Digunakan dalam Interaksi antara Kanak-kanak Prasekolah dan Guru.....	173
4.5	Kesimpulan.....	174
BAB 5: KESIMPULAN.....		176
5.1	Pendahuluan	176
5.2	Lakuan Tuturan yang Digunakan oleh Guru dalam Interaksi dengan Kanak-kanak Prasekolah	176
5.3	Lakuan Tuturan yang Digunakan oleh Kanak-kanak Prasekolah dalam Interaksi dengan Guru dan Rakan Sebaya	178
5.4	Perbezaan dalam Jenis-jenis Lakuan Tuturan yang Digunakan dalam Interaksi antara Kanak-kanak Prasekolah dan Guru	181
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	184
	Rujukan.....	187
	Lampiran.....	194

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1: Kerangka Lakuan Tuturan Searle (1976)	26
Jadual 2.2: Lima Fungsi Umum Lakuan Tuturan (Yule, 1996)	26
Jadual 3.1: Bilangan Peserta Kajian	41
Jadual 3.2: Bilangan Sesi, Tarikh dan Masa Rakaman dalam Kelas Bahasa Cina.....	43
Jadual 3.3: Kerangka Lakuan Tuturan	46
Jadual 3.4: Pengekodan Lakuan Tuturan	48
Jadual 3.5: Pengekodan Peserta.....	48
Jadual 3.6: Pengekodan Tarikh Rakaman	49
Jadual 3.7: Peringkat Mengumpul Data dan Menganalisis Data.....	53
Jadual 4.1: Jumlah Lakuan Tuturan Guru dalam Interaksi dengan Kanak-kanak Prasekolah	56
Jadual 4.2: Jumlah Kombinasi Dua Kategori Lakuan Tuturan Guru dalam Interaksi dengan Kanak-kanak Prasekolah.....	74
Jadual 4.3: Jumlah Kombinasi Tiga Kategori Lakuan Tuturan Guru dalam Interaksi dengan Kanak-kanak Prasekolah.....	92
Jadual 4.4: Jumlah Lakuan Tuturan Kanak-kanak Prasekolah dalam Interaksi dengan Guru	96
Jadual 4.5: Jumlah Kombinasi Dua Kategori Lakuan Tuturan Kanak-kanak prasekolah dalam Interaksi dengan Guru	112
Jadual 4.6: Jumlah Lakuan Tuturan dalam Interaksi dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah	118
Jadual 4.7: Jumlah Kombinasi Dua Kategori Lakuan Tuturan dalam Interaksi dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah	134
Jadual 4.8: Jumlah Kombinasi Tiga Kategori Lakuan Tuturan dalam Interaksi dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah	140
Jadual 4.9: Jumlah Lakuan Tuturan dalam Interaksi antara Kanak-kanak Prasekolah dan Guru	145
Jadual 4.10: Jumlah Kombinasi Dua Kategori Lakuan Tuturan dalam Interaksi antara Kanak-kanak Prasekolah dan Guru.....	148
Jadual 4.11: Jumlah Kombinasi Tiga Kategori Lakuan Tuturan dalam Interaksi antara Kanak-kanak Prasekolah dan Guru.....	149
Jadual 4.12: Jumlah Jenis-jenis Lakuan Tuturan Representatif	150

Jadual 4.13: Jumlah Jenis-jenis Lakuan Tuturan Ekspresif	151
Jadual 4.14: Jumlah Jenis-jenis Lakuan Tuturan Direktif.....	152
Jadual 4.15: Jumlah Jenis-jenis Lakuan Tuturan Komisif	153
Jadual 4.16: Jumlah Jenis-jenis Lakuan Tuturan yang Kombinasi dari Dua Kategori Lakuan Tuturan.....	165
Jadual 4.17: Jumlah Jenis-jenis Lakuan Tuturan yang Kombinasi dari Tiga Kategori Lakuan Tuturan.....	173

University of Malaya

SENARAI SINGKATAN

R	:	Representatif
Dk	:	Deklarasi
E	:	Ekspresif
Dr	:	Direktif
K	:	Komisif
R+Dr	:	Representatif dan Direktif
R+E	:	Representatif dan Ekspresif
R+K	:	Representatif dan Komisif
Dr+E	:	Direktif dan Ekspresif
Dr+K	:	Direktif dan Komisif
R+Dr+K	:	Representatif, Direktif dan Komisif
R+E+K	:	Representatif, Ekspresif dan Komisif
KK	:	Kanak-kanak
G	:	Guru
K1 - K10	:	Nombor kod yang menunjukkan kanak-kanak tertentu
R1 - R5	:	Tarikh rakaman

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: Surat Memohon Kebenaran Menjalankan Kajian di Tadika.....	194
Lampiran B: Borang Persetujuan Termaklum	196
Lampiran C: Borang Soal-Selidik	199
Lampiran D: Surat Persetujuan	202
Lampiran E: Surat Pengesahan	204
Lampiran F: Transkripsi	205

University of Malaya

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa digunakan sebagai alat penghubung dalam komunikasi yang dimiliki oleh manusia untuk menyampaikan fikiran dan pendapat sendiri. Setiap manusia termasuk kanak-kanak prasekolah juga menggunakan bahasa dalam komunikasi untuk menyatakan sesuatu. Tanpa bahasa, kanak-kanak tidak dapat menyampaikan mesej yang ingin dibawakan dan juga tidak dapat memahami mesej yang disampaikan orang lain.

Pada masa kanak-kanak di tadika, pemerolehan bahasa dan perkembangan bahasa mereka masih berlaku pada peringkat umur mereka antara 4 tahun hingga 6 tahun (Piaget, 1964; Saxton, 2017) di mana mereka menguasai bahasa dari persekitaran. Pemerolehan bahasa adalah proses manusia memperolehi kemampuan untuk mempelajari dan menggunakan kata untuk berkomunikasi dengan orang lain. Aspek perkembangan pragmatik kanak-kanak dilihat kepada keupayaan mereka dalam pertuturan yang berdasarkan fungsi bahasa. Perkembangan bahasa melibatkan cara kanak-kanak belajar bertutur dan memahami apa yang didengar.

Bahasa ibunda adalah jenis bahasa pertama yang dipelajari oleh seseorang sejak dilahirkan sehingga dapat bertutur. Dengan kata lain, ia merupakan bahasa yang dipelajari dari ahli keluarga yang sering digunakan seseorang dalam komunikasi seharian, misalnya bahasa Cina bagi orang Cina. Manakala, bahasa kedua bukan merupakan bahasa ibunda atau bahasa pertama bagi penutur, akan tetapi kerap digunakan oleh orang di sekeliling seseorang sebagai media komunikasi lanjutan seperti bahasa Melayu ataupun bahasa Inggeris bagi orang Cina.

Malaysia terdiri daripada pelbagai budaya, etnik dan agama (Lau, Ang, Soon, Law & Wong, 2012). Dalam masyarakat yang berbilang kaum, adalah kebiasaan bagi seseorang untuk bertemu dengan keadaan di mana seseorang itu menggunakan lebih daripada satu bahasa dalam komunikasi seharian (Choi & Chong, 2017). Oleh itu, terdapat bahasa ibunda yang berlainan dapat dikenal pasti di negara ini.

Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi di Malaysia dan ia adalah bahasa ibunda majoriti kumpulan etnik Melayu. Bahasa Inggeris pula merupakan mata pelajaran wajib di sekolah dan juga digunakan sebagai lingua franca antarabangsa. Kumpulan etnik di Malaysia terdiri daripada orang Melayu, Cina, India dan kumpulan etnik lain yang menggunakan bahasa sendiri semasa berkomunikasi. Bahasa Cina pula merupakan bahasa rasmi representatif bagi kaum Cina. Tahap pendedahan terhadap bahasa tertentu lazimnya terpulang kepada identiti dan etnik penutur tersebut (Lim & Lim, 2017).

“Kebudayaan China klasik telah dikekalkan dan diwariskan melalui empat saluran utama, iaitu penerbitan akhbar dan majalah bahasa Cina, pembentukan sistem pendidikan bahasa Cina, pengenalan dan penterjemahan karya-karya klasik bahasa Cina serta penyebaran opera tradisional China” (Su, 2015, p. 96). Malaysia merupakan salah satu negara yang mempunyai sistem pendidikan bahasa Cina yang lengkap berbanding dengan negara lain. Ia dapat dilihat dari peringkat sekolah rendah sehingga peringkat pengajian tinggi yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa perantaraan dan pendidikan telah ditubuhkan untuk terus mengekalkan pewarisan bahasa Cina (Su, 2015).

Ibu bapa, pihak sekolah, masyarakat, dan media memainkan peranan penting dalam mengatasi pilihan bahasa dan penggunaan bahasa kanak-kanak di rumah (Li, 2006). Kanak-kanak yang ingin menjadi dwibahasa dan berbilang bahasa merupakan satu tugas yang mencabar dan memerlukan usaha bersepadu antara ibu bapa, sekolah, dan organisasi

masyarakat. Di Malaysia, ibu bapa mempunyai kebebasan untuk memilih jenis persekolahan sebagai tempat belajar kepada anak-anak mereka (Lim & Lim, 2017).

Pada peringkat umur 4 tahun hingga 6 tahun, orang yang berada di sekeliling kanak-kanak adalah penting dalam perkembangan bahasa kanak-kanak. Kanak-kanak dapat mempelajari sesuatu yang baru secara sedar atau tidak sedar daripada ahli keluarga, guru dan rakan sebaya mereka. Komunikasi antara orang dewasa dengan kanak-kanak boleh membantu dalam perkembangan bahasa kanak-kanak.

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan penyediaan asas kepada pembelajaran kanak-kanak bagi membantu pembinaan minda kanak-kanak di peringkat awal. Prasekolah atau tadika adalah sebahagian daripada sistem pendidikan Malaysia dan umur kemasukan adalah 4 hingga 6 tahun. Pendidikan prasekolah dapat meningkatkan tahap kanak-kanak dari aspek perkembangan, pemupukan sikap positif dan penguasaan kemahiran asas untuk dijadikan sebagai persediaan kanak-kanak sebelum memulakan pembelajaran di sekolah rendah. Ia juga menjadi platform kepada kanak-kanak untuk meningkatkan interaksi sosial mereka.

Kanak-kanak berusia 4 hingga 6 tahun memerlukan penglibatan secara langsung atau pengalaman yang berterusan bagi membantu dalam proses perkembangan bahasa, kognisi, fizikal dan sosial. Pembelajaran dengan menggunakan kaedah bermain merupakan salah satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Suppiah Nachiappan, Munovah, Norazilawati Abdullah & Sandra Suffian, 2017).

Penggunaan lakuan tuturan dalam interaksi antara kanak-kanak prasekolah dengan guru dan rakan sebaya semasa dalam kelas merupakan salah satu kajian yang menarik. Melalui kajian ini, pengkaji dapat mengumpul maklumat mengenai bagaimana kanak-kanak

prasekolah dan guru menggunakan lakuan tuturan tertentu dalam kehidupan sebenar mereka. Seorang guru harus membimbing dan menarik minat kanak-kanak prasekolah agar proses pembelajaran dan pengajaran boleh berlaku dengan lancar. Dengan demikian, penggunaan lakuan tuturan yang sesuai dengan konteks semasa interaksi berlaku di kelas akan mewujudkan suasana yang berkesan bagi kanak-kanak prasekolah dengan guru.

Guru berperanan penting dalam perkembangan bahasa kanak-kanak. Kanak-kanak dididik menjadi seorang yang berkelakuan baik, berbudi bahasa, menghormati orang tua, dan sebagainya sejak kecil. Guru perlu menyediakan suatu persekitaran yang dapat membimbing kemahiran berkomunikasi kanak-kanak prasekolah bagi membantu meningkatkan keyakinan mereka semasa berkomunikasi dengan orang lain. Menurut Piaget (1964), kanak-kanak masih dalam proses mengembangkan kemahiran komunikasi mereka.

Gaya komunikasi guru akan mempengaruhi kanak-kanak prasekolah secara langsung semasa guru menyampaikan maklumat, memberi arahan dan membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak prasekolah. Sebagai seorang guru, adalah penting untuk guru tersebut cuba membina hubungan yang baik dengan kanak-kanak di kelas. Ia akan memudahkan guru dalam membantu kanak-kanak meningkatkan penggunaan bahasa. Kajian Syofia Ulfah, Zamri Mahamod dan Jamaludin Badusah (2013) memberi penekanan bahawa perubahan pendidikan perlulah bermula daripada guru. Dengan itu, guru perlu melakukan perubahan bermula daripada dirinya sendiri.

Adat mementingkan pendidikan dan menghormati guru telah lama diwarisi dan menjadi satu amalan bagi masyarakat Cina. Tradisi yang mengutamakan pendidikan bahasa ibunda diwarisi dari dahulu sehingga sekarang. Orang Cina harus mempelajari bahasa Cina sebagai satu pegangan teguh bagi kaum Cina (Su, 2015). Menurut Li (2007), pelajar menghormati guru kerana masyarakat Cina menekankan amalan 'menghormati guru dan

menghormati ajarannya'. Guru lebih cenderung menggunakan lakuan tuturan secara langsung untuk menolak permintaan pelajar apabila pelajar ingin melengahkan kerja rumah mereka. Manakala, pelajar pula tidak berani memilih lakuan tuturan secara langsung untuk menolak permintaan guru. Budaya masyarakat negara barat adalah bersifat lebih terus terang dan terbuka dalam komunikasi seharian. Mereka sering menyatakan sebarang rasa tidak puas hati dan teguran secara terus terang tanpa berselindung. Cara percakapan budaya masyarakat barat yang lebih terbuka, terus dan langsung adalah berbeza dengan budaya masyarakat Cina (Li, 2007).

Dalam kehidupan seharian, setiap individu melaksanakan fungsi sosialnya melalui kegiatan berkomunikasi dan berinteraksi. Lakuan tuturan merupakan unit dasar komunikasi. Teori lakuan tuturan diperkenalkan oleh John Austin (1962) dan ideanya diperkembangkan oleh John Searle (1976). Ia tertumpu pada cara menghubungkan makna dengan lakuan semasa pertuturan.

Menurut Austin (1962), lakuan yang dituturkan oleh penutur menandakan kehendaknya atau menyatakan tindakan untuk melaksanakan sesuatu tindakan. Manakala, pendengar dapat memahami tindakan tersebut menerusi ujaran. Seterusnya, Searle (1976) menggolongkan lakuan ilokusi kepada lima jenis bentuk lakuan tuturan yang memiliki fungsi komunikatif tertentu iaitu representatif, deklarasif, ekspresif, direktif dan komisif. Ketika seseorang menyampaikan tuturan tertentu, sebenarnya ia bukan sekadar menuturkan sesuatu, tetapi juga membawa maksud untuk melakukan sesuatu. Yule (1996) telah melanjutkan penerangan tentang jenis-jenis lakuan tuturan yang dikemukakan Searle (1976) dalam bukunya yang berjudul '*Pragmatics*'.

Dalam kajian penggunaan lakuan tuturan, faktor sosial dan hubungan sosial lazimnya dibincangkan. Orang dewasa lebih sensitif terhadap tuturan orang dari latar

belakang sosial yang berlainan, mereka menggunakan strategi yang berbeza apabila bercakap dengan orang yang berlainan. Manakala, terdapat kajian menunjukkan bahawa faktor kontekstual serta sosial dapat mempengaruhi pemerolehan bahasa dan penggunaan bahasa kanak-kanak (Wang & Chen, 2014). Hal ini berlaku kerana kanak-kanak memperoleh bahasa secara berperingkat-peringkat, ia tidak dapat berlaku secara mendadak. “Bahasa kanak-kanak dianggap sebagai representasi permukaan yang alami perubahan apabila dibandingkan dengan bahasa dewasa” (Wan Muna Ruzanna & Vijayaletchumy Subramaniam, 2014, p. 445).

Aspek komunikasi adalah penting dalam pembelajaran bahasa. Guru harus menggunakan ujaran yang lebih mudah difahami oleh kanak-kanak agar proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar. Guru diharapkan agar dapat menyampaikan ideanya dengan ringkas, jelas, lengkap, dan benar supaya kanak-kanak memahami mesej yang disampaikan oleh guru. Dengan itu, penggunaan lakuan tuturan yang sesuai dengan konteks akan menciptakan suasana pembelajaran yang berkesan.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, kebanyakan pengkaji hanya mengkaji lakuan tuturan direktif, terutamanya mengenai kemahiran membuat permintaan dalam kalangan kanak-kanak (Özge Gül, 2014; Safont-Jordà, 2013; Ogiermann, 2015; Takada & Endo, 2015). Maka, terdapat kekurangan bilangan kajian yang mengkaji lakuan tuturan lain selain daripada lakuan tuturan direktif. Dengan itu, penyelidikan ini menumpukan kepada penggunaan bahasa kanak-kanak prasekolah dan guru untuk mengenal pasti lakuan tuturan yang kerap digunakan oleh mereka dalam kelas bahasa Cina di tadika.

Memandangkan terdapat kekurangan penyelidikan yang mengkaji penggunaan kesemua lakuan tuturan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah, maka kajian deskriptif ini merupakan usaha untuk mengkaji lakuan tuturan yang kerap digunakan oleh kanak-kanak

prasekolah semasa mereka berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya dalam bahasa Cina di tadika. Selain itu, kajian ini juga dapat mengenal pasti sama ada wujud atau tidak perbezaan dalam penggunaan jenis-jenis lakuan tuturan dalam interaksi antara kanak-kanak prasekolah dan guru.

1.2 Penyataan Masalah

Pemerolehan bahasa dan perkembangan bahasa kanak-kanak pada peringkat prasekolah masih berlaku (Piaget, 1964; Jalongo, 1992; Saxton, 2017) di mana dapat mempengaruhi penggunaan bahasa kanak-kanak prasekolah dalam lakuan tuturan yang digunakan. Kecekapan kanak-kanak memperoleh bahasa adalah bergantung kepada kekerapan komunikasi berlaku. Oleh itu, kekerapan penggunaan lakuan tuturan tertentu oleh kanak-kanak prasekolah boleh dipengaruhi oleh orang sekelilingnya seperti ahli keluarga, guru, rakan-rakan dan orang lain.

Penyelidikan ini mengkaji penggunaan lakuan tuturan mengikut klasifikasi Searle (1976) dan Yule (1996) dalam interaksi antara kanak-kanak prasekolah dan guru dalam bahasa Cina semasa kelas bahasa Cina di tadika. Pendidikan awal di peringkat prasekolah boleh mempengaruhi perubahan kanak-kanak dalam menggunakan lakuan tuturan. Dalam aspek pendidikan, guru prasekolah berperanan penting dalam pendidikan awal kanak-kanak. Sehubungan itu, tumpuan kajian ini adalah mengenal pasti jenis-jenis lakuan tuturan yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah dan guru dalam interaksi kelas bahasa Cina. Kajian ini dapat mendedahkan kepada guru prasekolah dan ibu bapa mengenai tahap penggunaan lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah berbangsa Cina pada peringkat umur 5 tahun dalam menggunakan bahasa Cina. Menurut Takada dan Endo (2015), cara pertuturan di antara kanak-kanak dengan penjaga adalah mengikut cara hidup masyarakat tertentu. Dengan itu,

kajian ini dapat mengenal pasti corak penggunaan lakuan tuturan di antara kanak-kanak prasekolah dan guru semasa bertutur dalam bahasa Cina. Ia dapat mengkaji dengan lebih mendalam lagi tentang penggunaan jenis-jenis lakuan tuturan peringkat prasekolah dalam bahasa Cina.

Terdapat kajian-kajian lepas yang telah memaparkan perbincangan mengenai penggunaan lakuan tuturan kanak-kanak (Wang & Chen, 2014; Özge Gül, 2014; Takada & Endo, 2015; Safont-Jordà, 2013; Ogiermann, 2015; Georgalidou, 2008; Kanngiesser, Köymen & Tomasello, 2017). Ia turut didapati bahawa kebanyakan kajian lepas hanya mengkaji lakuan tuturan direktif (Özge Gül, 2014; Safont-Jordà, 2013; Ogiermann, 2015; Takada & Endo, 2015). Melalui kajian ini, guru dapat mengetahui tahap penggunaan lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah dalam komunikasi seharian. Ia dapat memberi kesedaran kepada guru dalam merancang kaedah dan aktiviti mengikut tahap perkembangan bahasa kanak-kanak yang lebih berkesan bagi mendorong dan membimbing perkembangan dan kecekapan bahasa kanak-kanak di peringkat umur prasekolah.

1.3 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji jenis-jenis lakuan tuturan yang didapati dalam interaksi di antara kanak-kanak prasekolah dengan guru dan rakan sebaya dalam kelas bahasa Cina di tadika. Adalah diharapkan bahawa kajian ini dapat mengenal pasti perbezaan dalam penggunaan jenis-jenis lakuan tuturan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah dan guru semasa berkomunikasi dalam bahasa Cina.

1.4 Soalan Kajian

Kajian ini dilakukan berdasarkan kepada beberapa persoalan seperti berikut iaitu:

1. Apakah lakuan tuturan yang digunakan dalam interaksi di antara guru dengan kanak-kanak prasekolah dalam bahasa Cina dalam kelas bahasa Cina?
2. Apakah lakuan tuturan yang digunakan dalam interaksi di antara kanak-kanak prasekolah dengan guru dan rakan sebaya dalam bahasa Cina dalam kelas bahasa Cina?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini membantu mendedahkan kepada para pendidik prasekolah dan ibu bapa tentang tahap penggunaan dan perkembangan bahasa kanak-kanak melalui kajian mengenai penggunaan lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah dan guru. Guru mempunyai peranan dan tanggungjawab bagi membantu perkembangan bahasa kanak-kanak. Jika aktiviti dirancang dengan teliti dan baik oleh guru prasekolah dengan mengikut tahap pemahaman kanak-kanak prasekolah, mereka akan mendapat pengalaman secara langsung melalui aktiviti dan ini akan memantapkan lagi proses pembelajaran.

Dalam pendidikan awal kanak-kanak, guru dan orang yang berada di sekeliling kanak-kanak tersebut merupakan model atau teladan yang boleh dipelajari oleh mereka. Orang dewasa merupakan sumber kepada perkembangan dan penggunaan bahasa kanak-kanak. Semasa kanak-kanak mula bersekolah, mereka akan mengenali kawan yang baru dari kelas yang sama. Kanak-kanak juga akan menjadikan rakan-rakan sebagai model pembelajaran semasa berinteraksi. Ia akan membawa perubahan dalam penggunaan lakuan tuturan yang berlainan semasa mereka berkomunikasi dengan orang di sekeliling.

Hasil daripada penyelidikan ini membawa manfaat kepada para pendidik terutamanya guru prasekolah bagi membantu mereka membuat perancangan sistem pembelajaran dengan lebih berkesan, perubahan dalam kaedah pengajaran, penyediaan sukatan pelajaran dan pembaikan cara berkomunikasi. Pemahaman tentang kecekapan dan kemampuan penggunaan lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah boleh membantu para pendidik dalam meningkatkan tahap penggunaan bahasa kanak-kanak prasekolah. Kajian ini adalah wajar, memandangkan pengetahuan yang dipelajari oleh kanak-kanak adalah diajarkan dengan menggunakan bahasa.

1.6 Batasan Kajian

Dalam bidang bahasa, ia merangkumi aspek-aspek fonologi, pemerolehan bahasa, sintaksis dan sebagainya, namun kajian ini terbatas kepada penggunaan jenis-jenis lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah semasa mereka berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya. Fokus kajian hanyalah tertumpu kepada penggunaan bahasa dalam lakuan tuturan yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah dan guru semasa kelas bahasa Cina.

Pemilihan sampel kajian ini hanya terhad pada kanak-kanak prasekolah yang berumur 5 tahun sahaja. Sampel kajian yang dipilih melibatkan kanak-kanak berbangsa Cina yang berusia 5 tahun. Mereka yang dijadikan sampel adalah kanak-kanak daripada kelas sosial pertengahan. Selain itu, hanya sebuah tadika yang dijadikan sebagai tapak kajian untuk menjalankan kajian. Menurut Asmah Haji Omar (2002), pemilihan sampel yang mempunyai latar belakang dari sosiobudaya dan bahasa yang sama adalah lebih baik. Ia dapat membantu pengkaji menganalisis data yang dikumpul kerana ciri-ciri yang sama dapat memudahkan pengkaji memahami perbualan kanak-kanak dan menganalisis data. Faktor latar belakang bahasa dan budaya adalah penting dalam aspek pemilihan sampel

ataupun bidang kajian kerana ia dapat mempengaruhi ciri-ciri perbualan, pemahaman dan juga pemikiran seseorang.

1.7 Kesimpulan

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti lakuan tuturan yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah dan guru semasa mereka berinteraksi dalam bahasa Cina di tadika. Selain itu, ia dapat mengenal pasti sama ada wujud atau sebaliknya perbezaan dalam penggunaan jenis-jenis lakuan tuturan dalam interaksi sesama kanak-kanak prasekolah dengan interaksi bersama guru dalam kelas bahasa Cina.

Dengan ini diharapkan penyelidikan ini dapat membantu memperkembangkan kajian linguistik dalam mengkaji tahap penggunaan lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah dan guru semasa berinteraksi dalam bahasa Cina di tadika.

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab dua membincangkan kajian-kajian lepas mengenai tahap pemerolehan dan perkembangan bahasa kanak-kanak, kajian pragmatik dan lakuan tuturan serta kajian-kajian yang berkaitan supaya dapat membantu. Selain itu, ia sebagai panduan atau idea untuk menyempurnakan penyelidikan ini dengan lengkap dan sempurna.

2.2 Pemerolehan dan Perkembangan Bahasa Kanak-kanak

Untuk memahami dengan lebih jelas tentang penggunaan jenis-jenis lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah, hasil kajian terdahulu tentang tahap-tahap pemerolehan dan perkembangan bahasa kanak-kanak, serta penguasaan kemahiran literasi awal kanak-kanak perlu difahami terlebih dahulu. Ia dapat dijadikan panduan dan rujukan bagi menambahkan pemahaman tentang penggunaan bahasa kanak-kanak pada usia tertentu. Penguasaan kanak-kanak dalam penggunaan lakuan tuturan adalah sebahagian daripada proses yang berlaku selari dengan tahap pemerolehan dan perkembangan bahasa kanak-kanak. Ia berkembang selari dengan kemampuan kanak-kanak menghasilkan dan memahami ujaran.

Pemerolehan bahasa pertama dipopularkan oleh salah seorang tokoh yang bernama Noam Chomsky. Mengenai hipotesis nurani bahasa, Chomsky mengatakan bahawa setiap bayi yang lahir sudah memiliki keupayaan khusus untuk berbahasa. Penguasaan perbendaharaan kata adalah dibimbing oleh sistem pembentukan konsepsi yang tetap dan wujud sebelum seseorang didedahkan kepada pengalaman bahasa (Zulkifley Hamid, 1990).

Dalam nurani pemerolehan bahasa pertama, kanak-kanak belajar sejak kecil tanpa disadari. Pemerolehan bahasa kedua dipelajari selepas menguasai bahasa pertama (Krashen & Tarrell, 1983; Gayatri Marimothu & Rohaidah Kamaruddin, 2018). Kanak-kanak berusaha memahami sistem-sistem linguistik bahasa pertama, walaupun bahasa diterima oleh mereka secara tidak terhad dan tidak teratur, fenomena ini berlaku secara berterusan dalam kalangan budaya ataupun masyarakat yang berlainan. Pendidikan dalam bahasa ibunda adalah penting supaya seseorang mampu memahami dan belajar tentang bahasa ibunda mereka. Menurut Krashen (1994), kecekapan linguistik akan berlaku semasa bahasa diperolehi dengan separa sedar, dan pembelajaran secara sedar tidak boleh dijadikan sebagai bahasa yang spontan. Di Malaysia, 'bahasa rojak' sudah tertanam dalam epistemologi tempatan supaya komunikasi dapat merentasi etnolinguistik dan juga memupuk keterangkuman semasa berinteraktif (Albury, 2017). Menurut Albury, seseorang tidak sepatutnya mengabaikan bahasa ibundanya untuk kepentingan linguistik kritikal.

Pada peringkat kanak-kanak prasekolah, pemerolehan bahasa dan perkembangan bahasa masih berterusan. Mereka masih mempelajari penggunaan bahasa dari persekitaran. Tadika merupakan salah satu tempat untuk mengembangkan kemahiran literasi kanak-kanak. Mereka menguasai kemahiran berbahasa melalui empat kemahiran literasi asas, iaitu membaca, mendengar, menulis dan bertutur.

Piaget (1964) berpendapat bahawa kanak-kanak adalah bersifat aktif dan mereka memiliki kemampuan untuk membangunkan pengetahuan sendiri. Kanak-kanak membina pengetahuan melalui refleksi pengalamannya secara mental. Mereka bukan sahaja memperoleh pengetahuan secara pasif dari orang sekeliling, tetapi ia juga berlaku secara aktif melalui interaksi dengan orang sekeliling. Kanak-kanak mempunyai alat nurani yang berbentuk mekanikal umum dalam kebolehan berbahasa seseorang. Dengan itu, alat

mekanisme kognitif digunakan untuk menguasai bahasa. Menurut Piaget, terdapat 4 peringkat dalam perkembangan kognitif, iaitu peringkat sensori motor, pra operasi, operasi konkrit dan operasi formal. Pada peringkat pra operasi iaitu antara 2 tahun hingga 7 tahun, mereka mula menggunakan bahasa, mengembangkan ingatan dan imaginasi, mengisi masa dan fikiran, serta memahami dan mengekspresi perkaitan antara perkara yang berlaku pada masa lepas dan masa depan. Kebolehan mental kanak-kanak pada usia tersebut berpusat kepada diri sendiri dan gerak hati. Oleh itu, kanak-kanak pada peringkat pra operasi memerlukan peneguhan semasa memahami konsep-konsep asas dan membina idea menerusi permainan, aktiviti praktikal, dan berkomunikasi dengan orang di sekeliling (Piaget, 1964).

Menurut Suppiah Nachiappan et al. (2017), teknik bermain memainkan peranan penting dan membawa kesan positif dalam perkembangan kognisi kanak-kanak prasekolah. Kanak-kanak mempunyai daya imaginasi yang tinggi. Oleh itu, mereka boleh belajar sambil meneroka menerusi aktiviti bermain. Pembelajaran melalui kaedah bermain adalah salah satu pendekatan yang berkesan kerana perkembangan kanak-kanak berlaku dari segi fizikal, emosi, sosial dan bahasa.

Berdasarkan pandangan Vygotsky (1978), perkembangan kognitif adalah seiring dengan perkembangan bahasa, malahan perkembangan tersebut juga saling melengkapi antara satu sama lain. Perkembangan kognitif dan perkembangan bahasa saling berkembang dalam satu lingkup sosial. Vygotsky menegaskan bahawa, walaupun bahasa dan pemikiran berkembang secara individu pada mulanya tetapi mereka akan bersatu pada akhirnya. Kognitif sering diertikan sebagai kecerdasan atau keupayaan untuk berfikir. Ia adalah proses mental yang mencakupi perhatian, ingatan, pembelajaran, penyelesaian

masalah, pembuatan keputusan, penghasilan dan keupayaan untuk memahami bahasa dan sebagainya.

Perkembangan bahasa kanak-kanak berlaku secara sistematik selaras dengan pertambahan usia. Kanak-kanak yang berusia 4 tahun, mereka mampu menerapkan pengucapan dan tatabahasa, seterusnya memiliki 1400-1600 kosa kata. Pada usia 5 dan 6 tahun, kanak-kanak telah mengetahui susunan kalimat dan tatabahasa yang benar dan baik dalam menggunakan kata kerja. Mereka mampu menggunakan kosa kata kira-kira 2500 kata dan mamahami 6000 kata (Jalongo, 1992). Manakala menurut Saxton (2017), kanak-kanak yang berumur 2 hingga 6 tahun boleh mempelajari 10 perkataan baru dalam sehari. Dengan itu, kanak-kanak yang seawal usia 6 tahun dapat memperoleh perkataan daripada 10,000 hingga ke 14,000.

Menurut Poulain dan Brauer (2018), tuturan ibu kepada kanak-kanak berusia 5 hingga 6 tahun adalah lebih kompleks. Manakala, mereka yang berusia 2 hingga 3 tahun, tuturan ibu adalah kurang kompleks. Perkembangan bahasa sedang berlaku dalam interaksi antara ibu dengan anak. Kanak-kanak yang berusia lebih besar iaitu di antara 5 hingga 6 tahun, tuturan ibu semasa membaca buku gambar dengan anak adalah lebih kompleks. Mereka yang berusia di antara 2 hingga 3 tahun, tuturan ibu semasa bermain bersama anak adalah kurang kompleks. Dengan itu, perubahan dalam tingkah laku interaktif di antara kanak-kanak dengan ibu dan perubahan tingkah laku lisan dan bukan lisan ibu mengikut konteks yang berbeza sebagai satu peramal perkembangan bahasa kanak-kanak.

Kanak-kanak mempunyai satu set peraturan sosial dalam struktur tatabahasa iaitu kompetensi komunikatif dalam mempelajari bahasa. Hymes (1972) menunjukkan bahawa hubungan antara kompetensi komunikatif dengan bahasa adalah saling melengkapi. Struktur bahasa yang diperoleh melalui pengalaman kanak-kanak sendiri akan digunakan

dalam komunikasi mereka. Kanak-kanak mentafsirkan kehidupan dengan membentuk ungkapan yang sesuai.

Kanak-kanak memperoleh pengetahuan secara aktif pada orang sekelilingnya. Erikson (dalam Helms & Turner, 1983) berpendapat bahawa, pada usia 4 hingga 6 tahun, kanak-kanak berada di '*fase sense of initiative*'. Pada peringkat ini, kanak-kanak harus dibimbing dan didorong bagi menimbulkan pertanyaan tentang apa yang dirasakan, dilihat dan didengar oleh dirinya sendiri. Mereka merupakan individu yang mempunyai penasaran dan rasa ingin tahu yang tinggi. Kebanyakan kanak-kanak ingin mengetahui hal-hal yang baru ditemuinya, dengan itu, mereka menggunakan bahasa untuk menyampaikan keinginan yang diharapkan kepada orang di sekitarnya.

Selain bahasa lisan, bahasa bukan lisan juga berlaku di mana-mana sahaja. Menurut Halliday (1975), kanak-kanak menguasai bahasa supaya dapat berkomunikasi dengan orang di sekeliling mereka. Perbuatan menggerakkan tangan, menganggukkan dan menggelengkan kepala, perubahan ekspresi wajah dan lain-lain semasa komunikasi berlaku adalah dikenali sebagai bahasa bukan lisan. Sama ada sedar atau tidak, perlakuan yang muncul dalam interaksi adalah menjadi pelengkap kepada situasi berbicara sebenarnya. Dengan itu, ia dapat menggambarkan perasaan sebenar kanak-kanak. Komunikasi bukan lisan adalah gerak tubuh, isyarat, intonasi suara dan lain-lain yang digunakan semasa seseorang berkomunikasi tanpa lisan (Noor Afzaliza Nazira Ibrahim, Maizatul Haizan Mahbob & Abdul Latiff Ahmad, 2018).

Menurut Rohani Abdullah, Nani Menon dan Sharani Ahmad (2007), "Kemahiran bahasa dan komunikasi adalah memberi tumpuan kepada empat aspek, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis" (p. 160). Penggunaan lakuan tuturan kanak-kanak adalah berkaitan dengan tahap penguasaan kemahiran literasi awal. Proses perkembangan literasi

kanak-kanak telah berlaku sejak awal lagi (Teale & Sulzby, 1986). Perkembangan literasi tidak hanya dilihat dari segi perkembangan kemahiran membaca kanak-kanak di peringkat awal, malah juga merangkumi kemahiran lain yang sama penting. Antaranya ialah kemahiran bahasa lisan, kemahiran berfikir secara kritikal serta kemahiran bersoal jawab. Kemahiran literasi adalah sentiasa diperlukan dalam kehidupan seharian dan harus dipupuk sejak usia awal kanak-kanak lagi.

Kanak-kanak berusaha menguasai kemahiran literasi secara semula jadi. Pembelajaran bahasa merupakan proses yang berlaku pada usia awal. Oleh itu, lebih mudah seseorang mempelajari dan menguasai sesuatu bahasa ketika mereka masih muda. Perkembangan bahasa dan literasi memerlukan sokongan dan bimbingan daripada guru dan ibu bapa. Kanak-kanak dapat menguasai kemahiran literasi dengan mudah sekiranya cara yang disampaikan adalah menarik. Penguasaan yang baik dalam bahasa dan literasi adalah penting kepada kanak-kanak di sekolah pada masa depan (Zaniah Mohamed Isa & Juppri Bacotang, 2014).

Kemahiran literasi awal perlu dibangunkan secara berperingkat dan bersepadu di dalam kelas. Ia adalah penting sebagai landasan kemahiran menulis dan membaca kanak-kanak pada masa depan. Oleh hal yang demikian, kemahiran literasi awal harus dipupuk sejak kecil lagi secara langsung ataupun tidak langsung. Ibu bapa dan juga guru haruslah merancang awal supaya kanak-kanak dilengkapi dengan kemahiran literasi awal yang cemerlang dan secukupnya.

Manakala dalam pemerolehan sintaksis kanak-kanak, penutur perlu mengetahui bahasa mempunyai peraturan sintaksis. Dengan mematuhi peraturan sintaksis yang ditetapkan, perkataan-perkataan akan dicantum menjadi ayat yang bermakna dengan susunan yang betul (Mahzan Arshad, 2004). Sintaksis adalah bidang ilmu bahasa yang

mengkaji tentang proses pembentukan ayat. Pengguna bahasa perlu mematuhi peraturan bahasa tertentu supaya bahasa yang digunakan bermakna dan berfungsi. Dalam perkembangan sintaksis kanak-kanak, pemerolehan sintaksis bermula apabila seseorang kanak-kanak mampu mengembangkan lebih daripada dua kata (Steinberg, 1982). Oleh itu, kanak-kanak tidak dapat mencantumkan banyak perkataan dalam satu ayat ataupun beberapa ayat semasa menggunakan lakuan tuturan berbanding remaja.

Steinberg (1982) membahagikan perkembangan sintaksis berkenaan kepada tiga tahap. Pada tahap pertama iaitu telegraf, kanak-kanak bertutur dalam kombinasi kata secara ringkas atau dibentuk dengan hanya menggunakan kata inti atau dikenali sebagai kata minimal. Kanak-kanak jarang menggunakan kata-kata tugas. Pada tahap morfem, mereka mula menggunakan kata-kata yang lebih rencam jika dibandingkan dengan tahap telegraf. Akhirnya, pada tahap ketiga iaitu transformasi, perubahan kanak-kanak yang menggunakan ayat mudah kepada ayat yang lebih rencam seperti pertambahan ayat tanya.

Penggunaan bahasa adalah cara komunikasi manusia, ia dilihat berkembang sejak kecil. Kajian Zhang, Jin, Shen, Zhang dan Hoff (2008) yang mengkaji korelasi perkembangan bahasa awal kanak-kanak Cina mendapati keluarga yang mempunyai bapa yang berpelajaran lebih tinggi, perkembangan bahasa anak-anak tersebut adalah lebih cepat berbanding dengan anak-anak yang bapanya kurang berpendidikan. Perkembangan kosa kata menunjukkan lebih banyak hubungan yang signifikan dengan pembolehubah persekitaran daripada perkembangan tatabahasa. Dari perkembangan bahasa, kelihatan berlaku perbezaan disebabkan budaya yang berbeza. Kepercayaan orang dewasa terhadap perkembangan adalah berbeza dan cara mereka berinteraksi dengan kanak-kanak juga berbeza. Oleh itu, bahasa yang diperoleh oleh anak-anak mereka adalah berbeza. Perkembangan bahasa kanak-kanak berlakunya perbezaan, adalah berkaitan dengan

perubahan dalam pengalaman bahasa yang diberikan oleh ahli keluarga mereka. Kedua-dua kebolehubahan dalam kadar perkembangan bahasa dan jenis pengalaman bahasa adalah berlaku secara sistematik. Ia berkaitan dengan pendidikan ibu bapa, dengan anak-anak yang mengetahui lebih banyak bahasa dan pemerolehan bahasa anak-anak tersebut akan lebih cepat. Manakala, perbezaan dalam pengalaman adalah tidak dapat diatasi, iaitu pembelajaran kanak-kanak perempuan adalah lebih cepat daripada lelaki.

Menurut kajian Wan Muna Ruzanna dan Vijayaletchumy Subramaniam (2014), pemerolehan bahasa berlaku sejak lahir di mana mereka memiliki keupayaan untuk berbahasa. Sebenarnya, pemikiran manusia dipengaruhi oleh faktor dalaman diri dan juga luaran diri. Kajian ini menganalisis tahap kefahaman kanak-kanak melalui teori kod kognitif yang dikemukakan oleh Chomsky dan teori pertumbuhan kognisi yang dikemukakan oleh Piaget. Melalui kajian ini, ia membantu para pendidik untuk menggalakkan murid-murid berfikir dan meningkatkan penguasaan kosa kata, serta meningkatkan daya pemikiran kanak-kanak. Ini kerana mereka memperoleh bahasa secara berperingkat-peringkat.

Zheng (2016) menunjukkan bahawa ciri-ciri kanak-kanak prasekolah dalam pembelajaran bahasa Cina dikuasai semasa berkomunikasi secara lisan, pemerolehan secara naluri, galakan pembangunan dalam pembelajaran, pembelajaran secara dalam konteks, serta berpusat kepada proses pembelajaran pelajar. Kajian lepas oleh Norajihah Muda dan Raja Masittah Raja Ariffin (2014) telah menyatakan bahawa dari sudut pragmatik, sudut pandang orang dewasa dan kanak-kanak adalah berbeza. Kanak-kanak memiliki sudut pandang berbeza yang berdasarkan kepada konteks pemahaman mereka. Ungkapan seseorang kanak-kanak mempunyai makna tersirat dan hanya dapat difahami oleh mereka kerana sudut pandang mereka berbeza dengan kefahaman pendengar dewasa. Pada

kebiasaannya, kanak-kanak berkomunikasi menerusi gambaran imej yang telah wujud di dalam fikiran mereka dan makna ungkapan yang disampaikan dan kadangkala dihuraikan mengikut gambaran di fikiran mereka. Imej dan gambaran kanak-kanak tersebut adalah berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mereka terhadap sesuatu perkara.

Li (2006) telah mengkaji mengenai tiga orang kanak-kanak Cina-Kanada yang berusia di antara 6 dan 7 tahun. Amalan '*biliteracy*' (membaca dan menulis dalam bahasa Cina dan bahasa Inggeris) dan '*trilingual*' (Mandarin, Kantonis, dan Inggeris) telah dijalankan dalam tiga keluarga kanak-kanak tersebut. Menurut kajian Li (2006), terdapat banyak faktor yang berbeza yang dapat membentuk bahasa dan amalan literasi kanak-kanak di rumah. Penggunaan berterusan dan pembelajaran bahasa warisan di rumah adalah penting untuk kanak-kanak mencapai keseimbangan dalam kebolehan dan minat terhadap kedua-dua bahasa yang berbeza. Persepsi ahli keluarga terhadap bahasa-bahasa yang dipelajari kanak-kanak juga penting dalam membentuk usaha sokongan mereka dalam kejayaan atau kegagalan anak-anak mereka untuk menjadi '*biliterate*' dan '*multilingual*'. Adalah perlu bagi ibu bapa untuk memeriksa kepercayaan dan amalan mereka sendiri di rumah dan menyedari pentingnya peranan mereka dalam menyokong pembangunan '*biliterate*'. Selain daripada ibu bapa, sekolah juga boleh mempertimbangkan penawaran program berbilang bahasa. Sekolah aliran bahasa Cina adalah penting dalam perkembangan dan pembangunan '*biliterate*' kanak-kanak dengan kajian semula kurikulum dan kaedah pengajaran untuk kepentingan pembelajaran dan keperluan pembangunan.

Pemerolehan bahasa adalah proses perkembangan bahasa manusia yang berkaitan dengan bagaimana seseorang dapat memperoleh bahasa. Ia adalah isu yang menarik dan sukar dapat dibuktikan dengan jelas. Oleh itu, para pendidik perlu menyediakan teknik pengajaran yang berkesan supaya dapat mambantu kanak-kanak dalam menguasai bahasa.

Sebagai seorang guru yang mengajar bahasa, guru perlu menggunakan strategi-strategi tertentu semasa menerangkan makna kepada kanak-kanak prasekolah supaya mereka mudah memahami maksud perkataan yang disampaikan atau diajar oleh guru. Di samping itu, teknik mengajar serta bahan pengajaran seperti multimedia menjadi unsur yang penting semasa kanak-kanak prasekolah dalam pembelajaran bahasa.

2.3 Kajian Pragmatik

Pragmatik ialah kajian makna ujaran berdasarkan konteks sebenar dan pemahaman konteks sangat diperlukan dalam analisis pragmatik. Yule (1996) mengatakan bahawa pragmatik adalah mengkaji mengenai maksud yang dikehendaki penutur. Ia adalah bersangkutan dengan sosiolinguistik, neolinguistik dan psikolinguistik (Bublitz & Norrick, 2011). Komunikasi merupakan satu proses penyampaian pesan dari penutur kepada pendengar. Penutur akan menyampaikan sesuatu yang diinginkannya melalui tuturan yang mempunyai maksud dan tujuan tertentu serta memiliki lebih daripada satu maksud. Justeru, setiap bangsa mempunyai bahasa yang tersendiri supaya dapat menyampaikan mesej yang ingin dibawakan. Mesej akan terbatas sekiranya seseorang gagal dalam menguasai pragmatik. Hal ini berlaku kerana salah faham antara dua pihak, iaitu penutur dengan pendengar lalu menjejaskan komunikasi dua hala dan akhirnya berlakunya kegagalan komunikasi.

Komunikasi merupakan aspek penting dalam kehidupan seharian untuk tujuan pengaliran maklumat dan interaksi kemanusiaan. Komunikasi melibatkan penyampaian fikiran dan perasaan kepada pendengar. Ia juga dapat mempengaruhi pemahaman dan sikap orang lain. Komunikasi adalah aktiviti dasar manusia kerana manusia menggunakannya

untuk saling berhubung semasa di rumah, sekolah, atau mana-mana sahaja (Noor Afzaliza Nazira Ibrahim et al., 2018).

Pragmatik merupakan bidang linguistik yang mengkaji makna dalam hubungannya dengan situasi-situasi tuturan. Pragmatik dapat didefinisikan sebagai makna dalam perbualan, makna bukan hanya ditentukan oleh perkataan yang dimaksudkan oleh penutur, akan tetapi juga termasuk apa yang difahami oleh pendengar (Nur Hafizah Razali & Normaliza Abd Rahim, 2016).

Levinson (1983) menegaskan bahawa pragmatik mengkaji mengenai kemampuan pengguna bahasa untuk mengaitkan kalimat-kalimat (gabungan daripada dua kata ataupun lebih dan memiliki makna) dengan konteks yang sesuai. Menurut Norajihah Muda dan Raja Masittah Raja Ariffin (2014), “Setiap ujaran yang dihasilkan oleh kanak-kanak mempunyai unsur pragmatik yang kadangkala berbeza kefahamannya dengan pendengar dewasa” (p. 103). Pragmatik mengkaji mengenai hubungan asas di antara bahasa dan konteks dari penerangan mengenai pemahaman bahasa yang kadangkala pendengar dewasa berlaku kekeliruan kerana pertuturan kanak-kanak yang mempunyai unsur pragmatik hanya dapat difahami dan diketahui dalam kalangan mereka sahaja. Dengan itu, bidang pragmatik amat penting bagi membantu kanak-kanak prasekolah meningkatkan kemahiran berkomunikasi.

2.4 Lakuan Tuturan

2.4.1 Definisi

Komunikasi menjadi penghubung antara semua orang kerana penutur dapat berhubung dan juga bertukar pendapat. Ujaran merupakan kalimat yang dilisankan oleh seseorang semasa berkomunikasi. Ia merupakan bentuk bahasa iaitu kata, perkataan, frasa,

ayat atau jujukan ayat oleh seseorang penutur dalam sesuatu peristiwa. Apabila seseorang sedang bertutur, tujuan penutur itu adalah untuk menyampaikan mesej yang ada dalam mindanya melalui ujaran agar difahami oleh pendengar. Menurut Muhammad Zuhair Zainal (2017), “penggunaan ayat dalam ujaran yang mengandungi dua bentuk ilokusi sama seperti ujaran yang mengandungi satu bentuk ilokusi, iaitu sama ada ujaran tersebut menggunakan jenis ayat berbeza atau menggabungkan beberapa jenis ayat dalam satu ujaran” (p. 198-199).

Dengan menggunakan ilmu kebahasaan yang sedia ada, manusia menggunakan bahasa bersama dengan perkembangan ekonomi, agama, sosial budaya, pendidikan, dan sebagainya. Maka konteks bahasa tidak lagi hanya terbatas dalam konteks penutur dan pendengar pada situasi, tempat, waktu dan saluran tertentu, tetapi meliputi segala segi kehidupan manusia. Hymes (1974) menegaskan bahawa penggunaan bahasa pragmatik merangkumi lapan jenis komponen pertuturan yang dinamakan ‘*SPEAKING*’ iaitu *S*: waktu dan tempat, *P*: pihak yang terlibat dalam peristiwa tutur, *E*: tujuan pertuturan, *A*: bentuk atau isi ujaran, *K*: nada, cara dan semangat semasa menyampaikan sesuatu, *I*: jalur bahasa yang digunakan, *N*: norma atau aturan dalam berinteraksi dan *G*: jenis bentuk penyampaian. Lakuan tuturan boleh dibina atau direalisasikan menerusi pelbagai peristiwa tutur.

Konteks adalah penting bagi membantu penutur dan pendengar menafsirkan makna yang dituturkan. Konteks dilihat sebagai pengetahuan bersama antara penutur dan pendengar. Konteks tertentu atau pengetahuan dapat mempengaruhi seseorang menafsirkan jenis-jenis lakuan tuturan yang berbeza. Dengan demikian, konteks penting sebagai penjelas suatu maksud dan dapat mempengaruhi interpretasi pendengar terhadap ujaran.

Makna tuturan adalah makna yang ditafsirkan melalui konteks dan penggunaannya. Sedangkan pragmatik adalah pembelajaran makna tuturan di mana tafsiran ujaran adalah

berdasarkan penggunaan dan konteks. Tuturan membawa konteks di mana ujaran tersebut dituturkan atau didengar. Sehubungan dengan itu, tuturan juga merupakan suatu tindakan dan lakuan. Adapun fungsi tuturan adalah didasarkan pada fungsi-fungsi lakuan tuturan (Searle, 1976). Menurut Noor Aina Dani (2007), pertuturan merupakan cara atau gaya penuturan dalam perkara-perkara tertentu. Dengan itu, keupayaan untuk memahami makna ujaran menerusi kaedah pentafsiran yang betul semasa menganalisis pertuturan kanak-kanak adalah amat penting untuk menilai tahap penggunaan lakuan tuturan dalam kalangan mereka.

Bahasa lisan dalam pragmatik wujud dalam bentuk tuturan atau dikenali sebagai lakuan tuturan dalam ilmu pragmatik. Lakuan tuturan pada mulanya dikemukakan oleh John Langshaw Austin. Beliau merupakan orang yang pertama menyatakan bahawa terdapat banyak perkara yang dapat dilakukan dengan perkataan. Tuturan yang dinyatakan oleh penutur bukan hanya sekadar pernyataan ataupun pertanyaan tentang informasi tertentu tetapi tuturan merupakan suatu lakuan. Austin (1962) telah mengemukakan '*speech act theory*' atau dinamakan 'teori lakuan tuturan' yang membincangkan mengenai perlakuan pertuturan manusia. Austin dikenali ramai dengan teori lakuan tuturan dan konsep bahawa ujaran adalah suatu bentuk lakuan, salah satu karyanya yang dikenali ramai adalah '*How to do thing with words*'. Beliau mempunyai pandangan bahawa manusia menggunakan lakuan-lakuan yang dikenali sebagai lakuan tuturan (*speech acts*) semasa sedang berkomunikasi dengan menggunakan bahasa.

Lakuan tuturan merupakan analisis pragmatik dan membawa makna perkara-perkara yang dilakukan melalui perkataan ketika dituturkan. Sebagai contoh, meminta, menolak, memuji, menyapa, meminta maaf, dan sebagainya. Komunikasi akan dapat

dijalankan dengan baik dan sempurna apabila pendengar dapat mengerti dan memahami maksud dari lakuan tuturan yang dilakukan oleh pertutur.

Menurut Austin (1962), lakuan tuturan dibahagikan kepada peringkat lokusi, ilokusi dan perlokusi. Lakuan lokusi adalah untuk menyatakan sesuatu dan bersifat informatif. Ia hanya sebagai tindak berbicara untuk menyatakan sesuatu dengan kalimat dan kata yang sepadan dan sesuai. Lokusi membawa makna ujaran yang dinyatakan atau tindak tutur yang dapat menyatakan sesuatu, dan ilokusi adalah berfungsi untuk menginformasikan sesuatu dan digunakan semasa menggunakan sesuatu lakuan tuturan. Ia dikenalpasti sebagai kalimat performatif yang eksplisit. Manakala, perlokusi adalah kesan atau hasil yang timbul akibat tuturan, iaitu pendengar melakukan tindakan berdasarkan isi tuturan atau hal yang dilakukan pendengar akibat ilokusi. Ia merujuk kepada kesan yang ditimbulkan oleh ujaran yang dihasilkan oleh penutur, baik yang nyata mahupun yang diharapkan oleh penutur.

Chaer dan Agustina (2004) menyatakan bahawa lakuan tuturan merupakan kelakuan individu. Ia bersifat psikologi dan kemampuan yang ditentukan oleh kemampuan penutur apabila berhadapan dengan situasi tertentu. Lakuan tuturan adalah lebih dilihat erti atau makna lakuan dalam tuturan yang digunakan.

2.4.2 Klasifikasi Jenis-jenis Lakuan Tuturan

Ilokusi merupakan lakuan melakukan sesuatu. Ia merupakan lakuan tuturan yang merangkumi fungsi dan maksud tuturan. John Searle yang juga merupakan ahli falsafah bahasa mengembangkan teori Austin tentang lakuan tuturan ilokusi. Jadual 2.1 menunjukkan kerangka lakuan tuturan yang dikemukakan oleh Searle (1976). Berdasarkan jadual tersebut, Searle mengklasifikasikan lakuan tuturan ilokusi kepada representatif, deklarasif, ekspresif, direktif dan komisif yang masing-masing memiliki fungsi komunikatif.

Jadual 2.1: Kerangka Lakuan Tuturan Searle (1976)

Jenis-jenis lakuan tuturan	Penerangan / Deskripsi (Searle, 1976)
Representatif	Penutur menyatakan proposisi yang benar mengikut keadaan yang berlaku.
Deklarasi	Prestasi penutur yang berjaya menghubungkan isi tuturan dengan kenyataan yang realiti.
Ekspresif	Penutur menyatakan keadaan psikologi dengan ikhlas terhadap suatu keadaan.
Direktif	Percubaan penutur untuk membuatkan pendengar melakukan sesuatu.
Komisif	Lakuan ilokusi yang mengikat penutur untuk melakukan sesuatu tindakan pada masa akan datang.

Selepas itu, Yule (1996) telah melanjutkan penerangan mengenai jenis-jenis lakuan tuturan Searle (1976) dalam bukunya yang berjudul '*Pragmatics*'. Jadual 2.2 menunjukkan lima fungsi umum lakuan tuturan yang dikemukakan oleh Yule (1996).

Jadual 2.2: Lima Fungsi Umum Lakuan Tuturan (Yule, 1996)

Jenis-jenis lakuan tuturan	Arah penyesuaian	S:Penutur X:Situasi
Representatif	Kata disesuaikan dengan dunia	S mempercayakan X
Deklarasi	Kata mengubah dunia	S menyebabkan X
Ekspresif	Kata disesuaikan dengan dunia	S merasakan X
Direktif	Dunia disesuaikan dengan kata	S mahu/ingin X
Komisif	Dunia disesuaikan dengan kata	S berniat/ rancang/ berhasrat X

2.4.2.1 Lakuan Tuturan Representatif

Lakuan tuturan representatif juga dikenali sebagai lakuan tuturan asertif. Menurut Yule (1996), lakuan tuturan ini berfungsi untuk memberitahu pendengar mengenai sesuatu yang dipercayai oleh penutur. Kata-kata atau tuturan yang dihasilkan oleh penutur adalah sesuai dengan realiti dunia. Jenis-jenis lakuan tuturan ini meliputi pernyataan, penegasan, kesimpulan, pemberitahuan dan lain-lain.

Dalam menggunakan lakuan tuturan ini, penutur menyatakan tentang ehwal realiti luaran dengan menggunakan kata yang dinyatakan adalah sesuai dengan dunia yang dipercayai (Peccei, 1999). Menurut Huang (2007), representatif merupakan lakuan tuturan yang mengaitkan penutur bersama dengan kebenaran dalam proposisi yang dituturkan dan membawa nilai benar terhadap ungkapan tersebut. Cutting (2008) pula menyatakan bahawa kata yang digunakan dalam lakuan tuturan representatif adalah untuk penutur menyatakan apa yang dipercayai dalam perkara berlaku.

2.4.2.2 Lakuan Tuturan Deklarasi

Berdasarkan pendapat Yule (1996), lakuan tuturan deklarasi membawa perubahan dunia sebagai akibat dari tuturan itu. Ini kerana penutur mempunyai kuasa yang khusus untuk melakukan lakuan tersebut, misalnya pengadil yang mengatakan *“You’re out!”* dan paderi yang mengumumkan hubungan sepasang pengantin dengan mengatakan *“I now pronounce you husband and wife”*.

Lakuan tuturan deklarasi adalah lakuan tuturan yang menggunakan kata dan ungkapan untuk mengubah dunia (Peccei, 1999; Cutting, 2008). Dalam melaksanakan lakuan tuturan tersebut, penutur akan membawa perubahan ke dunia atau mencipta hal, iaitu status, situasi, keadaan dan lain-lain yang baru. Jenis-jenis lakuan tuturan deklarasi meliputi memecat, mengisytiharkan, membebaskan dan sebagainya.

2.4.2.3 Lakuan Tuturan Ekspresif

Lakuan tuturan ekspresif adalah menyatakan psikologi sikap atau keadaan penutur. Yule (1996) berpendapat bahawa lakuan tuturan ekspresif adalah untuk menggambarkan

apa yang penutur sedang rasakan. Lakuan tuturan tersebut mengungkapkan perasaan atau keadaan psikologi penutur dengan pernyataan keadaan rasa seronok, sakit, suka, tidak suka, gembira atau duka. Perkara itu berlaku kemungkinan disebabkan oleh perbuatan penutur atau pendengar, tetapi ia berkaitan dengan pengalaman penutur.

Penutur menyatakan perasaan mereka dengan kata-kata yang sesuai dengan dunia psikologi dalaman mereka. Lakuan tuturan ekspresif boleh merujuk kepada pendengar atau aspek-aspek di dunia, tetapi tumpuan mereka adalah perasaan penutur terhadap perkara yang sedang berlaku (Peccei, 1999). Menurut Cutting (2008), kata yang dinyatakan oleh penutur adalah untuk menyatakan perasaan.

2.4.2.4 Lakuan Tuturan Direktif

Lakuan tuturan direktif menyatakan harapan dan keinginan penutur agar pendengar melakukan sesuatu. Yule (1996) menyatakan bahawa penutur menggunakan lakuan tuturan direktif agar seseorang melakukan sesuatu diingini. Dengan demikian, penutur menyatakan hasrat atau keinginan kepada pendengar supaya orang tersebut melakukan sesuatu.

Dalam menggunakan lakuan tuturan direktif, penutur berniat untuk mendapatkan tindakan pendengar pada masa depan, sehingga menjadikan dunia disesuaikan kata-kata melalui pendengar (Peccei, 1999). Pendengar bertanggungjawab untuk menjalankan apa yang diinginkan oleh penutur. Menurut Cutting (2008), tujuan lakuan tuturan direktif digunakan adalah keinginan pihak penutur kepada pendengar untuk melakukan sesuatu. Jenis-jenis lakuan tuturan direktif meliputi meminta, melarang, mengarah, bertanya, menasihati dan lain-lain.

2.4.2.5 Lakuan Tuturan Komisif

Lakuan tuturan komisif adalah berkaitan dengan komitmen penutur terhadap tindakan pada masa akan datang. Yule (1996) memberi pemahaman bahawa penutur mengikut tindak lanjut atau memenuhi apa yang dituturkan. Lakuan tuturan komisif mengekspresikan apa yang ingin disampaikan oleh penutur. Dalam lakuan tuturan tersebut, penutur merupakan pihak yang bertanggungjawab ke atas kebenaran tentang yang dituturkan.

Lakuan tuturan komisif adalah mengaitkan penutur dalam darjah yang berbeza untuk melaksanakan sesuatu pada masa depan. Ia mengikat penutur pada suatu lakuan atau tindakan yang akan dilakukan pada masa akan datang dan melaksanakan segala perkara yang dituturkan (Peccei, 1999). Menurut Cutting (2008), jenis-jenis lakuan tuturan komisif meliputi berjanji, menawarkan, mengancam, menolak, menawarkan diri dan lain-lain.

2.5 Kajian Lepas Mengenai Lakuan Tuturan

Bahagian ini menyentuh kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan lakuan tuturan. Kajian-kajian lepas yang dibincangkan adalah sebagai idea atau panduan bagi membantu dalam menyempurnakan kajian ini.

Berdasarkan kajian-kajian lepas berkenaan penggunaan lakuan tuturan orang dewasa, Nihat Bayat (2013) telah menjalankan kajian mengenai penggunaan lakuan tuturan dengan menganalisis kandungan kenangan pendek para peserta dari guru pendidikan prasekolah. Hasil kajian ini mendapati bahawa kebanyakan lakuan tuturan adalah secara tersirat, kecuali semasa mengucapkan terima kasih, meminta maaf dan menolak adalah secara eksplisit.

Selain itu, Norrick (2015) telah menggunakan perspektif 'luar dalam' untuk mengkaji apa yang dicapai oleh penutur apabila mereka menceritakan kisah semasa berinteraksi dengan orang lain. Ia didapati bahawa fungsinya bukan sekadar untuk menghibur atau menggambar sesuatu, tetapi dengan menggunakan gaya ilokusi seperti mengaku dan membantah, bahkan meminta maaf dan memberi amaran, walaupun secara tidak langsung.

Kajian Muhammad Zuhair Zainal (2017) dijalankan untuk mengenal pasti bentuk lakuan ilokusi dan jenis lakuan gramatis guru semasa pengajaran bahasa Melayu kurikulum sekolah rendah Malaysia sedang dijalankan, dan juga menerangkan fungsi lakuan ilokusi. Hasil kajian pengkaji menyatakan bahawa ujaran-ujaran guru mempunyai lakuan ilokusi penegasan, arahan dan komisif. Ia juga menunjukkan ujaran yang digunakan mempunyai dua bentuk lakuan ilokusi yang berlainan iaitu ekspresif dan arahan, dan penegasan dan arahan. Kajian yang dijalankan memberi manfaat kepada para pendidik supaya ujaran atau tuturan yang dituturkan adalah lakuan ilokusi yang lebih bersesuaian dengan kemampuan kognisi pelajar, dan mereka dapat memahami fungsi lakuan ilokusi tersebut dengan jelas. Secara tidak langsung, implikasi kajian ini membawa sokongan dan dorongan kepada pelajar yang belajar di kelas untuk meneladani budi pekerti yang murni yang telah ditunjukkan oleh guru. Guru yang menggunakan lakuan ilokusi dan lakuan gramatis secara berhemah dan rasional boleh menarik minat dan perhatian pelajar terhadap pengajaran guru tersebut. Maka, ia menghasilkan kesan positif secara tidak langsung terhadap perkembangan emosi, motivasi diri dan psikologi pelajar.

Syofia Ulfah, Zamri Mahamod dan Jamaludin Badusah (2013) menjalankan kajian mengenai kemahiran komunikasi interpersonal ekspresif guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran di kelas sekolah menengah Indonesia. Kajian tersebut telah

mendeskripsikan komunikasi interpersonal ekspresif yang digunakan oleh guru. Fungsi ekspresif adalah untuk mendedahkan sikap psikologi guru terhadap keadaan pelajar yang wujud dalam komunikasi interpersonal seperti menyatakan terima kasih, memuji, memohon maaf, menyatakan kegembiraan, dan sebagainya. Pujian yang tidak ikhlas, ancaman dan kritikan bersifat tuduhan kepada pelajar akan mendatangkan kesan negatif terhadap perkembangan psikologi, emosi dan motivasi murid-murid. Guru yang menggunakan cara begini ketika dalam proses pengajaran dan pembelajaran telah menunjukkan guru tersebut tidak menggunakan pendekatan komunikasi interpersonal ekspresif yang penyayang. Hal ini terjadi kerana sikap guru yang tidak profesional dan bertindak sebagai penghalang untuk mewujudkan pendidikan berkualiti. Ia tidak membawa perubahan terhadap murid daripada aspek kognitif, psikomotor ataupun aspek afektif ke arah yang lebih baik.

Kajian Basra dan Thooyibah (2017) mengkaji klasifikasi lakuan tuturan yang digunakan oleh guru dalam kelas EFL (*English as a foreign language*) dalam konteks Indonesia, sebab-sebab pilihan guru dalam lakuan tuturan tertentu dan implikasi lakuan tuturan yang dipilih ke arah proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian tersebut menunjukkan kekerapan setiap klasifikasi lakuan tuturan yang dikumpul seperti berikut, iaitu direktif (70%), representatif (21%), ekspresif (6%) dan komisif (3%). Lakuan tuturan yang paling kerap digunakan oleh guru adalah lakuan tuturan direktif kerana guru mengamalkan prinsip pengajaran bahasa komunikatif.

Kajian Nurul Syuhada Shuib dan Maslida Yusof (2019) yang meneliti jenis lakuan bahasa yang digunakan oleh penceramah agama, pengkaji tidak menemukan lakuan tuturan deklarasi dalam ceramah agama. Kajian ini juga mendapati terdapat lakuan tuturan gabungan digunakan oleh penceramah. Kategori lakuan tuturan gabungan yang paling kerap digunakan oleh penceramah ialah gabungan lakuan tuturan representatif dengan

direktif. Berdasarkan analisis Nurul Syuhada Shuib dan Maslida Yusof (2019), lakuan tuturan gabungan bermaksud terdapat beberapa kategori lakuan tuturan yang digunakan oleh penceramah. Contohnya, gabungan lakuan tuturan representatif dengan direktif, iaitu ujaran yang bermula dengan ayat pernyataan dan disusuli oleh ayat arahan.

Di samping itu, kajian Ngoan dan Dung (2017) juga menunjukkan bahawa terdapat kombinasi lakuan tuturan yang berbeza digunakan dalam ujaran yang dibentangkan dalam buku rujukan bahasa Inggeris pelajar untuk komunikasi antarabangsa ‘*New Interchange 1, 2 and 3*’. Pengkaji menyedari bahawa terdapat kombinasi lakuan tuturan yang berbeza digunakan dalam ujaran, iaitu lakuan tuturan representatif dan ekspresif, representatif dan direktif, ekspresif dan direktif, dan lain-lain. Sebagai contoh, “*Well, here’s the course catalog. Take a look.*” merupakan kombinasi lakuan tuturan representatif dan direktif.

Akhirnya, kajian penggunaan lakuan tuturan yang dikemukakan oleh Maslida Yusof dan Karim Hanun (2015) dalam menfokuskan kepada media sosial, kaedah analisis kandungan yang berdasarkan kerangka lakuan tuturan Searle (1969) telah digunakan oleh pengkaji. Ia didapati bahawa kategori lakuan tuturan yang dapat dikumpul dalam ruangan status media sosial adalah lakuan tuturan representatif, direktif dan ekspresif. Selain itu, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan status yang dihantar telah menggunakan kategori gabungan beberapa lakuan tuturan yang ditemui dalam satu status. Menurut pengkaji, lakuan tuturan gabungan membawa maksud dalam sesuatu status yang disampaikan mengandungi beberapa kategori lakuan tuturan yang berbeza.

2.6 Kajian Lakuan Tuturan antara Kanak-kanak dengan Orang Dewasa

Dengan merujuk kepada kajian-kajian lepas, didapati bahawa terdapat kajian yang memaparkan perbincangan tentang penggunaan lakuan tuturan di antara kanak-kanak dengan orang dewasa. Oleh itu, tumpuan bahagian ini adalah membincangkan kajian-kajian terdahulu mengenai penggunaan lakuan tuturan dalam interaksi antara kanak-kanak dengan orang dewasa.

Menurut Takada dan Endo (2015), struktur urutan meminta-menerima di antara interaksi penjaga dengan kanak-kanak yang melibatkan pemindahan sesuatu objek di Jepun adalah mengikut cara pertuturan dan cara hidup masyarakat mereka. Dalam interaksi di antara penjaga dengan kanak-kanak, kanak-kanak memberi tumpuan kepada fungsi, manakala penjaga sering memperkenalkan unsur-unsur budaya. Permintaan objek dari penjaga kepada kanak-kanak adalah salah satu lakuan yang membuatkan penjaga dan kanak-kanak membina moral yang sesuai dengan mengikut budaya Jepun. Ini kerana ia adalah satu cara yang berkesan bagi mewujudkan kemudahan kepada penjaga dan juga membantu kanak-kanak yang belum fasih dalam lisan. Selain itu, teori kesantunan Brown dan Levinson (1987) juga diutamakan oleh pengkaji kerana budaya Jepun mempunyai gaya tersendiri.

Comparini (2013) yang mengkaji pembinaan linguistik diri dan orang lain melalui penggunaan justifikasi dalam kalangan ibu dengan warisan anak Mexico mereka telah menunjukkan interaksi di antara anak-anak dengan ibu memainkan peranan yang kompleks dalam pembinaan hubungan sosial atas konflik mereka. Data yang dikumpulkan dianalisis dengan bentuk konteks lakuan tuturan.

Antaki dan Kent (2015) menjalankan kajian untuk menganalisis interaksi antara kanak-kanak dengan orang dewasa dalam kalangan isi rumah USA dan UK, mereka

mendapati bahawa kanak-kanak boleh diarah untuk menukar lakuan mereka melalui imperatif, interogatif dan deklaratif. Kanak-kanak juga dapat memahami peraturan normatif perbualan dalam pelanggaran (*flouting*).

Huang (2012) menunjukkan bahawa ibu bapa yang tinggal di Taiwan menggunakan empat jenis pengulangan tuturan yang berbeza, iaitu mengulang kata kanak-kanak secara tepat, dikurangkan, diubah suai atau diperluaskan semasa berinteraksi dengan kanak-kanak. Tujuan ibu bapa adalah untuk mengesahkan penerimaan maklumat, meminta penjelasan, meminta untuk pengesahan, mensasarkan tindakan seterusnya, dan merumuskan tuturan kanak-kanak. Pada kebiasaannya, kanak-kanak dikemukakan dengan konteks yang berbeza dan tuturan mana yang sesuai dengan konteks tersebut. Apabila kanak-kanak mengatakan sesuatu sebagai reaksi kepada perkara yang dikatakan oleh orang lain, mereka boleh mengulang apa yang mereka dengar atau mengatakan sesuatu yang lebih atau kurang berkaitan dengannya (Bloom, Hood & Lightbown, 1974). Menurut Huang (2012), ibu bapa juga mengulang kata kanak-kanak semasa berinteraksi dengan mereka.

Pauletto, Aronsson dan Galeano (2017) juga menjalankan kajian mengenai penggunaan panggilan mesra dan penanda afektif dalam urutan meminta semasa berinteraksi dalam waktu makan malam di Itali dan Sweden. Kajian tersebut dijalankan untuk menunjukkan bagaimana terma panggilan mesra digunakan oleh ibu bapa dan kanak-kanak dalam urutan meminta.

Manakala, Özge Gül (2014) telah mengkaji lakuan tuturan meminta kanak-kanak prasekolah yang berusia 4 tahun hingga 5 tahun di tadika Turki. Pengkaji merekod kandungan yang melibatkan interaksi di antara kanak-kanak dengan guru dan interaksi dalam kalangan kanak-kanak apabila di dalam kelas sebagai data. Pengkaji mendapati

bahawa bahasa yang dituturkan oleh kanak-kanak semasa menggunakan lakuan tuturan meminta mempunyai ciri-ciri tersendiri dari segi bentuk dan jenis permintaan.

Berdasarkan penemuan kajian mengenai penggunaan lakuan tuturan direktif kanak-kanak, Georgalidou (2008) telah menunjukkan bahawa strategi berbeza yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah yang bertutur dalam bahasa Greek adalah berkaitan dengan 3 parameter, iaitu pemilihan pembentukan, rundingan matlamat komunikatif dalam perbualan dan penjagaan air muka pendengar semasa menggunakan lakuan tuturan direktif.

Selain itu, kajian Ogiermann (2015) telah memberi perspektif yang berbeza mengenai penggunaan bahasa kanak-kanak Poland semasa meminta sesuatu, iaitu meminta secara langsung, *off-record*, konvensional secara tidak langsung, dan menyatakan faktor-faktor yang dapat mempengaruhi kanak-kanak semasa dalam pemilihan bentuk permintaan. Pada keseluruhannya, peserta yang mengambil bahagian dalam kajian ini berjaya memaparkan kemahiran berkomunikasi ketika di meja makan dan menyumbang dalam kajian mengenai sosialisasi kanak-kanak. Kajian tersebut juga menyediakan perspektif yang positif kepada konsep kanak-kanak Poland.

Kuang, David dan Zuraidah Mohd Don (2006) mengkaji pelbagai bentuk yang berbeza yang digunakan oleh kanak-kanak dari keluarga Malaysia dalam menggunakan lakuan tuturan meminta. Mereka mendapati kanak-kanak mampu menggunakan strategi yang berbeza apabila membuat permintaan dalam bahasa Inggeris, tetapi pilihan strategi bergantung kepada pendengar yang dituju, iaitu sama ada ibu bapa, pembantu rumah atau adik-beradik. Hasilnya menggambarkan bahawa kanak-kanak di Malaysia cenderung menjadi lebih langsung apabila ingin meminta sesuatu untuk mereka sendiri.

Sementara itu, Safont-Jordà (2013) menjalankan kajian mengenai perkembangan lakuan tuturan meminta seorang budak lelaki yang menutur bahasa Catalan, bahasa Sepanyol dan juga bahasa Inggeris pada peringkat umur dari 3.6 tahun sampai 5.6 tahun. Pengkaji telah mengkaji pembentukan meminta secara langsung, konvensional secara tidak langsung dan tidak langsung yang digunakan oleh seorang kanak-kanak yang berbilang bahasa. Kajian ini memberi maklumat yang lebih lanjut mengenai pembangunan pragmatik awal dalam kanak-kanak yang berbilang bahasa. Menurut penemuan pengkaji, bentuk meminta yang dihasilkan dalam setiap bahasa adalah berbeza dengan mengikut orientasi kesopanan mereka.

Kanngiesser et al. (2017) menjalankan kajian yang melibatkan kanak-kanak prasekolah Jerman yang berusia 3 tahun dan 5 tahun untuk mengkaji implikasi normatif 'berjanji' dalam interaksi prososial. Menurut penemuan hasil yang diperoleh oleh pengkaji, kanak-kanak pada usia awal telah mula memahami komitmen janji. Kanak-kanak yang dikaji sering mematuhi komitmen dengan janji yang dituturkan oleh mereka sendiri semasa bermain dan juga mahu orang yang bersama menunaikan janji yang dibuatkan.

Wang dan Chen (2014) menjalankan kajian mengenai pemerolehan kanak-kanak dalam berbahasa Cina di Taiwan semasa mereka menggunakan lakuan tuturan berjanji. Kajian ini telah memaparkan perbincangan mengenai empat faktor yang mempengaruhi mereka menilai janji-janji orang lain serta janji-janji yang diberikan oleh mereka sendiri. Empat faktor yang dikaji terdiri daripada status sosial penerima janji, syarat hasil yang dijanjikan, keikhlasan penutur yang membuat janji, dan kejelasan janji yang dibuatkan oleh penutur. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa subjek-subjek kajian yang berumur lebih muda adalah kumpulan yang tidak peka terhadap status sosial penerima janji. Dari segi penilaian keikhlasan penutur yang membuat janji, ia didapati bahawa keikhlasan penutur

tidak akan mempengaruhi apa-apa perubahan terhadap orang yang terlibat dalam janji tersebut. Walaupun janji yang dibuat kelihatan tidak benar, ia masih dianggap sebagai satu perjanjian daripada subjek-subjek yang terlibat. Ia juga mendapati bahawa kanak-kanak berbahasa Cina yang berusia 6 tahun mampu membuat komitmen, dan strategi komitmen yang paling kerap digunakan oleh semua kumpulan adalah menyatakan tindakan masa depan secara jelas.

Grimm (1975) melakukan penelitian terhadap kanak-kanak berusia 5 dan 7 tahun mengenai lakuan tuturan yang mereka gunakan dengan cara memberikan senario. Hasil penelitiannya menyatakan bahawa kanak-kanak berusia 5 tahun sudah boleh meminta, memesan, dan melarang. Namun, untuk lakuan tuturan berjanji pada kanak-kanak berusia 5 tahun masih sukar ditemui. Kanak-kanak masih sukar untuk menggunakan lakuan tuturan yang bersifat lebih kewajipan, daripada tuturan secara langsung tanpa adanya penggunaan janji atau sesuatu yang wajib dilakukan.

Kebanyakan kajian lepas menjalankan penyelidikan dalam situasi di mana kanak-kanak meminta sesuatu dalam situasi berbeza seperti pada waktu makan, pemindahan sesuatu objek, dalam kelas dan lain-lain (Ogiermann, 2015; Takada & Endo, 2015; Özge Gül, 2014). Oleh itu, masih terdapat kekurangan kajian yang mengkaji penggunaan bahasa kanak-kanak prasekolah dalam lakuan tuturan semasa berinteraksi di dalam kelas, terutamanya dalam bahasa Cina. Dengan itu, kajian pragmatik berkenaan dengan penggunaan lakuan tuturan dalam interaksi antara kanak-kanak prasekolah dengan guru dan rakan sebaya dalam bahasa Cina perlu dikaji bagi memantapkan dan melengkapkan kajian-kajian yang sedia ada.

Sehubungan itu, kajian ini dijangka dapat membekalkan pengetahuan yang baru kepada para pendidik prasekolah ataupun ibu bapa. Secara tidak langsung, kajian ini dapat

membantu guru prasekolah dalam meningkatkan tahap penggunaan bahasa kanak-kanak dengan lebih berkesan bagi membantu dan membimbing perkembangan bahasa kanak-kanak di peringkat umur prasekolah.

2.7 Kesimpulan

Kajian-kajian lepas yang dibincangkan dalam bab kajian literatur dapat membantu meningkatkan pemahaman terhadap aspek pemerolehan dan perkembangan bahasa kanak-kanak dan penggunaan lakuan tuturan. Adalah diharapkan bab ini dapat memberikan maklumat yang berguna agar mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai penyelidikan yang sedang dijalankan.

Berdasarkan pemahaman terhadap kajian-kajian lepas yang dikemukakan oleh pengkaji lain, penyelidikan ini masih perlu dijalankan kerana terdapat kekurangan bilangan kajian tentang penggunaan lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah dan guru semasa berinteraksi di tadika, terutamanya dalam bahasa Cina.

BAB 3: METODOLOGI

3.1 Pendahuluan

Bab tiga secara khususnya membincangkan mengenai kaedah yang digunakan bagi menjalankan kajian tentang penggunaan jenis-jenis lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah dalam interaksi kanak-kanak prasekolah dengan guru serta rakan sebaya. Perkara-perkara yang dibincangkan dalam bab ini adalah reka bentuk kajian, sampel kajian, tapak kajian, instrumentasi, prosedur pengumpulan data, proses transkripsi data, kaedah kerangka analitikal dan lain-lain untuk tujuan menganalisis data kajian.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kes. Kajian kes melibatkan pengumpulan maklumat secara mendalam dan sistematik mengenai tingkah laku individu dan keadaan sosial tertentu untuk mengetahui bagaimana perubahan berlaku (Chua, 2006).

Dalam menjalankan kajian kes ini, hanya sebuah tadika dipilih sebagai tapak kajian kerana tadika tersebut memenuhi keperluan kajian di mana dapat mengumpulkan data yang mencukupi, relevan dan diperlukan. Dalam tadika tersebut, bahasa Cina adalah wajib dipelajari oleh semua kanak-kanak di dalam kelas. Tadika tersebut mengikuti kurikulum pendidikan awal yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia 2017 supaya kanak-kanak dapat membuat persiapan sebelum memasuki sekolah rendah (KSSR) darjah satu. Dengan itu, kajian ini menumpu kepada sekumpulan kanak-kanak prasekolah berbangsa Cina dari kelas yang sama, dan bahasa Cina merupakan bahasa pertama atau bahasa kedua yang dikuasai oleh mereka.

Sehubungan itu, pengumpulan data dalam penyelidikan ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif yang bersifat deskriptif untuk menganalisis data dan mengira peratusan kekerapan penggunaan lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah dan guru di dalam kelas bahasa Cina. Menurut Taylor dan Bogdan (1984), data kualitatif yang bersifat deskriptif adalah data berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diperhatikan. Kaedah analisis kandungan kualitatif digunakan untuk mengkaji jenis-jenis lakuan tuturan yang dituturkan oleh kanak-kanak prasekolah dan guru dalam interaksi.

3.3 Sampel Kajian

Pemilihan sampel kajian adalah dengan mengambil kira usia kanak-kanak, latar belakang bahasa dan golongan etnik. Data yang dikumpul perlu memenuhi dan bersesuaian dengan objektif kajian yang telah ditetapkan awal supaya kajian dijalankan dengan benar dan lancar. Subjek kajian ini merupakan kanak-kanak prasekolah yang belajar di sebuah tadika yang bernama 'Tadika Senyum Madu'. Terdapat sepuluh orang kanak-kanak prasekolah dan seorang guru dari sebuah kelas yang bernama 'K1' terlibat dalam kajian ini. Semua kanak-kanak yang terlibat adalah berusia 5 tahun yang terdiri daripada tujuh perempuan dan tiga lelaki, serta seorang guru yang mengajar bahasa Cina.

Bahasa Cina adalah bahasa yang dikaji dalam penyelidikan ini. Semua peserta adalah berbangsa Cina. Lapan peserta bertutur dalam bahasa Cina di tadika ataupun di rumah. Bahasa Cina sebagai bahasa pertama atau bahasa ibunda dikuasai oleh lapan peserta tersebut. Mereka sering berkomunikasi dengan guru, rakan-rakan, ibu bapa dan adik-beradik mereka dalam bahasa Cina. Manakala, terdapat dua peserta menggunakan bahasa Inggeris semasa bertutur di rumah. Bahasa Cina sebagai bahasa kedua yang dikuasai oleh dua peserta tersebut. Keluarga kepada sepuluh peserta tersebut adalah dari golongan yang

berstatus kelas pertengahan. Guru (perempuan, 34 tahun) yang mengajar bahasa Cina mempunyai 11 tahun pengalaman kerja sebagai guru tadika.

Jadual 3.1: Bilangan Peserta Kajian

Bilangan	Huruf Nama Awal	Jantina	Bahasa Pertama	Bahasa Kedua	Bahasa Dialek
1	YR	Perempuan	Cina	Inggeris	X
2	YJ	Perempuan	Cina	Inggeris	X
3	ZX	Perempuan	Cina	Inggeris	Hokkien (faham tetapi tak fasih dalam pertuturan)
4	E	Perempuan	Cina	Inggeris	X
5	HY	Lelaki	Cina	Inggeris	X
6	ZH	Lelaki	Cina	Inggeris	X
7	C	Perempuan	Cina	Inggeris	Hakka (datuk & nenek)
8	LN	Perempuan	Cina	Inggeris	Kantonis
9	J	Lelaki	Inggeris	Cina	X
10	XY	Perempuan	Inggeris	Cina, Melayu	X

Ibu bapa kepada kanak-kanak prasekolah yang terlibat dalam kajian ini telah diberi ‘Borang Persetujuan Termaklum’ supaya mereka memberi persetujuan untuk merakaman video anak mereka dalam tempoh masa yang ditetapkan. Maklumat mengenai ibu bapa mereka direkod dengan menggunakan nombor kod, dan nombor kod tersebut tidak dikaitkan dengan maklumat identiti kanak-kanak prasekolah yang terlibat.

3.4 Tapak Kajian

Dalam penyelidikan ini, sebuah tadika yang bernama Tadika Senyum Madu di Seremban 2, Negeri Sembilan telah dipilih untuk tujuan merakam video lakuan tuturan yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah dan guru.

Tadika Senyum Madu ditubuhkan pada tahun 2001 dan terletak di kawasan perumahan. Tadika tersebut mengikuti kurikulum pendidikan awal yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia 2017. Tadika ini juga menjalankan aktiviti yang menggalakkan kanak-kanak untuk berfikir, belajar dan meneroka dengan gembira sebagai persiapan mereka sebelum masuk sekolah rendah. Fokus utama proses pengajaran dan pembelajaran adalah berpusatkan kanak-kanak. Guru menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bertema dan belajar melalui aktiviti bermain.

Tadika Senyum Madu memberi penekanan dalam penguasaan bahasa Cina, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris kerana ia mementingkan kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah. Guru akan mengajar mereka mengikut tema yang telah ditetapkan semasa sesi awal persekolahan. Contohnya, tema bulan Julai dan Ogos adalah mengenai 'ladang dan haiwan' dan 'laut'. Bahan buku digunakan semasa pengajaran dalam kelas berfungsi sebagai bahan bantuan kanak-kanak prasekolah untuk lebih memahami pembelajaran dalam kelas bahasa Cina.

Kanak-kanak prasekolah juga diberi masa untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mengenai pembelajaran bahasa Cina dalam kelas. Selain itu, mereka juga diberi masa bermain mainan kerana objektif tadika tersebut adalah 'belajar untuk bermain, bermain untuk belajar' (*learn to play, play to learn*).

Di samping itu, peserta penyelidikan ini mempunyai latar belakang bahasa dan budaya yang hampir serupa. Semua peserta tinggal di Seremban 2, Negeri Sembilan. Mereka tinggal di tempat yang berhampiran dan belajar di tempat yang sama.

3.5 Instrumentasi

Instrumen kajian ini terdiri daripada rakaman video. Rakaman video digunakan untuk merekod interaksi di antara kanak-kanak prasekolah dengan seorang guru bahasa Cina dan interaksi dalam kalangan sekumpulan kanak-kanak prasekolah dalam kelas bahasa Cina. Data-data yang dikumpul, ditranskrip dengan menggunakan analisis kandungan dan dikategorikan mengikut kerangka analitikal lakuan tuturan Yule (1996). Akhir sekali, data-data tersebut ditafsir berdasarkan lakuan tuturan dengan memberi penerangan.

Penyelidikan ini dijalankan dengan penumpuan kepada sekumpulan kanak-kanak prasekolah berbangsa Cina serta seorang guru semasa dalam kelas bahasa Cina. Rakaman video dijalankan sepanjang masa sesi kelas bahasa Cina, iaitu sebelum guru memulakan pelajaran, semasa guru menjalankan proses pengajaran, semasa kanak-kanak menjalankan aktiviti dan bermain mainan, serta sebelum sesi kelas bahasa Cina tamat. Dengan itu, interaksi di antara kanak-kanak prasekolah dengan guru dan interaksi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah dapat direkodkan.

Rakaman data telah dijalankan dalam 5 sesi kelas iaitu pada 18 Julai 2018, 20 Julai 2018, 26 Julai 2018, 1 Ogos 2018 dan 8 Ogos 2018 di mana interaksi di antara kanak-kanak prasekolah dengan guru serta interaksi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah dalam bahasa Cina semasa dalam sesi kelas bahasa Cina telah direkod.

Jadual 3.2: Bilangan Sesi, Tarikh dan Masa Rakaman dalam Kelas Bahasa Cina

Bilangan Sesi	Tarikh	Masa
1	18 Julai 2018	57 minit
2	20 Julai 2018	45 minit
3	26 Julai 2018	55 minit
4	1 Ogos 2018	47 minit
5	8 Ogos 2018	48 minit
Jumlah		4 jam 20 minit

Rakaman dijalankan sepanjang masa sesi kelas bahasa Cina. Pada mulanya, kamera diletakkan di depan kelas supaya dapat merakam interaksi antara kanak-kanak prasekolah dan guru. Selepas kanak-kanak membuat latihan yang diberikan oleh guru, mereka akan diberi masa untuk menjalankan aktiviti atau bermain mainan dalam kelas bahasa Cina. Kamera akan beralih untuk merakam kanak-kanak yang sedang menjalankan aktiviti dan bermain mainan bersama untuk merekodkan interaksi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

Selain itu, 'Borang Persetujuan Termaklum' (Lampiran B) dan 'Borang Soal-selidik' (Lampiran C) diberikan kepada setiap ibu bapa kanak-kanak prasekolah yang anaknya terlibat dalam kajian ini supaya dapat mengumpul maklumat tentang latar belakang kanak-kanak serta mendapat persetujuan daripada ibu bapa mereka.

3.6 Pengumpulan Data

Beberapa jenis prosedur dijalankan semasa proses pengumpulan data tentang penggunaan lakuan tuturan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah dan seorang guru. Rakaman video telah digunakan semasa merekod data dalam penyelidikan ini. Keseluruhan masa rakaman yang dijalankan adalah 5 sesi kelas di mana interaksi di antara kanak-kanak prasekolah dengan seorang guru bahasa Cina serta interaksi dalam kalangan sekumpulan kanak-kanak prasekolah dalam kelas bahasa Cina telah direkodkan.

Dalam mengumpul dan menganalisis data soalan kajian pertama, rakaman di antara guru dengan kanak-kanak prasekolah direkodkan. Rakaman dijalankan untuk merekod interaksi di antara guru dengan kanak-kanak prasekolah semasa dalam kelas bahasa Cina.

Seterusnya, untuk soalan kajian kedua, rakaman di antara kanak-kanak prasekolah dengan guru dijalankan untuk merekod interaksi di antara kanak-kanak prasekolah dengan guru semasa dalam kelas bahasa Cina. Selain itu, rakaman interaksi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah telah direkodkan pada masa kelas bahasa Cina, iaitu sebelum proses pengajaran dan pembelajaran bermula dan selepas guru menjalankan proses pengajaran, semasa mereka diberi masa untuk menjalankan aktiviti yang diberikan oleh guru dan bermain mainan, serta sebelum kelas bahasa Cina tamat.

Akhirnya, data-data yang telah direkod dan dianalisis digunakan untuk membuat perbandingan supaya pengkaji dapat mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan dalam penggunaan jenis-jenis lakuan tuturan semasa interaksi di antara kanak-kanak prasekolah dengan guru dan interaksi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah dalam kelas bahasa Cina.

3.7 Kerangka Analitikal

Jadual 3.3 menunjukkan adaptasi kerangka analitikal mengikut klasifikasi lakuan tuturan Searle (1976) dan Yule (1996), serta kajian-kajian lepas mengenai lakuan tuturan (Peccei, 1999; Cutting, 2008; Özge Gül, 2014; Ogiermann, 2015; Takada & Endo, 2015; Kanngiesser et al., 2017).

Jadual 3.3: Kerangka Lakuan Tuturan

Klasifikasi Lakuan Tuturan	Penerangan / Deskripsi	Jenis-jenis Lakuan Tuturan	Contoh-contoh
Representatif	Lakuan tuturan yang mengikat penutur dengan kebenaran yang dipercayainya. Penutur memberitahu pendengar mengenai sesuatu yang dipercayainya dan sesuai dengan realiti dunia.	<ul style="list-style-type: none"> i. Menyimpulkan ii. Menyatakan iii. Menegaskan iv. Memberitahu v. Menafikan vi. Mengaku 	<p><i>'I saw.'</i></p> <p><i>'I came.'</i></p> <p><i>'It was a warm sunny day.'</i></p>
Deklarasi	Lakuan tuturan yang dapat mengubah dunia melalui tuturan penutur. Penutur mempunyai peranan institusi khusus dalam konteks tertentu untuk melaksanakan perisytiharan dengan sewajarnya.	<ul style="list-style-type: none"> i. Perlantikan ii. Menamakan iii. Mengisytiharkan 	<p><i>'I declare.'</i></p> <p><i>'You're out!'</i></p>
Ekspresif	Lakuan tuturan yang menggambarkan perasaan atau keadaan psikologi.	<ul style="list-style-type: none"> i. Memohon maaf ii. Mengucapkan terima kasih iii. Mengucapkan selamat pagi iv. Memuji v. Berasa suka vi. Berasa tidak suka vii. Berasa gembira viii. Berasa sedih 	<p><i>'Congratulations!'</i></p> <p><i>'I'm really sorry.'</i></p>
Direktif	Usaha yang dilakukan oleh penutur agar pendengar melakukan sesuatu. Ia digunakan untuk menyatakan apa yang diinginkan oleh penutur. Ia boleh dijadikan positif atau negatif.	<ul style="list-style-type: none"> i. Menasihati ii. Meminta iii. Mengarah iv. Melarang v. Mencadangkan vi. Memanggil vii. Bertanya viii. Membenarkan ix. Memberi amaran x. Menyuruh 	<p><i>'Teacher, can I go to toilet?'</i></p> <p><i>'Teacher, can I say something?'</i></p>
Komisif	Lakuan tuturan yang mengikat penutur dengan hal-hal yang akan berlaku pada masa yang akan datang. Penutur menyatakan apa yang dirancang atau dicadangkan.	<ul style="list-style-type: none"> i. Berjanji ii. Mengancam iii. Menawarkan iv. Menolak v. Berikrar vi. Menawarkan diri 	<p><i>'I promise.'</i></p> <p><i>'I have to finish all of this.'</i></p>

Kajian ini akan mengguna pakai kerangka analitikal yang diadaptasi daripada kerangka Searle (1976) dan Yule (1996), serta kajian-kajian lakuan tuturan lepas untuk mengklasifikasi data-data yang dikumpul.

3.8 Isu Etika

Isu-isu etika adalah penting sebagai panduan semasa menjalankan kajian supaya kajian tersebut dapat dijalankan lancar. Pada mulanya, pengkaji meminta persetujuan daripada pihak pengetua, guru dan ibu bapa kepada kanak-kanak prasekolah yang terlibat dalam kajian ini. 'Borang Persetujuan Termaklum' diberikan kepada setiap ibu bapa kanak-kanak prasekolah yang anaknya terlibat dalam kajian ini untuk mengumpul maklumat latar belakang kanak-kanak prasekolah serta mendapat persetujuan daripada ibu bapa mereka. Proses pengumpulan data dijalankan tanpa paksaan dan tidak mengganggu kanak-kanak prasekolah supaya nilai dan tahap kepercayaan adalah tinggi bagi menghasilkan penyelidikan yang baik.

Semasa menganalisis data, adalah penting untuk memastikan peserta bebas daripada apa-apa risiko dan melindungi hak asasi kanak-kanak prasekolah dengan tidak menggunakan nama sebenar dan tidak menyatakan maklumat peribadi mengenai kanak-kanak prasekolah yang dikaji. Perkara penting ketika mempertimbangkan bagaimana kajian dapat melindungi data peribadi kanak-kanak prasekolah untuk mengurangkan risiko adalah tanggungjawab pengkaji. Data-data yang dianalisis direkod dengan menggunakan nombor kod, dan tidak dikaitkan dengan maklumat identiti kanak-kanak prasekolah sebenar yang terlibat.

3.9 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Dalam penyelidikan ini, bantuan diperolehi daripada seorang pemeriksa yang berpengalaman dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak untuk menyemak dan mengesahkan pertejemahan yang dijalankan daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu. Pemeriksa tersebut seorang editor majalah kanak-kanak (bermula pada tahun 2018) dan pernah bekerja sebagai seorang naib pengetua di sebuah tadika (dari tahun 2005 hingga 2018) yang memiliki kelayakan Ijazah Sarjana Pendidikan dan Ijazah Profesional Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

3.10 Pengekoden

Jadual 3.4 merupakan pengekodan untuk lakuan tuturan yang ditunjukkan semasa menjalankan analisis data. Manakala, Jadual 3.5 ialah pengekodan peserta dan Jadual 3.6 ialah pengekodan tarikh rakaman.

Jadual 3.4: Pengekoden Lakuan Tuturan

Lakuan Tuturan	Kod
Representatif	R
Deklarasi	Dk
Ekspresif	E
Direktif	Dr
Komisif	K

Jadual 3.5: Pengekoden Peserta

Peserta	Kod
Kanak-kanak	KK
Guru	G
Nombor kod yang menunjukkan kanak-kanak tertentu	K1-K10

Jadual 3.6: Pengekodaan Tarikh Rakaman

Tarikh rakaman	Kod
18 Julai 2018	R1
20 Julai 2018	R2
26 Julai 2018	R3
1 Ogos 2018	R4
8 Ogos 2018	R5

Pengekodaan perlu dilakukan dengan bentuk yang singkat tetapi jelas berdasarkan bahagian analisis data supaya memudahkan seseorang memahami maklumat yang diperolehi dan disampaikan. Pembentukan pengekodaan lakuan tuturan, peserta dan tarikh rakaman dapat menggambarkan keadaan yang sedang berlaku dan juga orang-orang yang terlibat dalam interaksi.

3.11 Peringkat Mengumpul Data dan Menganalisis Data

Penyelidikan ini dijalankan dengan mentranskripsi dialog bagi menganalisis penggunaan lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah dan guru mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan. Selepas mentranskripsi dialog, data tersebut dapat dikaji dengan lebih jelas dan mendalam.

Proses transkripsi dialog dilakukan terhadap ujaran yang dirakamkan. Pada mulanya, data ditranskrip ke dalam tulisan Cina ringkas di barisan pertama dan '*Pinyin*' (skema huruf fonetik Cina) telah ditunjukkan di barisan kedua. Seterusnya, penterjemahan literal langsung dalam penterjemahan kata demi kata dari bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu dalam barisan ketiga (bentuk *Italik*). Akhirnya, hasil terjemahan langsung akan diubah suai dengan tidak mengubah maksud ujaran asal penutur, iaitu masih mengekalkan kesamaan makna supaya menghasilkan terjemahan yang mudah difahami dalam bahasa Melayu.

Contoh-contoh yang ditunjukkan di bawah merupakan data-data yang dianalisis dalam bab empat untuk menerangkan langkah-langkah yang diambil dalam proses transkripsi dialog dan klasifikasi data.

Contoh I

Barisan	Penutur	Deskripsi/Kandungan	Corak Lakuan Tuturan	Jenis
27.	K3	周老师，那个小鸡要出来了，差不多。 1 Zhōu lǎo shī, nà gè xiǎo jī yào chū lái le, chà bù duō. 2 <i>Cikgu Chew, itu anak ayam nak keluar le, hampir.</i> 3 【R: Cikgu Chew, anak ayam itu sudah hampir nak keluar.】 4	Representatif 5	Menyatakan 6
28.	G	二十一天。 Èr shí yī tiān. 【R: Dua puluh satu hari.】	Representatif	Menyatakan

Merujuk kepada Contoh I di atas yang berlaku dalam interaksi antara kanak-kanak prasekolah dan guru: Langkah pertama, proses transkripsi dialog daripada bentuk pertuturan lisan atau dialog kepada bentuk teks sari kata secara bertulis. Langkah kedua, 'Pinyin' kepada transkripsi ujaran bahasa Cina telah ditunjukkan dalam barisan kedua. Langkah seterusnya adalah penterjemahan literal langsung dalam penterjemahan kata demi kata dari bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu dalam bentuk italik. Perbuatan menterjemah perkataan demi perkataan yang ditunjukkan dalam langkah ketiga akan merosakkan makna asal tuturan tersebut dan tidak mudah dan dibaca. Oleh itu, langkah keempat ialah hasil terjemahan langsung dari bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu akan disusun dan dibentuk semula dengan menambah perkataan yang perlu ditambah dan mengugurkan perkataan yang tidak diperlukan supaya lebih mudah difahami, di samping mengekalkan makna asal penutur. Langkah kelima menunjukkan proses identifikasi dengan mengklasifikasikan

ujaran-ujaran yang diperoleh kepada lima lakuan tuturan tertentu iaitu representatif, deklarasi, ekspresif, direktif atau komisif. Pada peringkat yang terakhir iaitu langkah keenam adalah kegiatan mengklasifikasikan atau mengelompokkan data lakuan tuturan berdasarkan jenis-jenis lakuan tuturan. Setelah kegiatan klasifikasi dilakukan, tahap menganalisis data akan dijalankan dan ditunjukkan dalam bab empat.

Contoh II

309.	K8	<p>诶, 你要吃 sandwich 还是只是吃面包? 那个是面包, 这个是 sandwich. 1</p> <p>Éi, nǐ yào chī sandwich hái shì zhǐ shì chī miàn bāo? Nà gè shì miàn bāo, zhè ge shì sandwich. 2</p> <p>【Dr: Ei, kamu makan sandwich atau hanya makan roti?】 【R: Itu adalah roti, ini adalah sandwich.】</p>	<p>Direktif → Representatif</p> <p>→ 4</p>	<p>Bertanya → Menyatakan</p> <p>→ 5</p>
310.	K2	<p>我要你这样夹面包。</p> <p>Wǒ yào nǐ jiā miàn bāo.</p> <p><i>Saya mahu kamu macam ini meletakkan dengan roti.</i></p> <p>【Dr: Saya mahu kamu meletakkan dengan roti macam ini.】</p>	<p>Direktif</p>	<p>Meminta</p>

Contoh II menunjukkan interaksi sesama kanak-kanak prasekolah. Contoh ini tidak mempunyai penterjemahan literal langsung dalam bentuk italik seperti yang ditunjukkan dalam Contoh I. Hal ini demikian kerana kadangkala terdapat juga hasil terjemahan langsung dari bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu adalah mudah difahami tanpa perlu diubah suai dan disusun semula.


Contoh III

52.	G	<p>我们先请安。五岁的朋友，早安。 1 Wǒ men xiān qǐng ān Wǔ suì de péng yǒu, zǎo ān. 2 <i>Kita ucap dulu salam. Lima tahun punya kawan, selamat pagi.</i> 3 【Dr: Kita ucap salam dulu. 】 【E: Kawan-kawan yang berumur lima tahun, selamat pagi. 】 4</p>	<p>Direktif → Ekspresif</p>	<p>Mengarah → Mengucapkan selamat pagi</p>
53.	KK	<p>周老师，早安。 Zhōu lǎo shī, zǎo ān. 【E: Cikgu Chew, selamat pagi. 】</p>	<p>Ekspresif</p>	<p>Mengucapkan selamat pagi</p>

Dapatan kajian yang diperolehi dapat menjawab segala persoalan kajian dan juga menepati objektif kajian yang dikemukakan awal dengan meneruskan langkah untuk mengklasifikasikan data-data yang dikumpul. Contoh III menunjukkan penggunaan corak kombinasi yang terdiri daripada dua lakuan tuturan yang berbeza oleh guru semasa berinteraksi dengan kanak-kanak di kelas. Simbol (**【】**) telah digunakan dalam langkah keempat untuk mengklasifikasikan ujaran yang mengandungi lebih daripada satu lakuan tuturan. Seterusnya dalam langkah kelima dan keenam, simbol (→) sebagai petunjuk tentang lakuan tuturan seterusnya yang digunakan oleh penutur dalam ujaran yang mengandungi kombinasi lakuan tuturan.

Jadual 3.7 menunjukkan peringkat mengumpul data dan menganalisis data bagi memastikan data yang diperolehi itu sah dan boleh digunakan dalam penyelidikan ini.

Jadual 3.7: Peringkat Mengumpul Data dan Menganalisis Data



3.12 Kesimpulan

Bidang pragmatik merangkumi lakuan tuturan, prinsip kerjasama, dan implikatur. Namun, lakuan tuturan dijadikan kaedah kajian dalam menganalisis data untuk melihat penggunaan lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah dan guru. Lakuan tuturan Searle (1976) dan Yule (1996) sebagai kerangka dan asas perbincangan terhadap data pertuturan kanak-kanak prasekolah dan guru untuk mengkaji penggunaan lakuan tuturan mereka dalam kelas bahasa Cina.

Penggunaan ruang lingkup pragmatik sesuai dengan kerangka kajian ini kerana ia melibatkan kanak-kanak prasekolah menggunakan lakuan tuturan untuk menyampaikan mesej yang ingin disampaikan. Bukan itu sahaja, penggunaan lakuan tuturan guru yang juga turut dikaji dalam kajian ini dan adalah diharapkan dapat membawa manfaat kepada para pendidik dengan membantu mereka dalam perancangan sistem pembelajaran dengan lebih berkesan supaya dapat memperbaiki cara berkomunikasi di antara guru dengan kanak-kanak. Hal ini kerana pentafsiran makna dari sudut pragmatik adalah merangkumi kecekapan bahasa dan pengetahuan seseorang, tingkah laku verbal dan konteks pertuturan itu sendiri.

BAB 4: ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab empat merangkumi hasil analisis data, interpretasi dan perbincangan mengenai lakuan tuturan. Hasil penelitian terhadap data yang direkod semasa dalam kelas bahasa Cina dengan analisis data yang diperolehi mengenai interaksi di antara kanak-kanak prasekolah dan seorang guru bahasa Cina, ternyata data yang dikumpul dapat diklasifikasikan mengikut kategori lakuan tuturan dan fungsinya.

Lakuan tuturan yang digunakan seseorang adalah ditentukan oleh beberapa faktor, iaitu faktor bahasa, situasi, struktur bahasa dan sebagainya. Komunikasi dalam konteks tadika merupakan satu proses penyampaian maklumat dan pengetahuan yang berlaku di antara kanak-kanak prasekolah dan guru. Bab ini membincangkan dengan lebih terperinci tentang penggunaan jenis-jenis lakuan tuturan di dalam kelas bahasa Cina. Selain itu, kekerapan penggunaan lakuan tuturan dalam interaksi antara kanak-kanak prasekolah dan guru juga dibincangkan dalam bahagian ini.

4.2 Penggunaan Lakuan Tuturan Guru dalam Interaksi dengan Kanak-kanak Prasekolah dalam Bahasa Cina

Kajian ini dapat dijadikan panduan kepada guru supaya ujaran yang dituturkan dalam komunikasi di dalam kelas mengandungi lakuan tuturan yang bersesuaian dengan kanak-kanak prasekolah agar mereka memahami fungsi lakuan tuturan tersebut dengan jelas. Perkembangan bahasa dan literasi kanak-kanak memerlukan sokongan dan bimbingan daripada guru (Zaniah Mohamed Isa & Juppri Bacotang, 2014). Guru harus peka terhadap ujaran yang digunakan kerana ujaran guru dapat mempengaruhi kanak-kanak prasekolah,

sama ada dari segi tingkah laku, motivasi diri dan pemahaman. Kemahiran komunikasi guru yang berkesan boleh mengaktifkan penglibatan kanak-kanak pada peringkat prasekolah semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam ujaran yang dituturkan oleh guru ketika dalam pengajaran dan pembelajaran bersama kanak-kanak prasekolah di kelas bahasa Cina, didapati penggunaan jenis-jenis lakuan tuturan tertentu yang dibina mempunyai matlamat dan fungsi untuk kebaikan kanak-kanak prasekolah.

4.2.1 Satu Kategori Lakuan Tuturan dalam Satu Giliran

Jadual 4.1: Jumlah Lakuan Tuturan Guru dalam Interaksi dengan Kanak-kanak Prasekolah

Lakuan tuturan	Guru – Kanak-kanak	
	Kekerapan	Peratus (%)
R	196	32.45
Dk	-	-
E	9	1.49
Dr	398	65.89
K	1	0.17
Jumlah	604	100

Lakuan Tuturan	Kod
Representatif	R
Deklarasi	Dk
Ekspresif	E
Direktif	Dr
Komisif	K

Dalam Jadual 4.1, ia menunjukkan penggunaan satu kategori lakuan tuturan guru dalam satu giliran semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah. Kategori lakuan tuturan yang digunakan oleh guru adalah lakuan tuturan direktif, representatif, ekspresif dan komisif. Lakuan tuturan yang paling kerap digunakan oleh guru adalah lakuan tuturan direktif (65.89%). Guru kerap menggunakan lakuan tuturan direktif untuk tujuan mengarah dan bertanya semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah dalam kelas bahasa Cina.

Lakuan tuturan representatif (32.45%) merupakan lakuan tuturan yang kedua paling kerap digunakan oleh guru. Guru kerap menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan sesuatu semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah. Manakala, kajian ini menunjukkan guru jarang menggunakan lakuan tuturan ekspresif (1.49%) dan lakuan tuturan komisif (0.17%). Lakuan tuturan ekspresif digunakan oleh guru semasa memuji dan mengucapkan selamat pagi. Selain itu, guru menggunakan lakuan tuturan komisif semasa berjanji dengan kanak-kanak prasekolah.

4.2.1.1 Lakuan Tuturan Direktif

Lakuan tuturan merupakan kelakuan individu (Chaer & Agustina, 2004) dan membawa makna perkara-perkara yang dilakukan dengan perkataan ketika dituturkan tanpa mengira usia. Lakuan tuturan direktif dikategorikan sebagai lakuan tuturan keinginan penutur membuat pendengar untuk melakukan sesuatu (Cutting, 2008). Berdasarkan Jadual 4.1, guru paling kerap menggunakan lakuan tuturan direktif (65.89%) semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah. Ia meliputi jenis-jenis lakuan tuturan mengarah, bertanya, memanggil, membenarkan, melarang, menasihati, meminta dan menyuruh.

Data 1

R2: Guru memberi arahan kepada kanak-kanak untuk meletakkan balik buku latihan.

Barisan	Penutur	Deskripsi/Kandungan	Corak Lakuan Tuturan	Jenis
175.	G	第一组的人放回去。 Dì yī zǔ de rén fàng huí qù. <i>Pertama kumpulan punya orang letakkan balik.</i> 【Dr: Orang dari kumpulan pertama letakkan balik.】	Direktif	Mengarah

176.	K5	老师，我是第一组的。 Lǎo shī, wǒ shì dì yī zǔ de. <i>Cikgu, saya adalah pertama kumpulan de.</i> 【 R: Cikgu, saya adalah dari kumpulan pertama. 】	Representatif	Menyatakan
177.	G	你们紧张什么？坐下来，坐下来。 Nǐ men jǐn zhāng shén me? Zuò xià lái, zuò xià lái. 【 Dr: Kenapa kamu semua tergesa-gesa? 】 【 Dr: Duduk, duduk. 】	Direktif	Bertanya → Mengarah

Dalam Data 1, guru menggunakan lakuan tuturan direktif semasa mengarah kanak-kanak meletakkan balik buku latihan secara bergilir-gilir (barisan 175). ‘Mengarah’ adalah salah satu jenis lakuan tuturan direktif yang digunakan oleh penutur untuk memberi petunjuk, arahan atau bimbingan kepada pendengar untuk melaksanakan sesuatu hal. Dalam barisan 176, K5 menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan pada guru bahawa dia adalah dari kumpulan pertama. Ujaran dalam barisan 177 hanya terdapat satu lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan direktif, tetapi mengandungi jenis lakuan tuturan berbeza iaitu ‘bertanya’ dan ‘mengarah’ yang digunakan oleh guru pada masa yang sama. Ujaran guru “Kenapa kamu semua tergesa-gesa? Duduk, duduk.” adalah mengandungi dua jenis lakuan tuturan berbeza, iaitu ayat tanya “Kenapa kamu semua tergesa-gesa?” kerana guru tidak memahami tindakan kanak-kanak dari kumpulan lain tergesa-gesa untuk letakkan buku dan ayat imperatif “Duduk, duduk.” supaya mengarah kanak-kanak yang bukan dari kumpulan pertama duduk dulu kerana belum sampai giliran untuk mereka hantar buku latihan. Oleh itu, kanak-kanak dari kumpulan lain menunggu di tepi meja tanpa memberi penjelasan kepada guru.

Penggunaan jenis lakuan tuturan ‘mengarah’ dituturkan ketika penutur menghendaki pendengar mengikut arahan dan bimbingan yang diberikan agar melaksanakan suatu hal. Penutur mengekspresikan keinginan dalam ujarannya agar

pendengar melakukan lakuan yang diinginkan penutur. Berdasarkan Data 1, kanak-kanak diarah meletakkan balik buku latihan mengikut kumpulan yang ditetapkan. Semasa kanak-kanak meletakkan buku di tempat yang ditetapkan, guru mendapati bahawa terdapat kanak-kanak yang bukan dari kumpulan satu juga ingin meletakkan buku. Perkara yang tidak patut berlaku disebabkan berdasarkan konteks sosial dan budaya, kanak-kanak perlu sentiasa mengikut arahan dan menghormati guru. Oleh sebab itu, guru menuturkan ujaran “Kenapa kamu semua tergesa-gesa? Duduk, duduk.” untuk menggunakan pertanyaan dan arahan kepada kanak-kanak untuk membuat dakwaan bahawa terdapat kanak-kanak yang tidak mengikut arahan yang diarahkan. Penggunaan lakuan tuturan direktif yang mengandungi dua jenis lakuan tuturan, iaitu guru menanya sebab terjadi kanak-kanak tergesa-gesa untuk letakkan buku dan menggunakan jenis lakuan tuturan mengarah untuk mengulangi arahan kepada kanak-kanak.

Data 2

R5: Guru bertanya soalan kepada kanak-kanak.

11.	G	今天谁知道几号？忘记了？ Jīn tiān shéi zhī dào jǐ hào? Wàng jì le? <i>Hari ini siapa tahu berapa hari? Lupa le?</i> 【Dr: Hari ini siapa tahu hari ke berapa? Sudah lupa? 】	Direktif	Bertanya
12.	K1	星期三。 Xīng qī sān. 【R: Rabu. 】	Representatif	Menyatakan
13.	G	星期三，几号？ Xīng qī sān, jǐ hào? <i>Rabu, berapa hari?</i> 【Dr: Rabu, hari ke berapa? 】	Direktif	Bertanya
14.	K4	八号。 Bā hào. 【R: Lapan. 】	Representatif	Menyatakan
15.	G	八号，K4 会哦，K4 讲八号，对了。 Bā hào, K4 huì ó, K4 jiǎng bā hào, duì le. <i>Lapan, K4 tahu oh, K4 cakap lapan, betul le.</i> 【R: Lapan, K4 tahu, K4 cakap lapan, sudah betul. 】	Representatif	Menegaskan

Selain jenis lakuan tuturan mengarah, lakuan tuturan bertanya juga kerap ditemui dalam interaksi antara guru dengan kanak-kanak prasekolah. Guru kerap menggunakan jenis lakuan tuturan bertanya untuk menanya soalan semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah. Perkara seperti ini berlaku kerana guru ingin meningkatkan pembelajaran murid dan memastikan murid dapat memahami kandungan pengajaran yang ingin disampaikan (Noraini Idris, Shuki Osman, Chew & Lim, 2009).

Data 2 yang merupakan interaksi yang berlaku di antara guru dengan kanak-kanak, guru berharap mendapatkan respons jawapan dari pertanyaannya. Ujaran guru “Hari ini siapa tahu hari ke berapa? Sudah lupa?” adalah dalam bentuk tanya yang dikategorikan sebagai jenis lakuan tuturan bertanya yang memerlukan kanak-kanak menyatakan tarikh hari tersebut. K1 telah menyatakan bahawa hari tersebut adalah Rabu, jawapan yang diberikan oleh K1 kurang tepat jika dipadankan dengan soalan guru yang bertanya mengenai tarikh. Oleh itu, guru mengulangi soalnya dengan ujaran “Rabu, hari ke berapa?” yang sama dikategorikan sebagai lakuan tuturan direktif. K4 memberi jawapan yang betul dengan menyatakan bahawa hari tersebut adalah “Lapan”. Penggunaan lakuan tuturan representatif oleh guru untuk menegaskan bahawa “Lapan, K4 tahu, K4 cakap lapan, sudah betul.” dengan memberi maksud jawapan yang dinyatakan oleh K4 adalah tepat. Dalam ujaran tersebut, guru mengulang kata K4 bagi tujuan mengesahkan bahawa hari tersebut adalah lapan.

Berdasarkan kajian Huang (2012), tujuan ibu bapa mengulang kata-kata adalah untuk mengesahkan penerimaan maklumat, meminta penjelasan, meminta untuk pengesahan, merumuskan tuturan kanak-kanak dan lain-lain. Perkara yang sama kerap berlaku dalam tuturan guru semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah di dalam

kelas seperti yang ditunjukkan dalam barisan 13 dan barisan 15 ketika guru mengulang kata-kata K1 dan K4.

Data 3

R5: Sesi kelas bahasa Cina hampir berakhir, kanak-kanak yang bertugas diarah untuk menjalankan tugas.

516.	G	<p>好了，我们收东西了，可以收了。今天，布。K2 抹湿布。K2 抹湿布，K10 抹干布。有一个没有写名字的人是谁来的？这张没有写名字是谁的？</p> <p>Hǎo le, wǒ men shōu dōng xī le, kě yǐ shōu le. Jīn tiān, bù. K2 mǒ shī bù. K2 mǒ shī bù, K10 mǒ gān bù. Yǒu yī gè méi yǒu xiě míng zì de rén shì shéi lái de? Zhè zhāng méi yǒu xiě míng zì shì shéi de?</p> <p><i>Baik le, kita kemaskan barang le, boleh kemas le. Hari ini, kain. K2 lap kain basah. K2 lap kain basah, K10 lap kain kering. Ada satu belum tulis nama punya orang ialah siapa lai de? Ini kertas belum tulis nama ialah siapa punya?</i></p> <p>【Dr: Baik, mari kita kemaskan barang, boleh kemaskan barang. Hari ini, kain. K2 lap kain basah. K2 lap kain basah, K10 lap kain kering.】</p> <p>【Dr: Siapa yang masih belum tulis nama? Kertas ini yang belum tulis nama ialah kepunyaan siapa?】</p>	Direktif	Mengarah → Bertanya
517.	K4	<p>我写小小名字，在这边啊。</p> <p>Wǒ xiě xiǎo xiǎo míng zì, zài zhè biān a.</p> <p><i>Saya tulis kecil kecil nama, di sini ah.</i></p> <p>【R: Saya tulis nama yang kecil, di sini.】</p>	Representatif	Menyatakan

Dalam Data 3, dua jenis lakuan tuturan iaitu ‘mengarah’ dan ‘bertanya’ yang dikategorikan sebagai lakuan tuturan direktif telah ditemui dalam ujaran guru dengan menggunakan dua jenis ayat dalam ujarannya. Ujaran ayat arahan atau dikenali sebagai ayat imperatif “Baik, mari kita kemaskan barang, boleh kemaskan barang. Hari ini, kain. K2 lap kain basah. K2 lap kain basah, K10 lap kain kering.” dan ayat tanya “Siapa yang masih belum tulis nama? Kertas ini yang belum tulis nama ialah kepunyaan siapa?”. Pada masa yang sama, guru memberi arahan kepada kanak-kanak untuk mengemaskan barang

dan mengarah K2 dan K10 lapkan meja. Seterusnya, guru bertanya kepada kanak-kanak kerana ingin mengetahui siapa yang belum menulis nama dalam kertas yang dikutip tadi. K4 menyatakan bahawa dia telah menulis nama yang bersaiz kecil dalam kertas tersebut.

Dalam kajian ini, didapati bahawa guru menggunakan lakuan tuturan direktif untuk mengarah tindakan pelaksanaan tugas di kelas. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan, guru mengarah kanak-kanak prasekolah dalam tadika bahkan di sekolah untuk melakukan sesuatu atau sebagai arahan kepada kanak-kanak untuk membuat latihan. Guru perlu bijak dan berhemah ketika menggunakan ujaran yang berbentuk ayat arahan supaya mudah difahami oleh kanak-kanak prasekolah kerana mereka masih tidak mempunyai kemahiran pragmatik yang mantap, dan peringkat perkembangan bahasa dan pemerolehan bahasa masih sedang berlaku. Selain daripada itu, jenis lakuan tuturan bertanya juga didapati dalam ujaran guru semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah. Dalam pembelajaran di kelas, kanak-kanak prasekolah seharusnya melakukan tugas-tugas dengan arahan guru dan menjawab soalan yang ditanya oleh guru.

Data 4

R3: Guru merekod kedatangan harian di buku kedatangan kelas.

37.	G	【Dr: K4. 】	Direktif	Memanggil
38.	K4	到。 Dào. 【R: Datang.】	Representatif	Menyatakan
39.	G	【Dr: K2. 】	Direktif	Memanggil
40.	K2	到。 Dào. 【R: Datang.】	Representatif	Menyatakan

Dalam Data 4, guru menggunakan lakuan tuturan direktif dengan memanggil nama K4 dan K2 (barisan 37 dan barisan 39) supaya dapat merekod kedatangan harian kanak-

kanak di buku kedatangan kelas sebelum memulakan proses pengajaran dan pembelajaran. ‘Memanggil’ adalah lakuan tuturan direktif yang menyebut nama pendengar untuk menarik perhatiannya. Dalam barisan 38 dan barisan 40, ujaran K4 dan K2 menggunakan lakuan tuturan representatif dengan menyatakan “Datang.” yang membawa maksud mereka ada datang ke sekolah.

Data 5

R3: K4 meminta kebenaran daripada guru sebelum pergi ke tandas.

530.	K4	老师，我可以小便吗？ Lǎo shī, wǒ kě yǐ xiǎo biàn ma? <i>Cikgu, saya boleh buang air ma?</i> 【 Dr: Cikgu, boleh saya buang air? 】	Direktif	Meminta
531.	G	可以。 Kě yǐ. 【 Dr: Boleh. 】	Direktif	Membenarkan

Berdasarkan Data 5, ujaran K4 “Cikgu, boleh saya buang air?” yang meminta guru membenarkannya pergi ke tandas dengan menggunakan ayat tanya. Dalam barisan 531, guru membenarkan K4 pergi ke tandas dengan mengatakan “Boleh”. ‘Membenarkan’ adalah jenis lakuan tuturan direktif yang memberi kebebasan atau keleluasaan kepada pendengar untuk melakukan sesuatu hal atau aktiviti. Dalam kajian ini, konteks seperti ini sering berlaku di dalam kelas kerana kanak-kanak perlu meminta kebenaran guru sebelum membuat sesuatu dan guru mempunyai kuasa untuk memberi kebenaran kepada kanak-kanak prasekolah.

Data 6

R5: K3 habis membuat latihan yang diberikan oleh guru, guru membenarkan K3 membuat kerja seni.

346.	G	啊，你可以去做手工了。选一张你要的颜色。 A, nǐ kě yǐ qù zuò shǒu gong le. Xuǎn yī zhāng nǐ yào de yán sè. <i>Ah, kamu boleh pergi buat kerja seni le. Pilih satu kertas kamu mahu punya warna.</i> 【Dr: Ah, kamu sudah boleh pergi buat kerja seni.】 【Dr: Pilih satu kertas warna yang kamu mahu (K3).】	Direktif	Membenarkan → Mengarah
------	---	---	----------	------------------------------

Dalam Data 6, lakuan tuturan direktif digunakan oleh guru semasa K3 habis membuat latihan yang diberikan oleh guru. Dalam barisan 346, ujaran guru yang memberi kebebasan K3 membuat kerja seni yang disediakannya. Seterusnya, guru memberi arahan kepada K3 untuk memilih warna kertas yang disukai dalam ujaran yang sama. Kombinasi jenis lakuan tuturan membenarkan dan mengarah digunakan oleh guru dalam ujaran dengan tujuan membenarkan K3 membuat kerja seni dan mengarah K3 memilih kertas warna.

Data 7

R5: Sesi kelas bahasa Cina sudah hampir berakhir, kanak-kanak bersedia untuk beratur ke tandas.

528.	G	不要跑，不要跑。 Bù yào pǎo, bù yào pǎo. 【Dr: Jangan lari, jangan lari (K2 dan K10).】	Direktif	Melarang
------	---	--	----------	----------

Berdasarkan Data 7, kanak-kanak bersedia untuk beratur ke tandas. Pada ketika itu, K2 dan K10 berlari. Guru menggunakan lakuan tuturan direktif untuk melarang K2 dan K10 berlari di dalam kelas. 'Melarang' adalah salah satu jenis lakuan tuturan direktif yang mengekspresikan larangan agar penutur tidak melakukan tindakan. Oleh itu, ujaran guru

adalah mengekspresikan larangan kepada K2 dan K10 agar mereka jangan berlari tetapi berjalan di dalam kelas.

Data 8

R4: K1 menggunakan perkataan yang kurang sopan semasa bermain mainan memancing.

344.	K1	Wa lao. (Kata seru dari bahasa Hokkien)		
345.	G	<p>不要讲 wa lao 这些话。谁教你讲的，姐姐啊？ Bù yào jiǎng wa lao zhè xiē. Shéi jiào nǐ jiǎng de, jiě jiě a? <i>Jangan cakap wa lao ini kata. Siapa ajar kamu cakap de, kakak ah?</i> 【Dr: Jangan cakap kata wa lao.】 【Dr: Siapa ajar kamu cakap, kakak?】</p>	Direktif	Melarang → Bertanya
346.	K1	(Kesan perlokusi: Mengangguk kepala)		
347.	G	<p>不要讲了，这些是没有这样礼貌的话。 Bù yào jiǎng le, zhè xiē shì méi yǒu zhè yàng lǐ mào de huà. <i>Jangan cakap le, ini adalah bukan yang sopan punya kata.</i> 【 Dr: Jangan cakap lagi, ini bukan kata yang sopan.】</p>	Direktif	Menasihati

Data 8 menunjukkan guru menggunakan lakuan tuturan direktif untuk menasihati K1. Dalam barisan 344, K1 menggunakan perkataan yang kurang sopan, iaitu 'wa lao' semasa dia berjaya menangkap ikan mainan. Perkataan 'wa lao' ialah kata seru dari bahasa Hokkien yang menggambarkan perasaan yang terkejut atau tidak percaya. Pada mulanya, guru menggunakan lakuan tuturan direktif untuk melarang K1 menggunakan perkataan tersebut dan bertanya K1 adakah dia belajar daripada kakak (barisan 345). Kemudian, K1 mengangguk kepala. Dalam barisan 347, guru menasihati K1 jangan lagi menggunakan perkataan tersebut kerana 'wa lao' adalah kata yang tidak begitu sopan. 'Menasihati' merupakan salah satu lakuan tuturan direktif yang mengekspresikan pemberian nasihat terhadap kesalahan yang dilakukan. Guru menggunakan lakuan tuturan direktif untuk

memberi nasihat kepada K1 terhadap kesalahan yang dilakukan oleh K1 iaitu menggunakan perkataan 'wa lao' supaya K1 tidak lagi menggunakan dalam pertuturan.

Data 9

R2: Guru mengadakan pertandingan membaca kad perkataan.

8.	G	我需要两个人出来。 Wǒ xū yào liǎng gè rén chū lái. 【Dr: Saya memerlukan dua orang keluar.】	Direktif	Meminta
----	---	--	----------	---------

Data 9 menunjukkan guru menjalankan satu pertandingan kecil supaya kanak-kanak lebih mudah mengingat perkataan yang baru diajar guru. Dalam barisan 8, guru telah menggunakan lakuan tuturan direktif untuk meminta dua orang kanak-kanak ke depan kerana dia memerlukan mereka membaca kad perkataan. Menurut Özge Gül (2014), jenis lakuan tuturan 'meminta' membawakan pelbagai fungsi yang berbeza dan boleh diklasifikasikan sebagai meminta tindakan, meminta kebenaran, meminta maklumat, meminta pengesahan, meminta penjelasan, dan meminta perhatian. Dalam data ini, guru meminta tindakan daripada dua orang kanak-kanak untuk keluar dari tempat duduk dan menjalankan pertandingan kad membaca.

Data 10

R5: Kanak-kanak membuat latihan yang diberikan oleh guru.

240.	K8	老师，这个不是哦，不够青。 Lǎo shī, zhè ge bù shì ó, bù gòu qīng. <i>Cikgu, ini bukan oh, tidak cukup hijau.</i> 【R: Cikgu, ini bukan, tidak cukup hijau.】	Representatif	Menyatakan
241.	G	等一下，我去拿。 Děng yī xià, wǒ qù ná. 【Dr: Tunggu sebentar, saya pergi ambil.】	Direktif	Menyuruh

Dalam Data 10, K8 sedang membuat latihan yang diberikan oleh guru. K8 menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan bahawa pensel warna yang

digunakannya adalah bukan warna hijau kerana warnanya tidak sama seperti warna hijau (barisan 240). Dalam barisan 241, guru menggunakan lakuan tuturan direktif untuk menyuruh K8 menunggu dia mengambil pensel warna hijau kepadanya. ‘Menyuruh’ adalah salah satu jenis lakuan tuturan direktif yang digunakan oleh penutur untuk memberitahu pendengar supaya melakukan sesuatu. Dalam data tersebut, guru menyuruh K8 menunggu dia mengambil pensel warna hijau dari meja lain.

4.2.1.2 Lakuan Tuturan Representatif

Lakuan tuturan representatif digunakan oleh penutur untuk menyatakan apa yang dipercayai dalam perkara yang berlaku (Cutting, 2008). Lakuan tuturan representatif (32.45%) merupakan lakuan tuturan yang kedua kerap digunakan oleh guru semasa berinteraksi dengan kanak-kanak. Ia meliputi jenis lakuan tuturan menyatakan dan menegaskan.

Data 11

R4: Guru mengajar mengenai tema hidupan laut.

125.	K8	什么是海蜇? Shén me shì hǎi zhē? <i>Apa ialah obor-obor?</i> 【Dr: Obor-obor ialah apa?】	Direktif	Bertanya
126.	G	海蜇是这个 jellyfish。 Hǎi zhē shì zhè ge jellyfish. <i>Obor-obor ialah ini jellyfish.</i> 【R: Obor-obor ialah jellyfish ini.】	Representatif	Menyatakan

Di dalam kelas, guru menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan sesuatu yang berkaitan dengan pengajaran kepada kanak-kanak. Dalam Data 11, lakuan tuturan direktif digunakan oleh K8 untuk bertanya kepada guru tentang obor-obor kerana dia tidak faham maksud obor-obor. Ujaran guru yang menyatakan bahawa obor-obor ialah

'jellyfish' dengan menggunakan lakuan tuturan representatif. 'Menyatakan' adalah salah satu jenis lakuan tuturan yang menerangkan dan menjelaskan sesuatu sesuai dengan fakta yang ada kepada seseorang.

Guru harus menyampaikan sesuatu kandungan atau konsep pengajaran dengan kaedah yang menarik dan berkesan semasa menggunakan lakuan tuturan representatif. Ujaran yang dituturkan oleh guru perlu bersesuaian dengan situasi dan ragam bahasa kanak-kanak prasekolah agar mudah difahami seperti yang ditunjukkan dalam Data 11. Guru telah menggunakan bahasa Inggeris iaitu 'jellyfish' untuk menjelaskan maksud obor-obor. Oleh itu, seseorang guru perlu menyatakan ayat-ayat yang benar serta bersesuaian dengan tema pengajaran yang ingin dijalankan.

Data 12

R4: Guru mengajar cara untuk menulis perkataan yang baru diajar.

201.	K3	点, 点是这样。 Diǎn, diǎn shì zhè yàng. 【R: Dian, dian adalah seperti ini.】	Representatif	Menyatakan
202.	G	提是从下面写到上面的。 点是从上面写到下面的。 Tí shì cóng xià miàn xiě dào shàng miàn de. Diǎn shì cóng shàng miàn xiě dào xià miàn de. <i>Ti dari bawah tulis sampai atas de. Dian adalah dari atas tulis sampai bawah de.</i> 【R: Ti tulis dari bawah sampai atas. Dian adalah tulis dari atas sampai bawah.】	Representatif	Menyatakan

Manakala Data 12 menunjukkan guru menyatakan cara tulisan yang betul kepada kanak-kanak supaya mereka faham. K3 menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan cara menulis 'dian'. Ujaran guru "Ti tulis dari bawah sampai atas. Dian adalah tulis dari atas sampai bawah." yang mengandungi lakuan tuturan representatif untuk

menyatakan cara tulis perkataan kepada K3. Dalam tulisan Cina, ‘提 - ti’ (扌) dan ‘点 - dian’ (丶) merupakan delapan pukulan dasar yang digunakan untuk menulis karakter dasar Cina.

Data 13

R4: Guru mengajar cara untuk menulis perkataan yang baru diajar.

203.	K5	直接写下面的。 Zhí jiē xiě xià miàn de. <i>Terus tulis bawah de.</i> 【R: Terus tulis bawah.】	Representatif	Menyatakan
204.	G	哦，提是从下面写到上面的。提来的。提。 提。 Ó, tí shì cóng xià miàn xiě dào shàng miàn de. Tí lái de. Tí. Tí. <i>Oh, ti adalah dari bawah tulis ke atas de. Ti lai de. Ti. Ti.</i> 【R: Oh, ti adalah tulis dari bawah ke atas. Ti. Ti. Ti.】	Representatif	Menyatakan
205.	K5	我会写了，老师。 Wǒ huì xiě le, lǎo shī. <i>Saya tahu tulis le, cikgu.</i> 【R: Saya sudah tahu tulis, cikgu.】	Representatif	Menyatakan
206.	G	提。提。提。提。 Tí. Tí. Tí. Tí. 【R: Ti. Ti. Ti. Ti.】	Representatif	Menyatakan

Dalam Data 13, K5 menyatakan bahawa dia terus tulis bawah. Ujaran guru “Oh, ti adalah tulis dari bawah ke atas. Ti. Ti. Ti.” yang hanya mengandungi satu jenis lakuan tuturan iaitu ‘menyatakan’. K5 menyatakan bahawa dia sudah tahu menulis perkataan tersebut dengan menggunakan lakuan tuturan representatif. Dalam barisan 206, guru menyatakan bahawa tulisan tersebut adalah ‘ti’ dengan menggunakan lakuan tuturan representatif. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan, guru menyatakan sesuatu dengan menjelaskan cara yang lebih mudah supaya kanak-kanak prasekolah memahami. Dalam barisan 204 dan barisan 206, guru menyatakan cara menulis tulisan

Cina kepada kanak-kanak prasekolah. Ini kerana perkembangan bahasa kanak-kanak berlaku secara sistematik dan mereka memerlukan masa untuk belajar.

Data 14

R2: K3 menyatakan bahawa minggu depan akan tukar tema yang baru.

132.	K3	下个星期就要换海了。 Xià gè xīng qī jiù yào huàn hǎi le. <i>Depan minggu akan tukar laut le.</i> 【R: Minggu depan akan tukar ke laut.】	Representatif	Menyatakan
133.	G	下星期就要进入新的主题了。 Xià xīng qī jiù yào jìn rù xīn de zhǔ tí le. <i>Depan minggu akan masuk baru punya tema le.</i> 【R: Minggu depan akan masuk tema yang baru.】	Representatif	Menegaskan

Selain itu, jenis lakuan tuturan menegaskan juga digunakan oleh guru semasa berinteraksi dengan kanak-kanak di kelas. Dalam Data 14, ujaran K3 “Minggu depan akan tukar ke laut.” telah menyatakan bahawa tema minggu depan ialah laut. Guru menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menegaskan kenyataan K3 dengan mengulangi pernyataan yang dituturkan oleh K3 bahawa minggu depan akan masuk ke tema yang baru. Jenis lakuan tuturan ‘menegaskan’ adalah pernyataan yang disampaikan sebagai fakta. Dengan itu, ujaran yang dinyatakan oleh K3 adalah betul dan sejajar dengan fakta dinyatakan oleh guru.

Dalam bahasa Cina, ‘了- le’ yang digunakan dalam ujaran K3 dan ujaran guru adalah salah satu kata bantu yang penting dan ia digunakan secara meluas dalam bahasa Cina lisan atau tulisan untuk mengekspresikan ciri tatabahasa. Fungsi ‘了- le’ digunakan dalam tuturan dengan mengikut situasi tertentu seperti menunjukkan penyelesaian dan pencapaian sesuatu tindakan, sesuatu yang berlaku, serta sesuatu yang berlaku perubahan atau baru berlaku. Dalam Data 14, K3 menggunakan ‘了- le’ untuk menyatakan bahawa

tema minggu depan akan berlaku perubahan kerana guru akan mengajar tema baru iaitu tema mengenai laut.

4.2.1.3 Lakuan Tuturan Ekspresif

Lakuan tuturan ekspresif adalah untuk mengungkapkan emosi penutur sendiri seperti gembira, sedih, mengucapkan tanda hormat dan lain-lain. Ungkapan yang dinyatakan oleh penutur adalah untuk menyatakan perasaan (Cutting, 2008). Lakuan tuturan ekspresif (1.49%) jarang digunakan oleh guru semasa berinteraksi dengan kanak-kanak di dalam kelas bahasa Cina. Ia meliputi jenis lakuan tuturan memuji dan mengucapkan selamat pagi.

Data 15

R1: Semasa kanak-kanak membuat latihan, guru memuji K4.

257.	K4	不需要读也会。 Bù xū yào dú yě huì. 【R: Tidak perlu baca pun tahu. 】	Representatif	Menyatakan
258.	G	不需要读也会, 你聪明。 Bù xū yào dú yě huì, nǐ cōng míng. 【E: Tidak perlu baca pun tahu, kamu pandai. 】	Ekspresif	Memuji

Dalam Data 15, K4 menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan kepada guru bahawa dia tidak perlu baca pun sudah tahu membuat latihan. Guru memuji K4 pandai selepas terdengar pernyataan yang dituturkan oleh K4. Guru menggunakan lakuan tuturan ekspresif untuk memuji K4 (barisan 258). Lakuan tuturan ekspresif digunakan untuk menyatakan keadaan psikologi penutur mengikut keadaan yang berlaku (Searle, 1976). Guru memuji kanak-kanak semasa mereka melakukan sesuatu yang baik seperti yang ditunjukkan. Dalam barisan 258, guru memuji K4 kerana dia melakukan sesuatu yang baik dan benar.

Data 16

R3: Guru menulis satu perkataan di papan putih untuk kanak-kanak meneka.

218.	G	这个字也是动物来的。 Zhè ge zì yě shì dòng wù lái de. <i>Ini perkataan juga adalah haiwan lai de.</i> 【R: Perkataan ini juga adalah haiwan.】	Representatif	Menyatakan
219.	KK	羊。 Yáng. 【R: Kambing.】	Representatif	Menyatakan
220.	G	哇，好聪明哦，老师还没有写完，你就知道了。 Wa, hǎo cōng míng ó, lǎo shī hái méi yǒu xiě wán, nǐ jiù zhī dào le. <i>Wah, sangat pandai oh, cikgu masih belum tulis habis, kamu sudah tahu le.</i> 【E: Wah, sangat pandai, cikgu masih belum tulis habis, kamu sudah tahu.】	Ekspresif	Memuji

Data 16 menunjukkan guru sedang menulis perkataan di atas papan putih dan memberi kanak-kanak bermain teka-teki. Guru menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan bahawa perkataan tersebut adalah perkataan yang berkaitan dengan haiwan. Kanak-kanak di dalam kelas menyatakan bahawa ia adalah kambing. Dengan itu, guru menggunakan lakuan tuturan ekspresif untuk memuji kecerdikan kanak-kanak kerana kanak-kanak sudah mengetahui perkataan yang ditulis di atas papan putih dan memberi jawapan yang betul sebelum guru habis tulis perkataan tersebut. Penggunaan jenis lakuan tuturan memuji kepada kanak-kanak dalam kehidupan adalah digalakkan dilakukan setiap hari pada masa yang betul. Mereka akan berasa gembira, mempunyai keyakinan yang tinggi, dan merasakan bahawa benda yang dilakukan itu adalah wajar dan betul semasa guru memuji mereka.

Berdasarkan konteks linguistik, walaupun perkataan ‘你 – ni’ iaitu ‘kamu’ merujuk kepada satu orang dalam barisan 220, tetapi penjelasan guru bukan hanya merujuk kepada kanak-kanak tertentu, tetapi kepada semua kanak-kanak prasekolah yang berada di dalam kelas. Menurut hasil kajian Muhammad Zuhair Zainal (2017) yang mendapati ‘awak’

bukan hanya merujuk kepada satu orang pelajar, tetapi arahan guru merujuk kepada semua pelajar.

Data 17

R5: Kanak-kanak mengucapkan selamat pagi kepada guru sebelum guru mula mengajar.

9.	G	五岁的朋友，早安。 Wǔ suì de péng yǒu, zǎo ān. <i>Lima tahun punya kawan, selamat pagi.</i> 【E: Kawan yang berumur lima tahun, selamat pagi.】	Ekspresif	Mengucapkan selamat pagi
10.	KK	周老师，早安。 Zhōu lǎo shī, zǎo ān. 【E: Cikgu Chew, selamat pagi.】	Ekspresif	Mengucapkan selamat pagi

Berdasarkan Data 17, lakuan tuturan ekspresif digunakan oleh guru untuk mengucapkan selamat pagi kepada kanak-kanak. Dalam barisan 10, ujaran kanak-kanak “Cikgu Chew, selamat pagi.” yang mengucapkan selamat pagi kepada guru dengan menggunakan lakuan tuturan yang sama dengan guru. Lakuan tuturan ekspresif yang digunakan oleh guru dan kanak-kanak untuk mengucapkan selamat pagi kepada seseorang sebagai tanda salam dan hormat semasa dalam kelas.

4.2.1.4 Lakuan Tuturan Komisif

Lakuan tuturan komisif adalah mengikat penutur untuk melakukan sesuatu tindakan pada masa akan datang (Searle, 1976). Menurut Cutting (2008), jenis-jenis lakuan tuturan komisif meliputi perjanjian, menawarkan, menawarkan diri dan lain-lain. Berdasarkan kajian ini, guru menggunakan lakuan tuturan komisif untuk membuat perjanjian dengan kanak-kanak dalam kelas bahasa Cina. Guru jarang menggunakan lakuan tuturan komisif (0.17%) semasa berkomunikasi di dalam kelas.

Data 18

R1: Kanak-kanak membuat latihan yang diberikan oleh guru.

221.	K2	老师, K8 讲她不会做。 Lǎo shī, K8 jiǎng tā bù huì zuò. 【R: Cikgu, K8 cakap dia tidak tahu buat. 】	Representatif	Memberitahu
222.	K8	这个画线的我不会做。 Zhè ge huà xiàn de wǒ bù huì zuò. <i>Ini lukis garisan punya saya tidak tahu buat.</i> 【R: Saya tidak tahu buat yang lukis garisan. 】	Representatif	Menyatakan
223.	G	那个我会各别教你们做。 Nà gè děng xià wǒ huì gè bié jiào nǐ men zuò. <i>Itu saya akan individu ajar kamu semua buat.</i> 【K: Saya akan ajar kamu semua buat itu secara individu. 】	Komisif	Berjanji

Berdasarkan Data 18, guru menggunakan lakuan tuturan komisif semasa berinteraksi bersama kanak-kanak prasekolah di kelas. Ujaran K2 yang menggunakan lakuan tuturan representatif untuk memberitahu guru bahawa K8 tidak tahu membuat latihan yang diberikan oleh guru (barisan 221). Dalam barisan 222, K8 juga menyatakan bahawa dia tidak tahu buat bahagian yang berkaitan dengan melukis garisan. Selepas mendengar tuturan dari K2 dan K8, guru menggunakan lakuan tuturan komisif untuk berjanji bahawa dia akan mengajar bahagian itu secara individu pada masa akan datang.

4.2.2 Kombinasi Dua Kategori Lakuan Tuturan dalam Satu Giliran

Jadual 4.2: Jumlah Kombinasi Dua Kategori Lakuan Tuturan Guru dalam Interaksi dengan Kanak-kanak Prasekolah

Lakuan tuturan	Guru – Kanak-kanak	
	Kekerapan	Peratus (%)
R+Dr	228	95
R+E	1	0.42
R+K	3	1.25
Dr+E	6	2.50
Dr+K	2	0.83
Jumlah	240	100

Berdasarkan Jadual 4.2, ia menunjukkan penggunaan kombinasi dua kategori lakuan tuturan dalam satu giliran semasa guru berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah. Menurut Muhammad Zuhair Zainal (2017), ujaran yang mengandungi dua bentuk ilokusi adalah sama dengan ujaran yang mengandungi satu bentuk ilokusi, iaitu sama ada gabungan beberapa jenis ayat dalam satu ujaran atau menggunakan jenis ayat berbeza. Selain itu, Nurul Syuhada Shuib dan Maslida Yusof (2019) menyatakan bahawa lakuan tuturan gabungan membawa maksud bahawa ujaran yang dituturkan mempunyai beberapa kategori lakuan tuturan. Contohnya, kombinasi lakuan tuturan representatif dengan direktif, iaitu ujaran yang bermula dengan ayat pernyataan dan disusuli oleh ayat arahan. Kombinasi dua kategori lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan representatif dan direktif (95%) paling kerap digunakan oleh guru semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah, terutamanya kombinasi jenis lakuan tuturan ‘menyatakan dan mengarah’ dan ‘menyatakan dan bertanya’. Selain itu, kombinasi lakuan tuturan ‘direktif dengan ekspresif’ (2.50%), ‘representatif dengan komisif’ (1.25%), ‘direktif dengan komisif’ (0.83%) dan ‘representatif dengan ekspresif’ (0.42%) juga digunakan oleh guru tetapi adalah jarang semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah dalam kelas bahasa Cina.

4.2.2.1 Lakuan Tuturan Representatif dan Direktif

Kombinasi dua kategori lakuan tuturan dalam satu giliran yang terdiri daripada lakuan tuturan representatif dengan direktif (95%) merupakan lakuan tuturan yang kerap digunakan dalam interaksi antara guru dengan kanak-kanak prasekolah di kelas bahasa Cina, terutamanya kombinasi jenis lakuan tuturan ‘menyatakan dengan mengarah’ dan ‘menyatakan dan bertanya’.

Data 19

R1: Guru mengajar mengenai tema ladang dan haiwan.

115.	G	<p>它这里有三个字你看到吗？你要会读那些字，跟着老师读这三个蛋的名字。</p> <p>Tā zhè lǐ yǒu sān gè zì nǐ kàn dào ma? Nǐ yào huì dú nà xiē zì, gēn zhe lǎo shī dú zhè sān gè dàn de míng zì.</p> <p><i>Ia sini ada tiga perkataan kamu boleh nampak ma? Kamu perlu tahu baca itu perkataan, ikut cikgu baca ini tiga telur punya nama.</i></p> <p>【Dr: Kamu boleh nampak ia di sini ada tiga perkataan?】 【Dr: Kamu perlu tahu baca perkataan itu, ikut cikgu baca nama tiga telur ini.】</p>	Direktif	Bertanya → Mengarah
116.	K3	<p>很像蛋叻。</p> <p>Hěn xiàng dàn lè.</p> <p><i>Sama seperti telur le.</i></p> <p>【R: Sama seperti telur.】</p>	Representatif	Menyatakan
117.	G	<p>是咯，它就是特地画一个蛋这里。跟着我读这三种蛋的名字。鹅蛋。</p> <p>Shì lo, tā jiù shì tè dì huà yī gè dàn zhè lǐ. Gēn zhe wǒ dú zhè sān zhǒng dàn de míng zì. É dàn.</p> <p><i>Ya lo, ia adalah sengaja melukis satu telur di sini. Ikut saya baca ini tiga jenis telur nama. Telur angsa.</i></p> <p>【R: Ya, ia sengaja melukis satu telur di sini.】</p> <p>【Dr: Ikut saya baca tiga jenis nama telur ini. Telur angsa.】</p>	Representatif → Direktif	Menyatakan → Mengarah

Data 19 menunjukkan guru sedang mengajar kanak-kanak. Dalam barisan 115, guru menggunakan lakuan tuturan direktif yang mengandungi jenis lakuan tuturan bertanya dan mengarah untuk bertanya kanak-kanak adakah nampak tiga perkataan yang terpapar di buku kemudian guru memberi arahan kepada kanak-kanak yang mereka perlu tahu membaca dan mengarah kanak-kanak mengikutnya membaca perkataan tersebut. Ujaran K3 menyatakan gambar tersebut sama seperti gambar telur. Penggunaan kombinasi lakuan tuturan representatif dan direktif oleh guru dalam ujaran barisan 117 menyatakan bahawa telur dilukis di muka surat tersebut untuk tujuan tertentu, dan guru mengarahkan kanak-kanak supaya mengikutnya membaca tiga jenis telur. Barisan 117 menunjukkan data

kombinasi dua kategori lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan representatif dengan direktif yang kerap digunakan oleh guru pada waktu pengajaran dan pembelajaran.

Data 20

R3: Guru mengajar perkataan yang baru.

132.	G	蚂蚁就可以把这个叶子当成船这样的坐在上面。 Mǎ yǐ jiù kě yǐ bǎ zhè ge yè zi dāng chéng chuán zhè yàng de zuò zài shàng miàn. <i>Semut pun boleh ini daun jadikan perahu seperti begini duduk di atas.</i> 【R: Semut boleh menjadikan daun ini seperti perahu begini dan duduk di atas.】	Representatif	Menyatakan
133.	K5	还有蜜蜂会帮忙的。 Hái yǒu mì fēng huì bang máng de. <i>Masih ada lebah boleh membantu de.</i> 【R: Masih ada lebah boleh membantu.】	Representatif	Menyatakan
134.	G	蜜蜂不会帮忙，蜜蜂怎么帮忙？ Mì fēng bù huì bang máng, mì fēng zěn me bang máng? <i>Lebah tidak tahu membantu, lebah bagaimana membantu?</i> 【R: Lebah tidak tahu membantu,】 【Dr: bagaimana lebah membantu?】	Representatif → Direktif	Menyatakan → Bertanya
135.	K1	它咬咬咬啦。 Tā yǎo yǎo yǎo la. <i>Ia gigit gigit gigit la.</i> 【R: Ia gigit gigit gigit.】	Representatif	Menyatakan
136.	G	蜜蜂会飞，蚂蚁不会飞，蜜蜂会飞，蚂蚁。 Mì fēng huì fēi, mǎ yǐ bù huì fēi, mì fēng huì fēi, mǎ yǐ. 【R: Lebah tahu terbang, semut tidak tahu terbang, lebah tahu terbang, semut.】	Representatif	Menyatakan

Dalam Data 20, guru mengajar perkataan yang baru iaitu ‘tenggelam’ dan ‘terapung’ dalam bahasa Cina. Guru dan kanak-kanak sedang berbincang mengenai cerita semut yang terjatuh dalam air, dan kanak-kanak menunjukkan minat terhadap cerita tersebut. Guru menggunakan kombinasi lakuan tuturan representatif dengan direktif semasa dalam perbincangan. Dalam barisan 132, guru menyatakan bahawa semut boleh menggunakan daun sebagai perahu dan duduk di atas. Dengan itu, K5 menyatakan bahawa lebah boleh

datang membantu semut itu (barisan 133). Ujaran guru yang mengandung dua kategori lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan representatif dan direktif digunakan dalam barisan 134 dengan menyatakan bahawa lebah tidak tahu membantu dan bertanya pada K5 “bagaimana lebah membantu?”. K1 menggunakan lakuan tuturan representatif dengan menyatakan “Ia gigit gigit gigit”.

Dalam barisan 136, guru mengulang kata yang sama dalam ujaran ketika berbincang mengenai tindakan lebah yang terdapat di dalam cerita dengan kanak-kanak prasekolah. Guru mengulang kata yang sama iaitu menyatakan bahawa “lebah tahu terbang”. Lakuan tuturan representatif digunakan oleh guru untuk menyatakan bahawa lebah tahu terbang tetapi semut tidak tahu terbang. Dalam konteks ini, guru menggunakan kombinasi jenis lakuan tuturan menyatakan dengan bertanya semasa berinteraksi dengan kanak-kanak.

Data 21

R1: Guru mengajar mengenai tema ladang dan haiwan.

163.	G	<p>你看有一样的字，母鸡有一样的字，母鸡就是生鸡蛋，母鹅就生鹅蛋，母鸭就生鸭蛋。你还记得我告诉你，哪一种是最大个的吗？</p> <p>Nǐ kàn yǒu yī yàng de zì, mǔ jī yǒu yī yàng de zì, mǔ jī jiù shì shēng jī dàn, mǔ é jiù shēng é dàn, mǔ yā jiù shēng yā dàn. Nǐ hái jì dé wǒ gào sù nǐ, nǎ yī zhǒng shì zuì dà gè de ma?</p> <p><i>Kamu nampak ada sama punya perkataan, ayam betina ada sama punya perkataan, ayam betina adalah bertelur telur ayam, angsa betina adalah bertelur telur angsa, itik betina adalah bertelur telur itik. Kamu masih ingat saya memberitahu kamu, mana satu jenis adalah paling besar de ma?</i></p> <p>【R: Kamu boleh nampak ada perkataan yang sama, ayam betina ada perkataan sama, ayam betina bertelur telur ayam, angsa betina bertelur telur angsa, itik betina bertelur telur itik.】 【Dr: Kamu masih ingat saya pernah beritahu kamu, mana satu jenis telur yang paling besar?】</p>	<p>Representatif → Direktif</p>	<p>Menyatakan → Bertanya</p>
------	----------	---	---	--

164.	K3	鹅。 É. 【R: Angsa.】	Representatif	Menyatakan
------	----	-------------------------	---------------	------------

Data 21 menunjukkan guru menggunakan kombinasi dua kategori lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan representatif dengan direktif semasa di dalam kelas bahasa Cina. Ujaran guru yang mengandungi lakuan tuturan representatif dengan direktif, iaitu ayat deklaratif “Kamu boleh nampak ada perkataan yang sama, ayam betina ada perkataan sama, ayam betina bertelur telur ayam, angsa betina bertelur telur angsa, itik betina bertelur telur itik.” untuk menyatakan benda yang diajarnya dan ayat integratif “Kamu masih ingat saya pernah beritahu kamu, mana satu jenis telur yang paling besar?” sebagai pertanyaan guru kepada kanak-kanak dalam barisan 163. Ujaran K3 menggunakan lakuan tuturan representatif dengan menyatakan bahawa ia adalah angsa.

Data 22

R4: Guru mengajar mengenai tema hidupan laut.

122.	G	有一个船在这边，我就不画了。等一下你们的书上自己有就画。Okay, 我叫, 谁会画海蜇? Yǒu yī gè chuán zài zhè biān, wǒ jiù bù huà le. Děng yī xià nǐ men de shū shàng zì jǐ yǒu jiù huà. Okay, wǒ jiào, Shéi huì huà hǎi zhē? <i>Ada satu perahu sini, saya akan tidak melukis le. Nanti kamu semua punya buku sendiri ada jadi lukis. Okay, saya panggil, siapa tahu melukis obor-obor?</i> 【R: Ada satu perahu sini, saya tidak akan melukis.】 【Dr: Nanti buku kamu semua akan ada, baru kamu lukis.】 【Dr: Okay, saya panggil, siapa tahu melukis obor-obor?】	Representatif → Direktif	Menyatakan → Mengarah → Bertanya
123.	K10	我会。 Wǒ huì. 【R: Saya tahu.】	Representatif	Menyatakan

Dalam Data 22, guru menggunakan kombinasi dua kategori lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan representatif dan direktif dalam ujaran barisan 122. Pada mulanya, guru

menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan bahawa dia tidak melukis perahu yang ditunjukkan dalam buku di papan putih. Lakuan tuturan yang seterusnya digunakan oleh guru adalah lakuan tuturan direktif iaitu terdiri daripada jenis lakuan tuturan mengarah dan bertanya dengan tujuan memberi arahan kepada kanak-kanak bahawa mereka perlu melukiskan di dalam buku latihan ketika mendapat buku latihan dan bertanya soalan kepada kanak-kanak kerana ingin mengetahui siapa yang tahu melukis obor-obor. Ujaran K10 “Saya tahu.” menyatakan bahawa dia tahu melukis.

Data 23

R5: Guru mengajar mengenai tema hidupan laut dan warna.

218.	G	橙色。这个？ Chéng sè. Zhè ge? 【R: Warna jingga.】 【Dr: Ini?】	Representatif → Direktif	Menegaskan → Bertanya
219.	KK	蓝色。 Lán sè. 【R: Warna biru.】	Representatif	Menyatakan
220.	G	蓝。 Lán. 【R: Biru.】	Representatif	Menegaskan
221.	KK	青，青色。 Qīng, qīng sè. 【R: Hijau, warna hijau】.	Representatif	Menyatakan
222.	G	不是青。 Bù shì qīng. 【R: Bukan hijau.】	Representatif	Menegaskan
223.	K3	黄色的黄。 Huáng sè de huáng. 【R: Warna kuning.】	Representatif	Menyatakan
224.	K7	青色。青色。 Qīng sè. Qīng sè. 【R: Warna hijau. Warna hijau.】	Representatif	Menyatakan
225.	K3	黑色。 Hēi sè. 【R: Warna hitam.】	Representatif	Menyatakan
226.	G	对，不是青色，黑色的黑。这个？ Duì, bù shì qīng sè, hēi sè de hēi. Zhè ge? 【R: Betul, bukan warna hijau, warna hitam.】 【Dr: Ini?】	Representatif → Direktif	Menegaskan → Bertanya

227.	K3	青色。 Qīng sè. 【R: Warna hijau.】	Representatif	Menyatakan
------	----	--------------------------------------	---------------	------------

Manakala Data 23 menunjukkan interaksi antara kanak-kanak dengan guru semasa guru sedang mengajar mereka mengenai tema hidupan laut serta warna. Guru menggunakan lakuan tuturan direktif untuk bertanya soalan kepada kanak-kanak. Kanak-kanak menggunakan lakuan tuturan representatif dengan menyatakan bahawa warna tersebut adalah warna biru. Dalam data interaksi antara guru dengan kanak-kanak di atas, kombinasi lakuan tuturan yang mengandungi dua kategori lakuan tuturan dalam ujaran “Betul, bukan warna hijau, warna hitam. Ini?” kerap digunakan oleh guru, terutamanya lakuan tuturan representatif dan direktif. Guru menggunakan lakuan tuturan representatif dengan menegaskan bahawa jawapan yang diberikan oleh K3 betul iaitu warna hitam. Seterusnya, guru menggunakan lakuan tuturan direktif untuk bertanya soalan kepada kanak-kanak semasa dalam pengajaran. Guru sering bertanya pada kanak-kanak selepas mengajar sesuatu untuk memastikan kanak-kanak faham apa yang telah ditutur ataupun diajar.

Barisan 218 dan barisan 226 telah menunjukkan guru menggunakan kombinasi yang terdiri daripada dua lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan representatif dengan direktif semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah. Berdasarkan Data 23, guru mengajar nama hidupan di laut dengan mengaitkan warna pada masa yang sama. Pengajaran daripada guru terhadap kanak-kanak prasekolah perlulah berteraskan kemahiran berbahasa asas. Mereka dapat menguasai bahasa tersebut dengan mudah sekiranya kemahiran tersebut disampaikan dengan cara yang mudah dan menarik. Guru menggunakan kombinasi lakuan tuturan representatif dan lakuan tuturan direktif dalam satu giliran untuk menegaskan jawapan dan bertanya soalan kepada kanak-kanak supaya mereka dapat mempelajari perkataan baru. Di samping itu, guru sering bertanya soalan kepada kanak-kanak

prasekolah dengan tujuan meningkatkan pembelajaran kanak-kanak prasekolah dan memastikan mereka faham dengan kandungan yang diajar guru.

Data 19 hingga Data 23 menunjukkan beberapa contoh yang menunjukkan guru menggunakan kombinasi dua kategori lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan representatif dan direktif dalam satu giliran semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah.

4.2.2.2 Lakuan Tuturan Direktif dan Ekspresif

Selain itu, corak kombinasi dua kategori lakuan tuturan dalam satu giliran iaitu lakuan tuturan direktif dan ekspresif (2.50%) juga digunakan oleh guru semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah dalam kelas bahasa Cina.

Data 24

R1: Guru mengucapkan selamat pagi kepada kanak-kanak sebelum mula pengajaran.

52.	G	我们先请安。五岁的朋友，早安。 Wǒ men xiān qǐng ān. Wǔ suì de péng yǒu, zǎo ān. <i>Kita ucap dulu salam. Lima tahun punya kawan, selamat pagi.</i> 【Dr: Kita ucap salam dulu. 】 【E: Kawan-kawan yang berumur lima tahun, selamat pagi. 】	Direktif → Ekspresif	Mengarah → Mengucapkan selamat pagi
53.	KK	周老师，早安。 Zhōu lǎo shī, zǎo ān. 【E: Cikgu Chew, selamat pagi. 】	Ekspresif	Mengucapkan selamat pagi

Dalam Data 24, ujaran guru “Kita ucap salam dulu. Kawan-kawan yang berumur lima tahun, selamat pagi.” menggunakan kombinasi dua kategori lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan direktif dengan ekspresif. “Kita ucap salam dulu.” merupakan ayat deklaratif yang dikategorikan sebagai lakuan tuturan direktif untuk mengarahkan kanak-kanak

mengucapkan selamat pagi dan ayat deklaratif “Kawan-kawan yang berumur lima tahun, selamat pagi.” adalah lakuan tuturan ekspresif untuk mengucapkan selamat pagi kepada kanak-kanak di kelas. Seterusnya, lakuan tuturan ekspresif digunakan oleh kanak-kanak untuk mengucapkan selamat pagi kepada guru.

Penggunaan lakuan tuturan direktif ‘mengarah’ adalah bertujuan untuk guru menunjukkan ekspresi pemberian arahan dan bimbingan kepada kanak-kanak prasekolah di kelas. Oleh itu, lakuan tuturan direktif merupakan aspek penting yang digunakan oleh guru apabila berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah. Lakuan tuturan ekspresif digunakan oleh guru dalam ujaran yang sama iaitu dalam barisan 52 untuk mengucapkan selamat pagi kepada kanak-kanak sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Guru dan kanak-kanak sering menggunakan lakuan tuturan ekspresif sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran untuk mengucapkan selamat pagi di dalam kelas.

Data 25

R3: Guru mengajar perkataan ‘guna’.

70.	K2	我用脚来走路。 Wǒ yòng jiǎo lái zǒu lù. 【R: Saya menggunakan kaki untuk berjalan.】	Representatif	Menyatakan
71.	K5	我用尺来画线。 Wǒ yòng chǐ lái huà xiàn. 【R: Saya menggunakan pembaris untuk melukis garisan.】	Representatif	Menyatakan
72.	G	可以，很好。所以下次老师给你看这个字，这个是什么字？ Kě yǐ, hěn hǎo. Suǒ yǐ xià cì lǎo shī gěi nǐ kàn zhè ge zì, zhè ge shì shén me zì? 【E: Boleh, sangat baik.】 【Dr: Oleh itu, lain kali cikgu bagi kamu lihat perkataan ini, ini adalah perkataan apa?】	Ekspresif → Direktif	Memuji → Bertanya
73.	KK	用。 Yòng. 【R: Guna.】	Representatif	Menyatakan

Data 25 menunjukkan keadaan kanak-kanak menggunakan perkataan ‘guna’ untuk membina ayat. K2 menyatakan bahawa “Saya menggunakan kaki untuk berjalan.” (barisan 70) dan K5 menyatakan bahawa “Saya menggunakan pembaris untuk melukis garisan.” (barisan 71). Setelah mendengar pernyataan K2 dan K5, guru menggunakan kombinasi lakuan tuturan ekspresif dan direktif untuk memuji K2 dan K5 sangat baik, iaitu dengan menggunakan ayat deklaratif, “Boleh, sangat baik.” dan seterusnya menggunakan lakuan tuturan direktif untuk bertanya soalan kepada kanak-kanak dalam bentuk ayat interogatif, “Oleh itu, lain kali cikgu bagi kamu lihat perkataan ini, ini adalah perkataan apa?”. Dalam barisan 73, kanak-kanak menjawab soalan yang ditanya iaitu perkataan “Guna”.

Data 26

R4: Kanak-kanak membuat latihan yang diberikan oleh guru.

207.	K2	你看我的这一个。 Nǐ kàn wǒ de zhè yī gè. 【Dr: Kamu lihat saya punya ini.】	Direktif	Menyuruh
208.	G	你的也很美，加油。然后画那一个螃蟹，现在你可以画螃蟹沉入海底。 Nǐ de yě hěn měi, jiā yóu. Rán hòu huà nà yī gè pāng xiè, xiàn zài nǐ kě yǐ huà pāng xiè chén rù hǎi dǐ. <i>Kamu punya juga sangat cantik, berusaha. Kemudian lukiskan itu ketam, sekarang kamu boleh lukis ketam tenggelam dalam dasar laut.</i> 【E: Kamu punya juga sangat cantik, berusaha lagi.】 【Dr: Kemudian lukiskan ketam itu, sekarang kamu boleh lukis ketam tenggelam dalam dasar laut.】	Ekspresif → Direktif	Memuji → Mengarah

Dalam Data 26, ujaran K2 yang menyuruh guru melihat benda yang dilukiskan dalam latihan yang diberikan oleh guru dengan menggunakan lakuan tuturan direktif. Selepas guru melihat lukisan yang dilukiskan, guru memuji lukisan K2 cantik dan seterusnya mengarahkan K2 melukis ketam yang tenggelam di dalam dasar laut. Dalam

barisan 208, guru menggunakan kombinasi lakuan tuturan ekspresif dan direktif dalam satu giliran untuk memuji dan mengarah semasa berinteraksi dengan K2.

Data 27

R1: Guru mengajar cara membuat latihan.

208.	KK	狗。 Gǒu. 【R: Anjing.】	Representatif	Menyatakan
209.	G	哇，你们眼睛很厉害。K4，看好来，K4。K9，你不坐好来，我就拿走那张椅子，坐进去。 Wa, nǐ men yǎn jīng hěn lì hài. K4, kàn hǎo lái, K4. K9, nǐ bù zuò hǎo lái, wǒ jiù ná zǒu nà zhāng yǐ zi, zuò jìn qù. <i>Wah, kamu semua mata sangat hebat. K4, tengok baik lai, K4. K9, kamu tidak duduk baik lai, saya akan mengambil pergi itu kerusi, duduk ke dalam.</i> 【E: Wah, mata kamu semua sangat hebat.】 【Dr: K4, tengok baik-baik, K4.】 【Dr: K9, kamu tidak duduk baik, saya akan mengambil kerusi itu, duduk ke dalam.】	Ekspresif → Direktif	Memuji → Mengarah → Memberi amaran

Dalam Data 27, kanak-kanak menjawab soalan guru dengan menggunakan lakuan tuturan representatif. Seterusnya, ujaran guru dalam barisan 209 yang menggunakan kombinasi dua kategori lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan ekspresif dengan direktif. Guru menggunakan lakuan tuturan ekspresif untuk memuji bahawa mereka sangat hebat kerana tahu jawapan. Lakuan tuturan direktif seterusnya digunakan oleh guru untuk mengarahkan K4 lihat dengan baik dan memberi amaran kepada K9 bahawa dia perlu duduk dengan baik. Guru memberi amaran kepada K9 bahawa dia akan simpan kerusi K9 sebagai hukuman jika K9 tidak duduk dengan cara yang betul.

4.2.2.3 Lakuan Tuturan Representatif dan Komisif

Kombinasi lakuan tuturan representatif dan komisif (1.25%) merupakan salah satu kombinasi dua kategori lakuan tuturan yang digunakan oleh guru dalam satu giliran.

Data 28

R1: Guru mengajar mengenai tema ladang dan haiwan

60.	G	<p>这个是提醒我要做哪一面，因为 Teacher Lee 昨天没有时间教你们做，今天我要教你们做这一面。这个等一下我才跟你讲，一样一样讲。</p> <p>Zhè ge shì tí xǐng wǒ yào zuò nǎ yī miàn, yīn wèi Teacher Lee zuó tiān méi yǒu shí jiān jiào nǐ men zuò, jīn tiān wǒ yào jiào nǐ men zuò zhè yī miàn. Zhè ge děng yī xià wǒ cái gēn nǐ jiǎng, yī yàng yī yàng jiǎng</p> <p><i>Ini adalah ingatkan saya perlubuat mana muka surat, kerana Cikgu Lee semalam tidak ada masa mengajar kamu semua buat, hari ini saya mahu mengajar kamu semua membuat ini muka surat. Ini nanti saya baru dengan kamu cakap, satu perkara demi satu perkara cakap.</i></p> <p>【R: Ini adalah untuk ingatkan saya muka surat yang perlu dibuat, kerana Cikgu Lee semalam tidak ada masa mengajar kamu semua, saya ingin mengajar kamu semua membuat muka surat ini hari ini.】 【K: Saya akan cakap ini dengan kamu nanti, cakap satu perkara demi satu perkara.】</p>	<p>Representatif → Komisif</p>	<p>Menyatakan → Berjanji</p>
-----	---	--	--	--

Data 28 menunjukkan guru sedang mengajar kanak-kanak mengenai tema ladang dan haiwan. Dalam barisan 60, guru menggunakan kombinasi dua kategori lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan representatif dengan komisif semasa berinteraksi dengan kanak-kanak. Pada mulanya, lakuan tuturan representatif digunakan guru untuk menyatakan catatan di papan putih adalah untuk mengingatkan dia sendiri mengenai muka surat buku latihan yang perlu dibuatkan oleh kanak-kanak kerana Cikgu Lee tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk mengajar mereka semalam. Oleh itu, guru akan mengajar mereka membuat latihan tersebut. Seterusnya, ujaran guru yang menggunakan lakuan tuturan

komisif untuk berjanji bahawa dia akan membincangkan perkara tersebut sebentar lagi dengan mengikut susunan perkara yang akan dibincangkan dalam kelas bahasa Cina.

Data 29

R1: Guru mengajar cara membuat latihan.

180.	G	<p>然后这一面是昨天 Teacher Lee 不够时间教你做，等下周老师会教你做。根据以下的规矩，把图片连起来，这个是 patterns 来的。</p> <p>Rán hòu zhè yī miàn shì zuó tiān Teacher Lee bù gòu shí jiān jiào nǐ zuò, děng yī xià zhōu lǎo shī huì jiào nǐ zuò. Gēn jù yǐ xià de guī jǔ, bǎ tú piàn lián qǐ lái, zhè ge shì patterns lái de.</p> <p><i>Kemudian ini muka surat adalah semalam Cikgu Lee tidak cukup masa ajar kamu buat, nanti Cikgu Chew akan ajar kamu buat. Mengikut berikut punya peraturan, kena gambar-gambar disambungkan, inilah corak lai de.</i></p> <p>【R: Kemudian muka surat ini adalah semalam Cikgu Lee tidak cukup masa untuk ajar kamu buat,】 【K: nanti Cikgu Chew akan ajar kamu buat.】 【R: Mengikut peraturan berikut, kena sambungkan gambar-gambar, ini adalah corak.】</p>	<p>Representatif → Komisif → Representatif</p>	<p>Menyatakan → Berjanji → Menyatakan</p>
181.	K1	<p>老师，我会了。老师，我会了。</p> <p>Lǎo shī, wǒ huì le. Lǎo shī, wǒ huì le.</p> <p><i>Cikgu, saya tahu le. Cikgu, saya tahu le.</i></p> <p>【R: Cikgu, saya sudah tahu. Cikgu, saya sudah tahu.】</p>	<p>Representatif</p>	<p>Memberitahu</p>

Data 29 menunjukkan guru menggunakan kombinasi lakuan tuturan representatif dan komisif, iaitu guru telah menggunakan jenis lakuan tuturan menyatakan dan berjanji (barisan 180). Pada mulanya, lakuan tuturan representatif digunakan oleh guru untuk menyatakan bahawa Cikgu Lee tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk mengajar mereka. Seterusnya, lakuan tuturan komisif digunakan untuk berjanji bahawa nanti dia akan ganti Cikgu Lee mengajar mereka membuat latihan muka surat tersebut. Selepas itu, guru menyatakan cara membuat latihan tersebut dengan menggunakan lakuan tuturan representatif kepada kanak-kanak. Setelah K1 dengar penerangan guru, K1 memberitahu

guru bahawa dia tahu buat latihan muka surat itu dengan menggunakan ayat pengulangan, iaitu “Cikgu, saya sudah tahu. Cikgu, saya sudah tahu.” yang dikategorikan dalam lakuan tuturan representatif.

Data 30

R1: Guru mengajar cara membuat latihan.

153.	G	谁会做? 谁会做? K10 会做吗? Shéi huì zuò? Shéi huì zuò? K10 huì zuò ma? <i>Siapa tahu buat? Siapa tahu buat? K10 tahu buat ma?</i> 【Dr: Siapa tahu buat? Siapa tahu buat? K10 tahu buat?】	Direktif	Bertanya
154.	K10	不会。 Bù huì. 【R: Tidak tahu.】	Representatif	Menyatakan
155.	G	不会。不会等下老师再教你。 Bù huì. Bù huì děng xià lǎo shī zài jiào nǐ. <i>Tidak tahu. Tidak tahu nanti lagi cikgu ajar kamu.</i> 【R: Tidak tahu.】 【K: Nanti cikgu ajar kamu lagi.】	Representatif → Komisif	Menegaskan → Berjanji

Data 30 menunjukkan guru menggunakan kombinasi jenis lakuan tuturan menegaskan dan berjanji. Dalam barisan 153, ujaran guru “Siapa tahu buat? Siapa tahu buat? K10 tahu buat?” menunjukkan guru menggunakan lakuan tuturan direktif untuk bertanya kanak-kanak adakah sesiapa yang tidak tahu membuat latihan yang diberikan. Lakuan tuturan representatif digunakan oleh K10 untuk menyatakan bahawa dia tidak tahu membuat latihan. Selepas mendengar ujaran K10, kombinasi lakuan tuturan representatif dan komisif telah digunakan oleh guru semasa berkomunikasi dengan K10. Guru menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menegaskan bahawa K10 tidak tahu membuat latihan dan lakuan tuturan komisif digunakan oleh guru untuk berjanji bahawa nanti dia akan mengajar K10 membuat latihan.

4.2.2.4 Lakuan Tuturan Direktif dan Komisif

Dua kategori lakuan tuturan yang terdiri daripada lakuan tuturan direktif dan komisif (0.83%) merupakan salah satu kombinasi dua kategori lakuan tuturan digunakan dalam interaksi antara guru dengan kanak-kanak prasekolah. Berdasarkan Jadual 4.2, guru jarang menggunakan kombinasi lakuan tuturan direktif dan komisif semasa dalam kelas bahasa Cina.

Data 31

R1: Guru menjelaskan cara membuat latihan.

156.	K6	K9 会。老师，K9 会。 K9 huì. Lǎo shī, K9 huì. 【R: K9 tahu. Cikgu, K9 tahu. 】	Representatif	Memberitahu
157.	G	K9, 你会做? K9, nǐ huì zuò? 【Dr: K9, kamu tahu buat? 】	Direktif	Bertanya
158.	K9	我不会。 Wǒ bù huì. 【R: Saya tidak tahu. 】	Representatif	Menyatakan
159.	G	找一样的字。K10 等下老师教你啊。 Zhǎo yī yàng de zì. K10 děng xià lǎo shī jiào nǐ a. <i>Cari sama yang perkataan. K10 nanti cikgu ajar kamu ah.</i> 【Dr: Cari perkataan yang sama. 】 【K: K10 nanti cikgu ajar kamu. 】	Direktif →Komisif	Mengarah →Berjanji
160.	K1	老师，K9 讲他不会。 Lǎo shī, K9 jiǎng tā bù huì. 【R: Cikgu, K9 cakap dia tak tahu. 】	Representatif	Memberitahu

Data 31 menunjukkan guru sedang menjelaskan cara untuk membuat latihan untuk memastikan semua kanak-kanak faham. Ujaran K6 “K9 tahu. Cikgu, K9 tahu.” yang menggunakan lakuan tuturan representatif dengan memberitahu guru bahawa K9 tahu membuat latihan. Guru menggunakan lakuan tuturan direktif semasa bertanya K9 untuk memastikan K9 sudah faham dan tahu membuat latihan. K9 menyatakan kepada guru bahawa dia tidak tahu buat tetapi dengan suara yang perlahan dan tidak didengari oleh guru.

Guru menggunakan kombinasi dua lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan direktif dengan komisif. Guru memberi arahan kepada kanak-kanak dengan menggunakan ayat imperatif “Cari perkataan yang sama.” dan juga ayat deklaratif “K10 nanti cikgu ajar kamu” yang dikategorikan sebagai lakuan tuturan komisif untuk berjanji mengajar K10 kerana K10 tidak tahu membuat latihan yang akan diberikan.

Pada ketika itu, K1 terdengar ujaran yang dituturkan oleh K9. Lakuan tuturan representatif digunakan oleh K1 untuk memberitahu guru bahawa K9 masih tidak tahu buat benda yang diajar oleh guru. Keadaan ini menunjukkan bahawa kadangkala berlaku masalah halangan atau gangguan dalam interaksi di antara guru dengan kanak-kanak. Guru tidak dapat mendengar pernyataan yang dituturkan oleh K9 kerana suaranya terlalu perlahan. Oleh itu, K1 memberitahu kepada guru mengenai keadaan K9 yang masih tidak tahu membuat latihan.

Data 32

R1: Kanak-kanak membuat latihan yang diberikan oleh guru.

225.	G	那个数学你还是不会？不用紧，等下我各别教你。 Nà gè shù xué nǐ hái shì bù huì? Bù yòng jǐn, děng xià wǒ gè bié jiào nǐ. <i>Itu matematik kamu masih tidak tahu? Tak apa, nanti saya secara individu ajar kamu.</i> 【Dr: Kamu masih tidak tahu buat matematik itu?】 【K: Tak apa, nanti saya ajar kamu secara individu.】	Direktif → Komisif	Bertanya → Berjanji
226.	K8	这面我就会做。 Zhè miàn wǒ jiù huì zuò. <i>Ini muka surat saya tahu buat.</i> 【R: Muka surat ini saya tahu buat.】	Representatif	Menyatakan

Data 32 menunjukkan kanak-kanak membuat latihan yang yang diberikan oleh guru. Dalam Barisan 225, ujaran guru “Kamu masih tidak tahu buat matematik itu? Tak apa, nanti saya ajar kamu secara individu.” yang menggunakan kombinasi lakuan tuturan

direktif dengan komisif. Lakuan tuturan direktif digunakan oleh guru untuk mengetahui sama ada K8 tahu atau tidak membuat latihan dan berjanji akan mengajar K8 secara individu dengan menggunakan lakuan tuturan komisif. Dalam barisan 226, K8 menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan bahawa dia tahu menyelesaikan soalan di muka surat yang ditunjukkan. Kombinasi lakuan tuturan direktif dan komisif digunakan oleh guru untuk memastikan sama ada K8 tahu atau tidak cara membuat latihan yang diberikan dan berjanji akan mengajar K8 jika dia tidak tahu membuat latihan.

Berdasarkan kombinasi lakuan tuturan direktif dengan komisif yang digunakan oleh guru dalam Data 31, guru mengarah kanak-kanak untuk mencari perkataan yang sama semasa membuat latihan dan berjanji akan mengajar K10 yang masih tidak memahami latihan yang diberikan secara individu. Data 31 dan Data 32 menunjukkan guru berjanji memberi pengajaran khas secara individu kepada K10 dan K8 semasa membuat buku latihan supaya dapat mengajar dan membantu mereka berdasarkan kebolehan dan kemampuan kanak-kanak tersebut.

4.2.2.5 Lakuan Tuturan Representatif dan Ekspresif

Kombinasi dua kategori lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan representatif dan ekspresif (0.42%) digunakan oleh guru semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah dalam kelas bahasa Cina.

Data 33

R3: Guru memuji K3 mengenai latihan yang dibuatkan oleh K3.

410.	K3	老师，你看。我会写，老师。 Lǎo shī, nǐ kàn. Wǒ huì xiě, lǎo shī. 【 Dr: Cikgu, kamu lihat. 】 【 R: Saya tahu tulis, cikgu. 】	Direktif → Representatif	Menyuruh → Menyatakan
411.	G	哦，你写完，很美。牛你还没做，牛。 Ó, nǐ xiě wán, hěn měi. Niú nǐ hái méi zuò, niú. 【 E: Oh, kamu menulis habis, sangat cantik. 】 【 R: Lembu kamu (K9) belum buat, lembu. 】	Ekspresif → Representatif	Memuji → Menyatakan

Semasa kanak-kanak sedang membuat latihan, K3 menggunakan kombinasi lakuan tuturan direktif dan representatif dengan menyuruh guru melihat latihan yang telah dibuat dan menyatakan bahawa dia tahu menulis. Guru telah menggunakan kombinasi lakuan tuturan ekspresif dengan representatif untuk memuji K3 tulisannya sangat cantik kemudian guru menyatakan latihan K9 belum disiapkan. Di samping itu, data tersebut menunjukkan guru dan K3 telah menggunakan kombinasi yang mengandungi dua lakuan tuturan tetapi corak kombinasi yang digunakan adalah berbeza semasa berinteraksi.

4.2.3 Kombinasi Tiga Kategori Lakuan Tuturan dalam Satu Giliran

Jadual 4.3: Jumlah Kombinasi Tiga Kategori Lakuan Tuturan Guru dalam Interaksi dengan Kanak-kanak Prasekolah

Lakuan tuturan	Guru – Kanak-kanak	
	Kekerapan	Peratus (%)
R+Dr+K	2	100
Jumlah	2	100

Merujuk Jadual 4.3, hanya kombinasi tiga kategori lakuan tuturan yang terdiri daripada lakuan tuturan representatif, direktif dan komisif digunakan oleh guru semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah dalam kelas bahasa Cina.

4.2.3.1 Lakuan Tuturan Representatif, Direktif dan Komisif

Berdasarkan Jadual 4.3, guru menggunakan corak kombinasi tiga kategori lakuan tuturan iaitu representatif, direktif dan komisif (100%) dalam satu giliran semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah. Data-data di bawah menunjukkan kombinasi lakuan tuturan representatif, direktif dengan komisif yang digunakan oleh guru dalam komunikasi di dalam kelas.

Data 34

R1: K6 bertanya soalan kepada guru, guru menjawab soalan yang ditanya K6.

61.	K6	周老师, Teacher Lee 没有来? Zhōu lǎo shī, Teacher Lee méi yǒu lái? 【Dr: Cikgu Chew, Cikgu Lee tidak datang? 】	Direktif	Bertanya
62.	G	不是 Teacher Lee 没有来, 昨天 Teacher Lee 不够时间教你们做, 她要教你玩, 所以等下我有时间我教你们做。大家有看到这张纸吗? Bù shì Teacher Lee méi yǒu lái, zuó tiān Teacher Lee bù gòu shí jiān jiào nǐ men zuò, tā yào jiào nǐ wán, suǒ yǐ děng xià wǒ yǒu shí jiān wǒ jiào nǐ men zuò. Dà jiā yǒu kàn dào zhè zhāng zhǐ ma? <i>Bukan Cikgu Lee tak datang, semalam Cikgu Lee tidak cukup masa yang mengajar kamu semua buat, dia ingin mengajar kamu main, jadi nanti saya ada masa saya ajar kamu semua buat. Kamu semua ada nampak ini kertas ma?</i> 【R: Bukan Cikgu Lee tak datang, Cikgu Lee tidak cukup masa untuk mengajar kamu semua semalam, dia ingin mengajar kamu main,】 【K: jadi saya ajar kamu semua buat bila nanti ada masa. 】 【Dr: Kamu semua boleh nampak kertas ini? 】	Representatif → Komisif → Direktif	Menyatakan → Berjanji → Bertanya
63.	KK	有。 Yǒu. 【R: Ada.】	Representatif	Menyatakan

Berdasarkan data 34, K6 bertanya kepada guru tentang kedatangan Cikgu Lee dengan menggunakan lakuan tuturan direktif. Ujaran guru “Bukan Cikgu Lee tak ada datang, Cikgu Lee tidak cukup masa untuk mengajar kamu semua semalam, dia ingin mengajar kamu main, jadi saya ajar kamu semua buat nanti bila ada masa. Kamu semua

boleh nampak kertas ini?” yang dikategorikan sebagai lakuan tuturan representatif untuk menyatakan tentang kerja yang diberikan oleh Cikgu Lee. Selain lakuan tuturan representatif, guru juga menggunakan lakuan tuturan komisif untuk berjanji akan mengajar kanak-kanak jika ada masa serta lakuan tuturan direktif digunakan untuk menanya sama ada mereka boleh nampak atau tidak kertas dalam ujaran yang sama (barisan 62). Ujaran guru mengandungi tiga lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan representatif, komisif dan juga direktif. Seterusnya, kanak-kanak menggunakan representatif untuk menyatakan “Ada”.

Data 35

R3: Guru memberi peluang kepada kanak-kanak menulis jawapan di papan putih.

304.	K5	老师，我还没有出来。 Lǎo shī, wǒ hái méi yǒu chū lái. 【R: Cikgu, saya masih belum keluar.】	Representatif	Memberitahu
305.	G	好，等下我叫你。看，K8，有认真的听，她写一次就写到。谁，多少个人还没有出过来？ Hǎo, děng xià wǒ jiào nǐ. Kàn, K8, yǒu rèn zhēn de tīng, tā xiě yī cì jiù xiě dào. Shéi, duō shǎo gè rén hái méi yǒu chū guò lái? <i>Baik, nanti saya panggil kamu. Lihat, K8, ada menumpu perhatian untuk dengar, dia tulis sekali sudah dapat tuliskan. Siapa, berapa orang masih belum keluar pernah?</i> 【K: Baik, nanti saya panggil kamu.】 【R: Lihat, K8, ada menumpu perhatian untuk dengar, dia sudah dapat tulis jawapan hanya menggunakan sekali saja.】 【Dr: Siapa, berapa orang masih belum pernah keluar?】	Komisif → Representatif → Direktif	Berjanji → Menyatakan → Bertanya
306.	K5	我。 Wǒ. 【R: Saya.】	Representatif	Memberitahu

Dalam Data 35, setiap kanak-kanak diberi peluang untuk menjawab soalan di papan putih. K5 menggunakan lakuan tuturan representatif untuk memberitahu guru bahawa dia masih belum menjawab soalan di depan. Dalam barisan 305, guru menggunakan kombinasi lakuan tuturan komisif, representatif dan direktif dalam ujarannya. Guru menggunakan

lakuan tuturan komisif untuk berjanji pada K5 bahawa dia akan panggil K5 nanti dan lakuan tuturan representatif digunakan untuk menyatakan bahawa K8 dapat tulis jawapan yang betul kerana K8 memberi tumpuan semasa belajar. Seterusnya, lakuan tuturan yang ketiga digunakan adalah lakuan tuturan direktif untuk tujuan mengetahui sesiapa yang masih belum keluar menjawab soalan. K5 memberitahu guru bahawa dia masih belum keluar dengan menggunakan ujaran “Saya.” (barisan 306).

Berdasarkan data-data yang menunjukkan interaksi di antara guru dengan kanak-kanak prasekolah, guru menggunakan lakuan tuturan tertentu semasa mendidik kanak-kanak untuk tujuan menyebarkan ilmu yang diketahui kepada kanak-kanak.

4.3 Penggunaan Lakuan Tuturan di antara Kanak-kanak Prasekolah dalam Interaksi dengan Guru dan Rakan Sebaya dalam Bahasa Cina

Bahasa merupakan alat komunikasi dalam interaksi semasa proses pembelajaran dan pengajaran. Melalui proses komunikasi, ia mewujudkan peristiwa tuturan dan penggunaan pelbagai jenis lakuan tuturan. Peristiwa tuturan adalah proses berlangsungnya atau terjadinya interaksi linguistik dalam ujaran yang melibatkan penutur dan pendengar dalam situasi, waktu dan tempat tertentu. Penggunaan lakuan tuturan ditentukan oleh kemampuan bahasa kanak-kanak prasekolah dalam konteks tertentu.

4.3.1 Penggunaan Lakuan Tuturan Kanak-kanak Prasekolah dalam Interaksi dengan Guru

Pada peringkat awal, kanak-kanak dapat menggunakan lakuan tuturan yang tertentu dalam keadaan yang sesuai seperti yang ditunjukkan dalam kajian lepas (Takada & Endo, 2015; Ogiermann, 2015; Grimm 1975). Dalam ujaran yang dituturkan oleh kanak-kanak

prasekolah ketika berkomunikasi dengan guru, ia menerangkan tentang penggunaan lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan guru dalam kelas bahasa Cina.

4.3.1.1 Satu Kategori Lakuan Tuturan dalam Satu Giliran

Jadual 4.4: Jumlah Lakuan Tuturan Kanak-kanak prasekolah dalam Interaksi dengan Guru

Lakuan Tuturan	Kanak-kanak – Guru	
	Kekerapan	Peratus (%)
R	625	72.93
Dk	-	-
E	5	0.58
Dr	227	26.49
K	-	-
Jumlah	857	100

Jadual 4.4 menunjukkan lakuan tuturan yang digunakan dalam interaksi antara kanak-kanak prasekolah dengan guru dalam kelas bahasa Cina. Berdasarkan analisis terhadap penggunaan lakuan tuturan kanak-kanak dengan guru semasa mereka berinteraksi dalam bahasa Cina, didapati lakuan tuturan yang paling kerap digunakan oleh kanak-kanak semasa berinteraksi dengan guru adalah lakuan tuturan representatif (72.93%). Lakuan tuturan representatif digunakan oleh kanak-kanak prasekolah untuk menyatakan sesuatu semasa berinteraksi dengan guru. Manakala, lakuan tuturan direktif (26.49%) merupakan lakuan tuturan yang kedua paling kerap digunakan oleh kanak-kanak prasekolah untuk bertanya soalan kepada guru. Kanak-kanak pada peringkat umur ini jarang menggunakan lakuan tuturan ekspresif (0.58%).

(a) Lakuan Tuturan Representatif

Lakuan tuturan representatif (72.93%) merupakan lakuan tuturan yang paling kerap digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa mereka berinteraksi dengan guru. Ia meliputi jenis lakuan tuturan menyatakan dan memberitahu.

Data 36

R1: K3 menyatakan kepada guru bahawa anak ayam sudah hampir keluar dari telur.

Barisan	Penutur	Deskripsi/Kandungan	Corak Lakuan Tuturan	Jenis
27.	K3	周老师，那个小鸡要出来了，差不多。 Zhōu lǎo shī, nà gè xiǎo jī yào chū lái le, chà bù duō. <i>Cikgu Chew, itu anak ayam nak keluar le, hampir.</i> 【R: Cikgu Chew, anak ayam itu sudah hampir nak keluar.】	Representatif	Menyatakan
28.	G	二十一天。 Èr shí yī tiān. 【R: Dua puluh satu hari.】	Representatif	Menyatakan

Data 36 menunjukkan K3 dan guru menggunakan lakuan tuturan representatif semasa berinteraksi. Ujaran K3 “Cikgu Chew, anak ayam itu sudah hampir nak keluar.” yang dituturkan oleh K3 hanya mengandungi satu ayat iaitu ayat nyata atau dikenali sebagai ayat deklaratif. Ujaran K3 tersebut merupakan lakuan tuturan representatif yang ingin menyatakan bahawa ayam kecil hampir keluar dari telur ayam pada guru. Guru menjawab pernyataan K3 dengan menyatakan bahawa ayam memerlukan 21 hari untuk menetas. Dengan itu, penggunaan representatif yang berbentuk penyampaian maklumat digunakan oleh guru dalam ujarannya.

Data 37

R5: Guru mengajar tema mengenai hidupan di laut, K3 menyatakan kepada guru bahawa pusat membeli belah ‘Aeon’ terdapat ikan yang berwarna biru.

209.	K3	Aeon, 那个 Aeon 有蓝色的鱼叻。 Aeon, nà gè Aeon yǒu lán sè de yú lè. <i>Aeon, itu Aeon ada warna biru punya ikan le.</i> 【R: Aeon, Aeon itu ada ikan yang berwarna biru.】	Representatif	Menyatakan
210.	G	是啊, 你有去看啊? Shì a, nǐ yǒu qù kàn a? <i>Ya ah, kamu ada pergi tengok ah?</i> 【Dr: Ya, kamu ada pergi tengok?】	Direktif	Bertanya
211.	K3	啊, 我姑姑带我去的。 A, wǒ gū gū dài wǒ qù de. <i>Ah, saya mak cik bawa saya pergi de.</i> 【R: Ah, mak cik saya bawa saya pergi.】	Representatif	Menyatakan

Data 37 menunjukkan K3 menggunakan lakuan tuturan representatif semasa guru mengajar kanak-kanak mengenai hidupan di laut dan warna. K3 menyatakan pada guru bahawa pusat membeli-belah ‘Aeon’ terdapat ikan yang berwarna biru. Ujaran K3 juga hanya mengandungi satu lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan representatif. Selepas guru mendengar penyataan dari K3, ujaran guru “Ya, kamu ada pergi tengok?” yang dikategorikan sebagai lakuan tuturan direktif untuk bertanya kepada K3 mengenai penyataan yang dituturkan tadi. K3 menyatakan bahawa mak cik yang membawa dia pergi ke ‘Aeon’ yang membawa maksud K3 pernah pergi ke tempat itu dan ternampak ikan itu. Lakuan tuturan representatif kerap digunakan oleh kanak-kanak semasa mereka berkomunikasi dengan guru.

Data 38

R3: Guru mengajar perkataan ‘guna’.

60.	K5	我用蜡笔来涂。 Wǒ yòng là bǐ lái tú. 【R: Saya menggunakan crayon untuk mewarna.】	Representatif	Menyatakan
-----	----	--	---------------	------------

61.	G	可以，我用蜡笔来涂。 Kě yǐ, wǒ yòng là bǐ lái tú. 【 R: Boleh, saya menggunakan crayon untuk mewarna.】	Representatif	Menegaskan
-----	---	---	---------------	------------

Situasi Data 38 berlaku semasa kanak-kanak menggunakan perkataan ‘guna’ untuk membina ayat. Ungkapan K5 yang menyatakan bahawa “Saya menggunakan crayon untuk mewarna”. Ujaran guru yang menegaskan bahawa pernyataan K5 adalah betul dan boleh diterima dengan mengatakan “Boleh, saya menggunakan crayon untuk mewarna”. Proses pengajaran dan pembelajaran sedang berlaku melalui interaksi antara guru dan kanak-kanak, guru dapat mengetahui kebolehan dan kefahaman kanak-kanak mengenai benda yang diajar semasa kanak-kanak prasekolah menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan sesuatu.

Data 39

R4: Guru mengajar perkataan ‘terapung’ dan ‘tenggelam’.

84.	G	哪一个浮？第一个还是第二个？ Nǎ yī gè shì fú? Dì yī gè hái shì dì èr gè? 【Dr: Mana satu yang terapung? Pertama atau kedua?】	Direktif	Bertanya
85.	K5	第一个。 Dì yī gè. 【R: Pertama.】	Representatif	Menyatakan
86.	G	第一个是浮。第二个？ Dì yī gè shì fú. Dì èr gè? 【 R: Pertama adalah terapung.】 【 Dr: Kedua?】	Representatif → Direktif	Menegaskan → Bertanya
87.	KK	沉。 Chén. 【R: Tenggelam.】	Representatif	Menyatakan

Data 39 menunjukkan guru mengajar perkataan ‘terapung’ dan ‘tenggelam’. Dalam barisan 84, ujaran guru “Mana satu yang terapung? Pertama atau kedua?” yang dikategorikan sebagai lakuan tuturan direktif untuk bertanya soalan kepada kanak-kanak.

K5 memberi jawapan yang betul dengan menyatakan bahawa adalah yang pertama. Guru menggunakan kombinasi lakuan tuturan representatif dengan direktif dalam ujaran di barisan 86. Pada mulanya, ujaran guru “Pertama adalah terapung.” yang menegaskan bahawa pertama adalah terapung iaitu sama dengan pernyataan K5. Seterusnya, lakuan tuturan direktif turut digunakan oleh guru untuk meneruskan pertanyaan dengan menggunakan ayat tanya “Kedua?”. Lakuan tuturan representatif digunakan oleh kanak-kanak untuk menyatakan adalah “Tenggelam”.

Data 40

R3: Segelintir kanak-kanak di dalam kelas yang telah habis membuatkan latihan yang diberikan oleh guru, K9 meminta untuk melukis dan K1 memberitahu kepada guru bahawa K9 asyik mahu melukis sahaja.

431.	K9	我要画。 Wǒ yào huà. 【Dr: Saya nak melukis.】	Direktif	Meminta
432.	K6	老师, 我看不到, 看不到, 老师。 Lǎo shī, wǒ kàn bù dào, kàn bù dào, lǎo shī. 【R: Cikgu, saya tak nampak, tak nampak, cikgu.】	Representatif	Memberitahu
433.	K1	老师, K9 又要画, 他每天都要画。 Lǎo shī, K9 yòu yào huà, tā měi tiān dū yào huà. <i>Cikgu, K9 lagi mahu melukis, dia setiap hari mahu melukis.</i> 【R: Cikgu, K9 mahu melukis lagi, dia mahu melukis setiap hari.】	Representatif	Memberitahu
434.	G	不可以画 Thomas and Friends, 画跟主题有关系的东 西。 Bù kě yǐ huà Thomas and Friends, huà gēn zhǔ tí yǒu guān xī de dōng xī. <i>Tidak boleh melukis Thomas and Friends, lukis dengan tema mengenai punya benda.</i> 【Dr: Tidak boleh melukis Thomas and Friends, hanya boleh lukis benda yang berkenaan dengan tema.】	Direktif	Mengarah

Dalam Data 40, terdapat beberapa kanak-kanak telah habis membuat latihan. Guru membenarkan kanak-kanak tersebut menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan tema yang diajar atau bermain mainan. Ujaran K9 “Saya nak melukis.” dalam bentuk deklaratif yang meminta guru untuk membenarkan dia melukis. Dalam barisan 432, K6 yang masih membuat kerja rumah memberitahu guru bahawa dia tidak dapat melihat benda yang di depan. Manakala dalam barisan 433, K1 memberitahu guru bahawa K9 melukis setiap hari. Oleh itu, ujaran guru “Tidak boleh melukis Thomas and Friends, hanya boleh lukis benda yang berkenaan dengan tema.” memberi arahan kepada K9 bahawa dia tidak boleh melukis ‘Thomas and Friends’ tetapi boleh melukis benda yang berkaitan tema yang diajar. Data ini menunjukkan kanak-kanak juga menggunakan jenis lakuan tuturan memberitahu selain daripada menyatakan yang dikategorikan dalam lakuan tuturan representatif. Jenis lakuan tuturan ‘memberitahu’ adalah tuturan untuk menginformasikan sesuatu kepada pendengar. Dalam barisan 432, K6 menginformasikan kepada guru bahawa dia tidak dapat melihat benda yang di depan. Manakala dalam barisan 433, K1 menginformasikan kepada guru bahawa K9 melukis setiap hari.

Berdasarkan data-data di atas, kanak-kanak prasekolah mampu menggunakan bahasa untuk menyampaikan maklumat dalam komunikasi seharian. Bagi memperkayakan keupayaan bahasa kanak-kanak prasekolah, pendedahan kanak-kanak kepada benda dalam alam sekitarnya boleh membantu kanak-kanak lebih cepat menguasai bahasa dan juga mempercepatkan penguasaan mereka dalam penggunaan lakuan tuturan supaya dapat menggunakan lakuan tuturan tertentu pada masa yang sesuai. Pendedahan adalah salah satu kaedah yang penting dalam perkembangan bahasa kanak-kanak. Menurut Hymes (1972), kanak-kanak dapat mentafsirkan kehidupan mereka dengan ungkapan yang sesuai. Oleh itu, kanak-kanak prasekolah harus dipupuk oleh guru mereka dalam penggunaan lakuan tuturan

representatif untuk menyatakan sesuatu atau kebenaran yang dipercayai kerana lakuan tuturan tersebut membantu kanak-kanak yang masih di peringkat pemerolehan dan perkembangan bahasa.

(b) Lakuan Tuturan Direktif

Lakuan tuturan direktif (26.49%) merupakan lakuan tuturan yang kedua kerap digunakan oleh kanak-kanak prasekolah dalam interaksi di antara kanak-kanak prasekolah dengan guru dalam kelas bahasa Cina. Ia meliputi jenis lakuan tuturan bertanya, meminta, memanggil, menyuruh dan mencadangkan.

Data 41

R3: Semasa guru mengajar tema mengenai hidupan di laut, K3 menanya soalan kepada guru.

179.	K3	周老师，只是哦，只是 octopus 可以罢了？ Zhōu lǎo shī, zhǐ shì ó, zhǐ shì octopus kě yǐ bà le? <i>Cikgu Chew, hanya oh, hanya gurita boleh ba le?</i> 【Dr: Cikgu Chew, hanya, hanya gurita boleh?】	Direktif	Bertanya
180.	G	Octopus 可以什么？ Octopus kě yǐ shén me? 【Dr: Gurita boleh apa?】	Direktif	Bertanya
181.	K3	Octopus 可以数罢了啊？ Octopus kě yǐ shù bà le a? <i>Gurita boleh dikira ba la ah?</i> 【Dr: Hanya gurita boleh dikira?】	Direktif	Bertanya
182.	G	啊，octopus 可以数，它是固定八只脚，所以它有一个名称叫八爪鱼。 A, octopus kě yǐ shù, tā shì gù dìng bā zhǐ jiǎo, suǒ yǐ tā yǒu yī gè míng chēng jiào bā zhuǎ yú. <i>Ah, gurita boleh dikira, ia adalah tetap lapan kaki, jadi terdapat satu panggilan dinamakan gurita.</i> 【R: Ah, gurita boleh dikira, ia adalah tetap lapan kaki, jadi terdapat satu panggilan dinamakan gurita.】	Representatif	Menyatakan

Jenis lakuan tuturan bertanya kerap digunakan oleh kanak-kanak semasa berinteraksi dengan guru. Data 41 menunjukkan ujaran K3 “Cikgu Chew, hanya, hanya gurita boleh?” yang merupakan ayat tanya dan dikategorikan sebagai lakuan tuturan direktif untuk bertanya kepada guru mengenai lengan gurita. Guru tidak memahami pertanyaan K3 dan bertanya kepada K3 “Gurita boleh apa?” yang juga menggunakan lakuan tuturan yang sama iaitu lakuan tuturan direktif. Pengulangan K3 menggunakan lakuan tuturan direktif dengan menggunakan bahasa yang lebih jelas kerana ujaran tidak difahami oleh guru pada pertanyaan kali pertama. Dalam barisan 182, ujaran guru “Ah, gurita boleh dikira, ia adalah tetap lapan kaki, jadi terdapat satu panggilan dinamakan gurita.” yang menyatakan bahawa lengan gurita adalah boleh dikira kerana terdapat satu lagi panggilan gurita iaitu ‘八爪鱼 - *bā zhuǎ yú*’ dalam bahasa Cina yang diketahui ramai dan hampir sama maksud dengan ikan yang mempunyai lapan lengan iaitu ‘lapan lengan ikan’ jika diterjemahkan dalam bahasa Melayu.

Data 42

R5: Kanak-kanak membuat latihan, K5 dan K6 menanya soalan kepada guru.

283.	K5	老师，这个海蜇啊？ Lǎo shī, zhè ge hǎi zhē a? <i>Cikgu, ini obor-obor ah?</i> 【Dr: Cikgu, ini obor-obor?】	Direktif	Bertanya
284.	G	啊，对呀。 A, duì ya. <i>Ah, betul ya.</i> 【R: Ya, betul.】	Representatif	Menegaskan
285.	K6	老师，是蓝色的海蜇呀？ Lǎo shī, shì lán sè dì hǎi zhē ya? <i>Cikgu, adalah warna biru punya obor-obor ya?</i> 【Dr: Cikgu, adakah obor-obor yang berwarna biru?】	Direktif	Bertanya

286.	K8	老师, 我要 orange colour, orange colour. Lǎo shī, wǒ yào orange colour, orange colour. <i>Cikgu, saya nak jingga warna, jingga warna.</i> 【Dr: Cikgu, saya nak warna jingga, warna jingga.】	Direktif	Meminta
287.	K6	老师, 蓝色的海蜇呀? Lǎo shī, lán sè dì hǎi zhē ya? <i>Cikgu, warna biru punya obor-obor ya?</i> 【Dr: Cikgu, obor-obor yang berwarna biru?】	Direktif	Bertanya
288.	G	蓝色的海蜇, 对。 Lán sè dì hǎi zhē, duì. <i>Warna biru punya obor-obor, betul.</i> 【R: Obor-obor yang berwarna biru, betul.】	Representatif	Menegaskan

Data 42 menunjukkan kanak-kanak menggunakan lakuan tuturan direktif semasa kelas bahasa Cina. Ujaran “Cikgu, ini obor-obor?” merupakan ayat tanya. K5 bertanya soalan kepada guru kerana ingin memastikan haiwan yang ditunjuk K5 adalah obor-obor. Dalam ujaran K5, lakuan tuturan direktif yang digunakan adalah bentuk pertanyaan atau juga dikenali sebagai bentuk interogatif. ‘Bertanya’ merupakan lakuan tuturan direktif yang merangkumi pengertian bahawa penutur memohon kepada pendengar agar memberikan informasi tertentu. Ujaran K5 merupakan jenis pertanyaan yang hanya memerlukan jawapan ya atau tidak daripada guru, guru sebagai pendengar hanya perlu menjawab dengan menyatakan bahawa benda yang ditanya adakah obor-obor. Ujaran guru “Ya, betul.” yang dikategorikan sebagai lakuan tuturan representatif telah menegaskan bahawa jawapan pertanyaan K5 adalah betul dengan membawa maksud benda yang ditanya adalah obor-obor.

Dalam data ini, pengulangan menggunakan lakuan tuturan direktif telah ditunjukkan dalam data tersebut semasa K6 bertanya kepada guru tentang warna obor-obor (barisan 285 dan barisan 287). Pengulangan pertanyaan digunakan oleh K6 telah berlaku kerana guru tidak menjawab soalan yang ditanya K6 pada kali pertama. Ujaran guru yang dikategorikan

sebagai lakuan tuturan representatif yang menegaskan bahawa obor-obor perlu diwarnakan biru selepas pertanyaan kali kedua digunakan oleh K6. Berdasarkan penelitian terhadap Data 42, didapati kanak-kanak sering bertanya soalan kepada orang di sekelilingnya sekiranya tidak faham sesuatu. Ujaran K8 “Cikgu, saya nak warna jingga, warna jingga.” (barisan 286) yang menggunakan lakuan tuturan direktif semasa dia sedang mencari dan meminta pensel warna yang berwarna jingga daripada guru lalu dapat dicari K8 di dalam kotak pensel warna.

Menurut Piaget (1964), kanak-kanak bersifat aktif dan mereka memiliki kemampuan untuk membangunkan pengetahuannya sendiri. Dengan itu, mereka dapat memperoleh pengetahuan secara aktif dari orang yang di sekelilingnya, iaitu ahli keluarga, guru, rakan sebaya dan lain-lain. Kanak-kanak prasekolah dapat memperkayakan pengalaman sendiri dengan menggunakan pertanyaan bagi menambah pengetahuan mereka. Proses memberikan galakan kepada kanak-kanak dalam penggunaan lakuan tuturan direktif ‘bertanya’ adalah penting kerana ia boleh meningkatkan keupayaan kanak-kanak untuk berfikir secara kritis. Kanak-kanak prasekolah akan terus menanyakan pelbagai soalan yang sedang dipelajari atau diminati semasa proses pengajaran dan pembelajaran bersama guru.

Data 43

R1: K1 meminta guru memberinya membuat kerja seni.

67.	G	老师会选两个人去做手工。 Lǎo shī huì xuǎn liǎng gè rén qù zuò shǒu gōng. 【R:Cikgu akan memilih dua orang pergi buat kerja kraftangan.】	Representatif	Menyatakan
68.	K1	老师, 这样我可以去做手工吗? Lǎo shī, zhè yàng wǒ kě yǐ qù zuò shǒu gōng ma? Cikgu, macam ini saya boleh pergi buat kerja kraftangan ma? 【Dr: Cikgu, macam ini saya boleh pergi buat kerja kraftangan?】	Direktif	Meminta

69.	G	老师等一下会选。 Lǎo shī děng yī xià huì xuǎn. <i>Cikgu nanti akan pilih.</i> 【R: Cikgu akan pilih nanti.】	Representatif	Menyatakan
-----	---	---	---------------	------------

Dalam Data 43, ujaran guru “Cikgu akan memilih dua orang pergi buat kerja kraftangan.” yang menyatakan bahawa dua orang akan dipilih oleh guru secara bergilir-gilir untuk membuat kerja kraftangan yang disediakan. Ujaran K1 “Cikgu, macam ini saya boleh pergi buat kerja kraftangan?” yang menggunakan lakuan tuturan direktif secara tidak langsung untuk meminta kebenaran guru untuk dia membuat kerja kraftangan. ‘Meminta’ adalah salah satu jenis lakuan tuturan direktif untuk penutur mendapatkan sesuatu dari pendengar melalui tuturan. K1 telah menggunakan ayat tanya semasa membuat permintaan daripada guru. Guru membalas permintaan K1 dengan menyatakan bahawa “Cikgu akan pilih nanti”.

Data 44

R5: Kanak-kanak membuat latihan yang diberikan oleh guru, K8 meminta guru untuk membantunya mengasah pensel warna.

292.	K8	周老师，可以帮我 sharp 一下吗？ Zhōu lǎo shī, kě yǐ bāng wǒ sharp yī xià ma? <i>Cikgu chew, boleh tolong saya tajamkan sikit ma?</i> 【Dr: Cikgu Chew, boleh tolong saya tajamkan sikit?】	Direktif	Meminta
293.	G	可以啊。 Kě yǐ a. <i>Boleh ah.</i> 【R: Boleh.】	Representatif	Menyatakan

Dalam Data 44, kanak-kanak sedang membuat kerja latihan yang diberikan oleh guru. Kanak-kanak perlu menggunakan pensel warna untuk mewarnakan gambar-gambar yang terdapat di dalam buku latihan. Ujaran K8 “Cikgu Chew, boleh tolong saya tajamkan sikit?” merupakan ayat interogatif dengan tujuannya untuk meminta guru membantu dia

mengasah pensel warna yang sedang digunakan. Guru menyatakan “Boleh.” dengan membawa maksud boleh membantu K8.

Seperti ujaran yang dituturkan oleh K8, ‘*吗 - ma*’ adalah partikel pertanyaan dalam bahasa Cina yang digunakan untuk mengubah pernyataan menjadi pertanyaan ‘ya’ atau ‘tidak’. Pertanyaan ‘ya’ atau ‘tidak’ juga dikenal sebagai pertanyaan yang hanya biasa boleh dijawab dengan jawapan ‘ya’ atau ‘tidak’. Dengan kata lain, itu bukan pertanyaan terbuka. Partikel pertanyaan adalah cara termudah untuk membentuk pertanyaan semacam ini dalam bahasa Cina. Ia dapat digunakan dengan meletakkannya di akhir ayat yang dituturkan, dan ayat tersebut itu akan menjadi pertanyaan ‘ya’ atau ‘tidak’.

Permintaan secara tidak langsung dengan menggunakan ayat tanya digunakan oleh kanak-kanak semasa berinteraksi dengan guru (Data 43 dan Data 44). Dalam tatabahasa, pembentukan interogatif adalah ungkapan atau ayat yang digunakan untuk tujuan bertanya. Pertanyaan adalah ayat interogatif yang meminta jawapan. Permintaan secara tidak langsung menunjukkan cara hidup orang Asia yang berusaha mengelakkan konflik berlaku. Seseorang yang menggunakan permintaan secara tidak langsung dipandang sebagai orang yang dibesarkan dengan baik, diplomatis dan bijaksana berbanding dengan orang yang menggunakan permintaan secara langsung. Ia menunjukkan rasa hormat dan sopan santun (Kuang et al., 2006).

Data 45

R3: K1 memanggil guru.

199.	K1	老师。 Lǎo shī. 【Dr: Cikgu.】	Direktif	Memanggil
------	-----------	--	-----------------	------------------

200.	G	嗯。 En. Ya. (Kesan perlokusi: Guru tidak terus mengajar supaya memberi peluang kepada K1 bertutur)		
201.	K1	刚才我在外面哦，看到那个蓝色 sticker 的 broccoli sticker 掉在地上。 Gāng cái wǒ zài wài miàn ó, kàn dào nà gè lán sè sticker de broccoli sticker diào zài dì shàng. <i>Tadi saya berada di belakang oh, ternampak itu biru pelekat punya brokoli pelekat jatuh di atas lantai.</i> 【 R: Tadi saya berada di belakang sana, ternampak pelekat brokoli biru itu jatuh di atas lantai. 】	Representatif	Menyatakan

Dalam Data 45, K1 memanggil guru (barisan 199). Dalam barisan 201, K1 menyatakan bahawa pelekat brokoli yang berwarna biru itu telah jatuh di atas lantai. Perbualan ini berlaku semasa K1 menggunakan lakuan tuturan direktif untuk memanggil guru. Tujuan K1 memanggil guru adalah untuk menyatakan sesuatu perkara yang dilihatnya (barisan 201).

Data 46

R2: Semasa mengemas alat permainan, K1 menyuruh guru melihat K6 dan K9 mengemas mainan.

453.	K1	老师，看他们。老师，看他们。 Lǎo shī, kàn tā men. Lǎo shī, kàn tā men. <i>Cikgu, tengok mereka. Cikgu, tengok mereka.</i> 【Dr: Cikgu, tengok mereka. Cikgu, tengok mereka (K6 dan K9).】	Direktif	Menyuruh
454.	G	好，老师要看他们了。 Hǎo, lǎo shī yào kàn tā men le. <i>Baik, cikgu perlu melihat mereka le.</i> 【R: Baik, cikgu perlu melihat mereka (K6 dan K9).】	Representatif	Menyatakan

Keadaan Data 46 berlaku semasa kanak-kanak mengemaskan kembali alat permainan yang digunakan tadi. Pada masa itu, K1 menyuruh guru melihat K6 dan K9 yang sedang mengemas mainan. 'Menyuruh' adalah salah satu jenis lakuan tuturan direktif yang

digunakan oleh penutur untuk memberitahu pendengar supaya melakukan sesuatu. Ujaran K1 “Cikgu, tengok mereka. Cikgu, tengok mereka.” yang menggunakan lakuan tuturan direktif untuk tujuan menyuruh guru melihat kelakuan K6 dan K9 kerana mereka tidak mengemas dengan baik. Ujaran guru “Baik, cikgu perlu melihat mereka.” dalam bentuk ayat deklaratif dengan menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan bahawa dia perlu melihat K6 dan K9 mengemaskan mainan.

Data 47

R4: Semasa guru memberi amaran kepada K9 sebagai peringatan, K1 mencadangkan guru duduk di kerusi K9.

51.	G	<p>需要画这个，你的作业。K9，你还记得吗？如果你还不能坐好来，我又把你的椅子放远远。我已经把你的椅子放远远了。</p> <p>Xū yào huà zhè ge, nǐ de zuò yè. K9, nǐ hái jì dé ma? Rú guǒ nǐ hái bù néng zuò hǎo lái, wǒ yòu bǎ nǐ de yǐ zi fàng yuǎn yuǎn. Wǒ yǐ jīng bǎ nǐ de yǐ zi fàng yuǎn yuǎn le.</p> <p><i>Perlu melukis ini, kamu punya latihan. K9, kamu masih ingat ma? Kalau kamu masih tidak dapat duduk baik, saya lagi kamu punya kerusi letakkan jauh-jauh. Saya sudah kamu punya kerusi letakkan jauh-jauh le.</i></p> <p>【Dr: Kamu perlu melukis ini dalam latihan kamu.】 【Dr: K9, kamu masih ingat?】 【Dr: Kalau kamu masih tidak dapat duduk baik, saya letakkan kerusi kamu jauh-jauh lagi.】 【R: Saya pernah letakkan kerusi kamu jauh-jauh.】</p>	<p>Direktif → Representatif</p>	<p>Mengarah → Bertanya → Memberi amaran → Menyatakan</p>
52.	K1	<p>老师，你坐着他的椅子，你坐下来。</p> <p>Lǎo shī, nǐ zuò zhe tā de yǐ zi, nǐ zuò xià lái.</p> <p><i>Cikgu, kamu duduk dia punya kerusi, kamu duduk.</i></p> <p>【Dr: Cikgu, kamu duduk di kerusi dia (K9), kamu duduk.】</p>	<p>Direktif</p>	<p>Mencadangkan</p>

Dalam Data 47, K9 tidak duduk dengan cara yang baik semasa belajar. Oleh itu, guru memberi amaran kepada K9 sebagai peringatan supaya dia dapat duduk dengan baik. Pada ketika itu, K1 menggunakan lakuan tuturan direktif dengan mencadangkan guru

duduk di kerusi K9 sebagai hukuman kepada K9. Jenis lakuan tuturan ‘mencadangkan’ adalah penutur mengemukakan sesuatu kepada pendengar untuk dipertimbangkan. Dalam barisan 52, K1 mengemukakan satu cadangan kepada guru iaitu duduk di kerusi K9 untuk dipertimbangkan.

Berdasarkan hasil data yang dikumpulkan, kanak-kanak prasekolah menggunakan jenis-jenis lakuan tuturan direktif tertentu, terutamanya jenis lakuan tuturan bertanya semasa berkomunikasi dengan guru dalam bilik darjah. Kanak-kanak suka bertanya pelbagai soalan yang sedang dipelajari atau berminat semasa berkomunikasi dengan guru. Selain itu, mereka juga menggunakan lakuan tuturan direktif untuk membuat permintaan daripada guru dalam komunikasi di dalam kelas.

(c) Lakuan Tuturan Ekspresif

Lakuan tuturan ekspresif (0.58%) jarang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah berbanding dengan lakuan tuturan representatif dan direktif semasa berinteraksi dengan guru di kelas bahasa Cina. Ia meliputi jenis lakuan tuturan mengucapkan selamat pagi, memuji dan mengucapkan terima kasih.

Data 48

R5: Kanak-kanak mengucapkan selamat pagi kepada guru sebelum guru mula mengajar.

9.	G	五岁的朋友，早安。 Wǔ suì de péng yǒu, zǎo ān. <i>Lima tahun punya kawan, selamat pagi.</i> 【 E: Kawan yang berumur lima tahun, selamat pagi. 】	Ekspresif	Mengucapkan selamat pagi
10.	KK	周老师，早安。 Zhōu lǎo shī, zǎo ān. 【 E: Cikgu Chew, selamat pagi. 】	Ekspresif	Mengucapkan selamat pagi

Dalam Data 48, guru menggunakan lakuan tuturan ekspresif untuk mengucapkan selamat pagi kepada kanak-kanak di kelas. Kanak-kanak juga mengucapkan selamat pagi kepada guru dengan menggunakan ujaran “Cikgu Chew, selamat pagi”. Lakuan tuturan ekspresif digunakan oleh guru dan kanak-kanak untuk mengucapkan selamat pagi sebagai tanda salam dan hormat semasa dalam kelas.

Data 49

R4: Guru mengajar perkataan ‘terapung’ dan ‘tenggelam’.

105.	G	我只是告诉你，浮是上去的，沉是下来的。啊， 或者把这个字写在下面。 Wǒ zhǐ shì gào sù nǐ, fú shì shàng qù de, chén shì xià lái de. A, huò zhě bǎ zhè ge zì xiě zài xià miàn. <i>Saya tadi beritahu kamu, terapung adalah ke atas de, tenggelam adalah ke bawah de. Ah, atau ini perkataan menulis di bawah.</i> 【R: Tadi saya beritahu kamu, terapung adalah ke atas, tenggelam adalah ke bawah. Ah, atau menulis perkataan ini di bawah.】	Representatif	Menyatakan
106.	K3	啊，是一个好主意。 A, shì yī gè hǎo zhǔ yì. <i>Ah, adalah satu bagus idea.</i> 【E: Ah, adalah satu idea bagus.】	Ekspresif	Memuji

Data 49 menunjukkan guru sedang mengajar perkataan ‘terapung’ dan ‘tenggelam’. Ujaran guru dalam barisan 105 yang menyatakan mengenai maksud ‘terapung’ dan ‘tenggelam’ dan menulis perkataan tenggelam di bawah di papan putih supaya kanak-kanak dapat memahami perkataan yang diajar dengan mudah. K3 menggunakan lakuan tuturan ekspresif untuk memuji guru dengan mengatakan bahawa cara yang dinyatakan guru untuk menulis tenggelam di bawah adalah idea yang bagus.

Data 50

R5: Guru membantu K5 mengasah pensel warna.

278.	K5	谢谢，老师。 Xiè xiè, lǎo shī. 【E: Terima kasih, cikgu.】	Ekspresif	Mengucapkan terima kasih
------	-----------	---	------------------	---------------------------------

Dalam Data 50, guru membantu K5 mengasah pensel warna semasa membuat latihan. K5 mengucapkan terima kasih kepada guru selepas guru kembali pensel warna kepada K5. K5 menggunakan lakuan tuturan ekspresif untuk mengucapkan terima kasih sebagai penghargaan guru membantu dia.

Pada kebiasaannya, kanak-kanak meniru tingkah laku orang di sekelilingnya tanpa mempunyai pengetahuan untuk membezakan sama ada tingkah laku tersebut adalah baik atau buruk. Menurut Bloom et al. (1974), kanak-kanak boleh mengulang apa yang mereka dengar atau mengatakan sesuatu yang lebih atau kurang berkaitan dengannya. Oleh itu, jika guru kerap menggunakan lakuan tuturan ekspresif untuk mengucapkan salam, mengucapkan terima kasih, memohon maaf, dan sebagainya. Ini dapat memupuk kanak-kanak menggunakan lakuan tuturan tersebut pada masa yang sesuai dan mereka dapat memahami kepentingan menghasilkan lakuan tuturan yang mengandungi nilai kesopanan.

4.3.1.2 Kombinasi Dua Kategori Lakuan Tuturan dalam Satu Giliran

Jadual 4.5: Jumlah Kombinasi Dua Kategori Lakuan Tuturan Kanak-kanak prasekolah dalam Interaksi dengan Guru

Lakuan Tuturan	Kanak-kanak – Guru	
	Kekerapan	Peratus (%)
R+Dr	10	100
Jumlah	10	100

Kombinasi dua kategori lakuan tuturan yang berbeza juga didapati dalam ujaran kanak-kanak prasekolah. Jadual 4.5 telah menunjukkan kombinasi dua kategori lakuan tuturan dalam satu giliran iaitu lakuan tuturan representatif dan direktif (100%) digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan guru dalam kelas bahasa Cina.

(a) Lakuan Tuturan Representatif dan Direktif

Kombinasi lakuan tuturan representatif dan direktif (100%) adalah kombinasi dua kategori lakuan tuturan yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa di dalam kelas bahasa Cina. Ujaran yang mengandungi dua bentuk lakuan tuturan adalah sama seperti bentuk lakuan tuturan tunggal, iaitu sama ada ujaran tersebut menggabungkan beberapa jenis ayat atau menggunakan jenis ayat yang berbeza dalam satu ujaran (Muhammad Zuhair Zainal, 2017).

Data 51

R1: Guru mengajar kanak-kanak cara membuat latihan.

190.	G	<p>红色。红色，它要你连马，马，牛，马，牛，马，牛。</p> <p>Hóng sè. Hóng sè, tā yào nǐ lián mǎ, mǎ, niú, mǎ, niú, mǎ, niú.</p> <p>【R: Warna merah.】 【R: Warna merah, ia mahu kamu sambungkan kuda, kuda, lembu, kuda, lembu, kuda, lembu.】</p>	Representatif	Menegaskan → Menyatakan
191.	K3	<p>你懂为什么吗？我懂为什么他们一直马，牛，马，牛，牛。</p> <p>Nǐ dǒng wèi shé me ma? Wǒ dǒng wèi shé me tā men yī zhí mǎ, niú, mǎ, niú, niú.</p> <p><i>Kamu faham kenapa ma? Saya faham kenapa mereka mengulangi kuda, lembu, kuda, lembu le.</i></p> <p>【Dr: Kamu faham kenapa?】 【R: Saya faham kenapa latihan itu mengulangi kuda, lembu, kuda, lembu.】</p>	Direktif → Representatif	Bertanya → Menyatakan

192.	G	它有给你一个 arrow。 Tā yǒu gěi nǐ yī gè arrow. 【R: Ia ada beri kamu satu anak panah.】	Representatif	Menyatakan
193.	K3	老师, 我懂为什么吗。你懂为什么吗? Lǎo shī, wǒ dǒng wèi shé me ma. Nǐ dǒng wèi shé me ma? <i>Cikgu, saya faham kenapa ma. Kamu faham kenapa ma?</i> 【R: Cikgu, saya faham kenapa.】 【Dr: Kamu faham kenapa?】	Representatif → Direktif	Menyatakan → Bertanya
194.	G	嗯。 En. Ya. (Kesan perlokusi: Guru tidak terus mengajar supaya memberi peluang kepada K3 bertutur)		
195.	K3	因为它们一样大。 Yīn wèi tā men yī yàng dà. 【R: Kerana mereka sama besar.】	Representatif	Menyatakan

Data 51 menunjukkan penggunaan kombinasi lakuan tuturan kanak-kanak yang terdiri daripada dua jenis lakuan tuturan. Berdasarkan data tersebut, ia menunjukkan bahawa terdapat ujaran yang mengandungi satu kategori lakuan tuturan tetapi berbeza lakuannya, seperti data ujaran guru dalam barisan 190. Guru menggunakan satu lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan representatif, tetapi mengandungi jenis lakuan tuturan yang berbeza, iaitu guru menegaskan warna merah. Pada ujaran yang sama, guru juga menyatakan kegunaan warna merah adalah untuk menyambungkan perkataan kuda dan lembu.

Dalam barisan 191 dan barisan 193, K3 menggunakan kombinasi lakuan tuturan yang terdiri daripada lakuan tuturan representatif dan direktif. Sebagai contoh, ujaran “Kamu faham kenapa? Saya faham kenapa latihan itu mengulangi kuda, lembu, kuda, lembu.” mengandungi dua ayat iaitu ayat tanya “Kamu faham kenapa?” dan ayat penyata “Saya faham kenapa latihan itu mengulangi kuda, lembu, kuda, lembu”. Ujaran yang dituturkan oleh K3 mengandungi lakuan tuturan direktif dan representatif yang pada

mulanya bertanya kepada guru lalu menyatakan kefahaman dia atas sebab pengulangan kuda dan lembu dalam latihan tersebut. Apabila guru tidak dapat mendengar soalan yang ditanya K3, K3 mengulangi menggunakan kombinasi lakuan tuturan representatif dan direktif. Ujaran K3 “Cikgu, saya faham kenapa. Kamu faham kenapa?” mengandungi ayat penyata dan ayat tanya dengan mulanya menyatakan bahawa dia faham lalu menanya guru. Guru tidak terus mengajar selepas mendengar tuturan K3 supaya memberi peluang kepada K3 untuk bertutur. K3 menggunakan lakuan tuturan representatif dengan menyatakan “Kerana mereka sama besar”.

Data 52

R3: Guru memuji K3 mengenai latihan yang dibuat.

410.	K3	老师，你看。我会写，老师。 Lǎo shī, nǐ kàn. Wǒ huì xiě, lǎo shī. 【Dr: Cikgu, kamu lihat.】 【R: Saya tahu tulis, cikgu.】	Direktif → Representatif	Menyuruh → Menyatakan
411.	G	哦，你写完，很美。牛你还没做，牛。 Ó, nǐ xiě wán, hěn měi. Niú nǐ hái méi zuò, niú. 【E: Oh, kamu menulis habis, sangat cantik.】 【R: Lembu kamu (K9) belum buat, lembu.】	Ekspresif → Representatif	Memuji → Menyatakan

Data 52 menunjukkan penggunaan kombinasi lakuan tuturan direktif dan representatif oleh K3. Ujaran K3 menggunakan kombinasi lakuan tuturan direktif dan representatif dengan menyuruh guru melihat latihan yang telah dibuat dan menyatakan bahawa dia tahu menulis. Guru memuji K3 bahawa dia telah siap menulis dan tulisannya sangat cantik dan kemudiannya menyatakan bahawa latihan K9 belum disiapkan dengan menggunakan kombinasi dua lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan ekspresif dan direktif. Barisan 410 adalah salah satu data yang menunjukkan kanak-kanak menggunakan lebih daripada satu kategori lakuan tuturan semasa berkomunikasi dengan guru.

Data 53

R3: Kanak-kanak sedang minum air yang disediakan guru.

3.	K1	老师，你能看着 K9 吗？不知怎么，他一直在玩。 Lǎo shī, nǐ néng kàn zhe K9 ma? Bù zhī zěn me, tā yī zhí zài wán. <i>Guru, kamu boleh lihat K9 ma? Tak tahu kenapa, dia asyik bermain.</i> 【Dr: Guru, kamu boleh lihat K9?】 【R: Tak tahu kenapa, dia asyik bermain.】	Direktif → Representatif	Menyuruh → Memberitahu
4.	G	(Melihat ke arah tempat duduk K9)		

Selain itu, Data 53 menunjukkan K1 menggunakan kombinasi lakuan tuturan direktif dan representatif yang terdiri daripada jenis lakuan tuturan menyuruh dan memberitahu. Dalam barisan 3, ujaran K1 yang menyuruh guru melihat K9 secara tidak langsung dengan menggunakan bentuk ayat interogatif. Lakuan tuturan representatif telah digunakan oleh K1 untuk memberitahu guru bahawa K9 sedang bermain. Selepas mendengar ungkapan K1, guru melihat ke arah tempat duduk K9.

Data 54

R2: Guru mengadakan pertandingan membaca kad perkataan.

97.	G	你没有出过来啊？你一个人读啦，你来，你一个人读。 Nǐ méi yǒu chū guò lái a? Nǐ yī gè rén dú la, nǐ lái, nǐ yī gè rén dú. <i>Kamu tidak keluar pernah ah? Kamu seorang diri baca la, kamu mari, kamu seorang diri baca.</i> 【Dr: Kamu (K5) tidak pernah keluar?】 【Dr: Kamu baca seorang diri, kamu mari, kamu baca seorang diri.】	Direktif	Bertanya → Mengarah
98.	K8	哟，K5 就好咯。哟，老师等下我要一个人读。 Yō, K5 jiù hǎo lo. Yō, lǎo shī děng xià wǒ yào yī gè rén dú. <i>Yo, K5 adalah baik sahaja lo. Yo, cikgu nanti saya mahu seorang diri baca.</i> 【R: Yo, cuma K5 dapat baik sahaja.】 【Dr: Yo, cikgu nanti saya mahu membaca seorang diri.】	Representatif → Direktif	Menyatakan → Meminta

Data 54 menunjukkan guru menjalankan satu pertandingan kecil yang bertujuan untuk membolehkan kanak-kanak lebih mudah mengingat perkataan yang pernah diajar oleh guru. Ujaran yang dituturkan oleh guru kepada K5 yang hanya mengandungi lakuan tuturan direktif tetapi terdapat dua jenis lakuan tuturan yang berbeza iaitu 'bertanya' dan 'mengarah'. "Kamu tidak pernah keluar?" adalah ayat tanya dan ayat imperatif "Kamu baca seorang diri, kamu mari, kamu baca seorang diri". Selepas K8 dengar ujaran guru, K8 menggunakan kombinasi yang terdiri daripada dua lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan representatif dengan direktif dalam ujaran "Yo, cuma K5 dapat baik sahaja. Yo, cikgu nanti saya mahu membaca seorang diri". K8 menyatakan bahawa hanya K5 yang dapat membaca seorang diri. Seterusnya, K8 menggunakan lakuan tuturan direktif untuk meminta guru menyuruhnya membaca secara individu dalam ujaran tersebut.

Tujuan komunikasi adalah untuk menyampaikan maklumat dan ia juga berfungsi sebagai medium pengungkapan perasaan atau idea kepada pendengar. Dalam interaksi di antara kanak-kanak prasekolah dengan guru, ujaran dianggap mewakili penutur untuk menyampaikan mesej yang ingin diberitahu atau dikongsi. Setiap jenis lakuan tuturan yang ingin disampaikan oleh kanak-kanak mempunyai fungsi tertentu.

Berdasarkan penelitian terhadap Jadual 4.4 dan Jadual 4.5, ia menunjukkan kanak-kanak prasekolah lebih kerap menggunakan satu kategori lakuan tuturan sahaja dalam satu giliran semasa berinteraksi dengan guru. Hal ini berlaku kerana mesej yang dibawakan oleh guru melalui tuturan adalah lebih banyak berbanding dengan kanak-kanak prasekolah dan juga perkembangan bahasa masih berlaku pada peringkat umur kanak-kanak prasekolah. Oleh itu, kanak-kanak prasekolah kurang menggunakan kombinasi lakuan tuturan dalam ujaran berbanding dengan guru.

4.3.2 Penggunaan Lakuan Tuturan dalam Interaksi dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah

Selain mengkaji penggunaan lakuan tuturan dalam interaksi antara kanak-kanak prasekolah dengan guru, penggunaan lakuan tuturan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah dalam kelas bahasa Cina turut dikaji dalam kajian ini. Ia menerangkan tentang penggunaan lakuan tuturan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah pada peringkat umur 5 tahun.

4.3.2.1 Satu Kategori Lakuan Tuturan dalam Satu Giliran

Jadual 4.6: Jumlah Lakuan Tuturan dalam Interaksi dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah

Lakuan Tuturan	Kanak - Kanak	
	Kekerapan	Peratus (%)
R	287	60.80
Dk	-	-
E	1	0.21
Dr	180	38.14
K	4	0.85
Jumlah	472	100

Berikut adalah perbincangan mengenai analisis data dalam interaksi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Berdasarkan Jadual 4.6, lakuan tuturan yang paling kerap digunakan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah adalah lakuan tuturan representatif (60.80%) terutamanya untuk menyatakan sesuatu kepada rakan sebaya. Di samping itu, lakuan tuturan direktif (38.14%) seperti bertanya, menyuruh, meminta dan lain-lain juga digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berkomunikasi dengan rakan sebayanya. Selain daripada lakuan tuturan representatif dan direktif, lakuan tuturan lain seperti lakuan tuturan komisif (0.85%) dan lakuan tuturan ekspresif (0.21%) jarang digunakan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

(a) Lakuan Tuturan Representatif

Jadual 4.6 menunjukkan lakuan tuturan yang paling kerap digunakan dalam interaksi sesama kanak-kanak prasekolah adalah lakuan tuturan representatif (60.80%). Mereka kerap menggunakan lakuan tuturan tersebut untuk menyatakan sesuatu pada rakan sebayanya semasa di dalam kelas. Ia meliputi jenis lakuan tuturan menyatakan, memberitahu, menyimpulkan dan menegaskan.

Data 55

R3: K6, K4 dan K7 melihat anak ayam yang diletakkan di dalam kotak.

Barisan	Penutur	Deskripsi/Kandungan	Corak Lakuan Tuturan	Jenis
469.	K6	怎么剩这样少，不是五只的咩？ Zěn me shèng zhè yàng shǎo, bù shì wǔ zhǐ de miē? <i>Kenapa tinggal begitu sedikit, bukan lima ekor de meh?</i> 【Dr: Kenapa tinggal begitu sedikit, bukan ada lima ekor?】	Direktif	Bertanya
470.	K4	这个去别一班了，所以剩下三只。 Zhè ge qù bié yī bān le, suǒ yǐ shèng xià sān zhī. <i>Ini pergi lain kelas le, jadi tinggal tiga ekor.</i> 【R: Ini sudah pergi ke kelas lain, jadi hanya tinggal tiga ekor.】	Representatif	Menyatakan
471.	K6	哦，一出来了，就去别一班了。 Ó, yī chū lái le, jiù qù bié yī bān le. <i>Oh, apabila keluar le, pun pergi lain satu kelas le.</i> 【R: Oh, apabila keluar, sudah pergi ke kelas lain.】	Representatif	Menyatakan
472.	K4	在另外一个盒子里了，我来的时候。因为他在玩。 Zài ling wài yī gè hé zi lǐ le, wǒ lái de shí hòu. Yīn wèi tā zài wán. <i>Di lain satu kotak dalam le, saya datang punya masa. Kerana dia sedang bermain.</i> 【R: Sudah di dalam kotak yang berlainan, masa saya datang. Kerana dia sedang bermain.】	Representatif	Menyatakan

Berdasarkan Data 55, K6, K4 dan K7 duduk di tepi kotak yang diletakkan anak ayam untuk melihat anak ayam. K6 berasa hairan tentang perkara bilangan anak ayam telah kurang lalu bertanya pada rakannya di tepinya. Ujaran K6 dikategorikan sebagai lakuan tuturan direktif. K4 menjawab dengan menyatakan bahawa beberapa ekor anak ayam telah diletakkan di kelas lain. Oleh itu, hanya tinggal tiga ekor anak ayam dalam kotak. Selepas itu, ujaran yang dituturkan oleh K6 dan K4 secara berturutan yang menggunakan lakuan tuturan yang sama iaitu lakuan tuturan representatif untuk menyatakan apa yang dipercayai atau diketahui oleh kanak-kanak tersebut.

Dapatan kajian menunjukkan kanak-kanak prasekolah mempunyai kebolehan berkomunikasi dengan mengeluarkan pendapat ataupun kebenaran yang dipercayainya semasa berbual-bual dengan rakan sebaya mereka selain daripada guru. Piaget (1964) berpendapat bahawa kanak-kanak akan melalui peringkat perkembangan kognitif menerusi peringkat umur tertentu. Walaupun dalam kehidupan kita, tidak mempunyai dua individu yang serupa, tetapi biasanya perkembangan bahasa kanak-kanak berlaku secara sistematik selaras dengan pertambahan usia.

Data 56

R5: K3, K7 dan K8 bermain permainan puzzle.

488.	K3	你在玩什么？ Nǐ zài wán shén me? 【Dr: Kamu (K8) sedang bermain apa?】	Direktif	Bertanya
489.	K7	她在玩火车，很长，很长。 Tā zài wán huǒ chē, hěn zhǎng, hěn zhǎng. 【R: Dia (K8) sedang bermain kereta api, sangat panjang, sangat panjang.】	Representatif	Menyatakan

Menurut Suppiah Nachiappan et al. (2017), kanak-kanak dapat belajar sambil meneroka melalui aktiviti bermain. Mereka mempunyai daya imaginasi yang tinggi. Dalam

Data 56, K3, K7 dan K8 berkumpul sesama mereka untuk bermain pelbagai jenis permainan puzzle. K3 menggunakan lakuan tuturan direktif untuk bertanya K8 tentang mainan yang dimainkan. K7 menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan bahawa K8 sedang bermain mainan puzzle dalam bentuk kereta api dan menyatakan bahawa kereta api yang dimainkan K8 sangat panjang dengan mengulang perkataan “sangat panjang”.

Data 57

R5: K1, K2 dan K4 menggunting kerja seni.

501.	K1	是这样子。 Shì zhè yàng zi. 【R: Adalah macam ini.】	Representatif	Menyatakan
502.	K2	我懂，我要这种红色的。 Wǒ dǒng, wǒ yào zhè zhǒng hóng sè de. <i>Saya faham, saya mahu ini jenis warna merah de.</i> 【R: Saya faham, saya mahu jenis warna merah ini.】	Representatif	Menyatakan
503.	K4	一样的，一样的。 Yī yàng de, yī yàng de. <i>Sama adalah, sama adalah.</i> 【R: Adalah sama, adalah sama.】	Representatif	Menyatakan

Berdasarkan Data 57, K1, K2 dan K4 sedang menggunting kertas seni. Dalam barisan 501, K1 menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan cara menggunting kertas seni pada K2. K2 menyatakan pada K1 bahawa dia tahu tetapi sekarang dia mahu kertas yang berwarna merah. Selepas K4 mendengar tuturan K2, K4 menyatakan bahawa kedua-dua warna adalah sama. Dalam data ini, K1, K2 dan K4 telah menggunakan lakuan tuturan representatif semasa berinteraksi untuk menyatakan sesuatu atau pendapat yang difikirkan mereka semasa berkomunikasi.

Data 58

R4: K2 dan K8 bermain congkak.

387.	K8	K2, 那个是你的家。 K2, nà gè shì nǐ de jiā. 【R: K2, itu adalah kamu punya rumah.】	Representatif	Menyatakan
388.	K2	还有这个和这个。 Hái yǒu zhè ge hé zhè ge. 【R: Masih ada ini dan ini.】	Representatif	Menyatakan

Data 58 menunjukkan K2 dan K8 bermain mainan congkak samasa kelas bahasa Cina. Lakuan tuturan representatif digunakan oleh K8 untuk menyatakan bahawa lubang tertentu yang ditunjukkannya dia adalah milik K2. Dalam barisan 388, ayat deklaratif “Masih ada ini dan ini.” yang dituturkan oleh K2 untuk menyatakan bahawa lubang lain yang ditunjukkan dengan jari juga adalah milik dia.

Data 59

R1: K3 dan K4 perlu mengelap meja bilik darjah.

443.	K3	Yeah, 我可以跟你一起抹布。 Yeah, wǒ kě yǐ gēn nǐ yī qǐ mā bù. <i>Yeah, saya boleh dengan kamu bersama lap kain.</i> 【 R: Yeah, saya boleh bersama dengan kamu lap kain.】	Representatif	Menyatakan
------	-----------	--	----------------------	-------------------

Dalam Data 59, K3 dan K4 ialah orang yang bertugas untuk mengelap meja. Dalam barisan 443, lakuan tuturan representatif yang digunakan oleh K3 sebagai fungsi menyatakan dia dapat bertugas dengan K4 untuk mengelap meja.

Data 60

R1: K2 dan K4 bermain catur ular.

428.	K4	这边，从这边，不是从这边，从这边，走这个。 Zhè biān, cóng zhè biān, bù shì cóng zhè biān, cóng zhè biān, zǒu zhè ge. <i>Sini, dari sini, bukan dari sini, dari sini, pergi yang ini.</i> 【Dr: Sini, dari sini, bukan dari sini, dari sini, gerak yang ini.】	Direktif	Menyuruh
429.	K2	口水。 Kǒu shuǐ. 【R: Air liur.】	Representatif	Memberitahu

Selain itu, Data 60 menunjukkan K2 dan K4 sedang bermain catur. Dalam barisan 428, K4 menggunakan lakuan tuturan direktif untuk menyuruh K2 mengikuti jalan yang ditunjukkan. Pada masa yang sama, K2 menggunakan lakuan tuturan representatif untuk memberitahu K4 bahawa terdapat air liur di atas mainan kerana air liur mengalir di luar mulut K4 secara tidak sengaja semasa bertutur. Jenis lakuan tuturan 'memberitahu' adalah digunakan untuk menginformasikan sesuatu kepada pendengar. Dalam barisan 429, K2 menginformasikan kepada K4 bahawa air liur K4 telah mengalir di atas mainan.

Data 61

R1: K2 dan K3 bermain mainan matematik.

334.	K3	一，二，三，四，五，六，七，八，九，十，十一，十二，十三，十四。Yeah, 我们赢了。 Yī, èr, sān, sì, wǔ, liù, qī, bā, jiǔ, shí, shí yī, shí èr, shí sān, shí sì. Yeah, wǒ men yíng le. <i>Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, sembilan, sepuluh, sebelas, dua belas, tiga belas, empat belas. Yeah, kita menang le.</i> 【 R: Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, sembilan, sepuluh, sebelas, dua belas, tiga belas, empat belas. Yeah, kita menang.】	Representatif	Menyatakan
------	----	---	---------------	------------

335.	K2	你赢了，我输了。 Nǐ yíng le, wǒ shū le. <i>Kamu menang le, saya kalah le.</i> 【 R: Kamu menang, saya kalah. 】	Representatif	Menyimpulkan
------	-----------	---	----------------------	---------------------

Berdasarkan Data 61, K3 menyatakan bahawa dia dan K2 telah menang, iaitu menggunakan lakuan tuturan yang diklasifikasikan dalam kategori lakuan tuturan representatif. Dalam barisan 335, ujaran K2 yang menggunakan lakuan tuturan yang sama iaitu lakuan tuturan representatif tetapi jenis lakuan tuturan berbeza. K2 menyimpulkan bahawa K3 telah menang dan dia sendiri telah kalah. Jenis lakuan tuturan ‘menyimpulkan’ adalah tuturan membuat kesimpulan terhadap sesuatu. Dalam barisan 335, K2 menggunakan lakuan tuturan representatif untuk membuat kesimpulan bahawa keputusan akhir dalam pertandingan mainan matematik adalah K3 yang menang dan dia sendiri telah kalah.

Data 62

R3: K2 dan K4 bermain catur tikus, kucing dan keju.

522.	K2	你看这个是不是四? Nǐ kàn zhè ge shì bù shì sì? <i>Kamu lihat ini adakah adalah empat?</i> 【Dr: Kamu lihat ini adakah empat?】	Direktif	Bertanya
523	K4	一。 Yī. 【R: Satu.】	Representatif	Menyatakan
524.	K2	不是，是四来的。一三三四。 Bù shì, shì sì lái de. Yī èr sān sì. <i>Bukan, adalah empat lai de. Satu dua tiga empat.</i> 【 R: Bukan, ia adalah empat. Satu dua tiga empat.】	Representatif	Menegaskan

Berdasarkan Data 62, K2 dan K4 sedang bermain catur tikus, kucing dan keju. K2 menggunakan lakuan tuturan direktif. Ujaran “Kamu lihat ini adakah empat?” yang dituturkan oleh K2 hanya mengandungi satu ayat iaitu ayat tanya. K2 bertanya kepada K4 adakah bilangan tersebut ialah empat. K4 menjawab dengan menyatakan bahawa ia hanya

satu. Dalam barisan 524, K2 menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menegaskan bahawa ia bukan satu tetapi empat. Lakuan tuturan yang digunakan oleh K2 dalam ujaran barisan 522 dan barisan 524 merupakan lakuan tuturan direktif dan lakuan tuturan representatif.

(b) Lakuan Tuturan Direktif

Lakuan tuturan direktif (38.14%) merupakan lakuan tuturan kedua kerap digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan rakan sebayanya. Ia meliputi jenis lakuan tuturan bertanya, menyuruh, meminta, memanggil, melarang, mencadangkan dan mengarah.

Data 63

R4: K2 dan K8 bermain permainan watak dan congkak.

381.	K2	这个是什么来的? Zhè ge shì shén me lái de? <i>Ini ialah apa lai de?</i> 【Dr: Apa ini? 】	Direktif	Bertanya
382.	K8	不要。 Bù yào。 【Dr: Jangan. 】	Direktif	Melarang
383.	K2	早由来的啊? Ka zha lái de a? <i>Lipas lai de ah?</i> 【Dr: Ini lipas?】	Direktif	Bertanya
384.	K3	它要水的，不可以玩的。 Tā yào shuǐ de, bù kě yǐ wán de. <i>Ia perlu air de, tidak boleh bermain de.</i> 【R: Ia memerlukan air, tidak boleh bermain. 】	Representatif	Menyatakan

Kanak-kanak prasekolah sering bertanya soalan sesama sendiri selain daripada bertanya kepada guru. Dalam Data 63, ujaran K2 “Apa ini?” adalah ayat tanya. K2 bertanya soalan kepada K8. Ujaran K8 “Jangan.” menggunakan lakuan tuturan direktif untuk

melarang K2 menyentuh biji bulat plastik. K2 mengulangi ujaran menggunakan lakuan tuturan direktif ‘bertanya’ untuk bertanya adakah benda itu adalah lipas. Selepas itu, K3 yang berdiri di tepi menyatakan bahawa benda tersebut memerlukan air untuk bermain. Lakuan tuturan representatif telah digunakan oleh K3 untuk menyatakan sesuatu kepada K2.

K2 didapati telah menggunakan ujaran bahasa Cina dan juga bahasa Kantonis semasa berinteraksi dengan K8. Bahasa Kantonis adalah dialek bahasa Cina. Berdasarkan perkataan ‘甲虫 - *ka zha*’ yang digunakan oleh K2, ia merupakan bahasa Kantonis yang membawa maksud ‘lipas’. Kajian ini membuktikan bahawa ‘bahasa rojak’ sudah tertanam dalam epistemologi tempatan (Albury, 2017) sejak mereka masih peringkat kanak-kanak.

Data 64

R4: K8 dan K2 bertugas mengemaskan meja.

405.	K8	你要抹完整个桌子啊，等一下我抹。 Nǐ yào mǒ wán zhěng gè zhuō zi a, děng yī xià wǒ mǒ. <i>Kamu kena lap habis satu meja ah, nanti saya lap.</i> 【Dr: Kamu kena lap habis satu meja, nanti saya lap.】	Direktif	Menyuruh
406.	K2	谁刚才没有收的？ Shéi gāng cái méi yǒu shōu de? <i>Siapa tadi belum kemas de?</i> 【Dr: Siapa yang belum kemas tadi?】	Direktif	Bertanya
407.	K8	不是我，不是我，等一下跟老师讲。 Bù shì wǒ, bù shì wǒ, děng yī xià gēn lǎo shī jiǎng. <i>Bukan saya, bukan saya, nanti dengan cikgu beritahu.</i> 【R: Bukan saya, bukan saya, nanti beritahu cikgu.】	Representatif	Menyatakan

Data 64 menunjukkan K8 dan K2 menggunakan tiga lakuan tuturan tunggal yang berbeza dan secara berurutan iaitu dua lakuan tuturan direktif dan satu lakuan tuturan

representatif. Pada ketika itu, K8 dan K2 bertugas mengelap meja. Ujaran K8 “Kamu kena lap habis satu meja, nanti saya lap.” menggunakan lakuan tuturan direktif untuk menyuruh K2 lapkan meja dengan kain basah dulu dan kemudiannya dia akan lapkan dengan kain kering. Tujuan ujaran yang disampaikan oleh K8 adalah supaya K2 melakukan tindakan yang dituturkan. Bagi menyuruh seseorang membuat sesuatu, bahasa merupakan alat yang digunakan untuk menyampaikannya dan melakukan sesuatu sebagaimana yang dikehendakinya. Dalam barisan 406, ujaran K2 “Siapa yang belum kemas tadi?” menggunakan lakuan tuturan yang sama dengan K8 iaitu lakuan tuturan direktif tetapi ayat interogatif digunakan oleh K2 untuk bertanya K8. K8 menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan bahawa bukan dia yang tinggalkan mainan di atas meja dan nanti akan beritahu guru dengan menggunakan ayat penyata “Bukan saya, bukan saya, nanti beritahu cikgu”.

K2 menggunakan ujaran bentuk pertanyaan sebagai strategi menyampaikan mesej kepada K8 bahawa terdapat mainan di atas meja dan dia ingin mengetahui siapa yang belum kemas mainan tersebut. Apabila pertanyaan diujarkan oleh K2, K8 dengan serta merta menyatakan bahawa bukan dia yang tinggalkan mainan dan akan beritahu guru. Pertanyaan merupakan jenis lakuan tuturan yang efektif dan mudah digunakan dalam komunikasi kanak-kanak prasekolah terutamanya semasa ingin mengetahui sesuatu daripada rakan sebayanya. Kanak-kanak prasekolah berharap mendapatkan balasan jawapan dari pertanyaannya kerana inginkan penjelasan, memastikan keterangan dan rasa ingin tahu dalam sesuatu perkara.

Data 65

R2: K1, K2, K3 dan K8 bermain masak-masak.

425.	K2	给我一下这个。 Gěi wǒ yī xià zhè ge. <i>Bagi saya sekejap ini.</i> 【Dr: Ini bagi saya sekejap.】	Direktif	Meminta
426.	K1	(Kesan perlokusi: Tidak memberi K2)		
427.	K2	给我一个，我还要做两个。 Gěi wǒ yī gè, wǒ hái yào zuò liǎng gè. 【Dr: Bagi saya satu, saya masih mahu buat dua.】	Direktif	Meminta

Dalam Data 65, K2 dan K1 sedang bermain masak-masak selepas menyiapkan latihan yang diberikan oleh guru. K2 ingin meminta sesuatu daripada K1 dengan menggunakan lakuan tuturan direktif. ‘Meminta’ boleh diklasifikasikan sebagai meminta tindakan, meminta kebenaran, meminta penjelasan, dan lain-lain (Özge Gül, 2014). Dalam interaksi sesama kanak-kanak prasekolah, penggunaan lakuan tuturan direktif ‘meminta’ oleh kanak-kanak prasekolah bertujuan untuk mengekspresikan keinginan dan maksud agar rakan sebayanya melakukan sesuatu yang dituturkan. K1 telah menolak permintaan daripada K2. Seterusnya, ujaran “Bagi saya satu, saya masih mahu buat dua.” yang dikategorikan sebagai lakuan tuturan direktif dituturkan lagi oleh K2 untuk membuat permintaan.

Data 66

R5: K2 bermain permainan matematik, K3 ingin bermain mainan yang sama dengan K2.

461.	K3	K2, 等下你玩了，可以到我玩吗？ K2, děng xià nǐ wán le, kě yǐ dào wǒ wán ma? <i>K2, nanti kamu main le, boleh sampai saya main ma?</i> 【Dr: K2, selepas kamu sudah main, boleh bagi saya main?】	Direktif	Meminta
462.	K2	(Kesan perlokusi: Mengangguk kepala)		

Data 66 berlaku semasa K2 sedang bermain mainan matematik. Pada masa yang sama, ujaran K3 “K2, selepas kamu sudah main, boleh bagi saya main?” yang membawa maksud keinginan K3 bermain mainan yang sama dengan K2 lalu menggunakan lakuan tuturan direktif dengan meminta K2 memberikan mainan kepadanya selepas K2 habis bermain. Tindak balas K2 dengan mengangguk kepala telah membawa maksud boleh. Komunikasi bukan lisan menjadi pelengkap kepada komunikasi dalam bentuk lisan. Menurut Noor Afzaliza Nazira Ibrahim et al. (2018), komunikasi bukan lisan adalah bentuk mesej yang dapat mentafsir personaliti, tujuan, emosi dan lain-lain.

Data 65 dan Data 66 telah membuktikan kanak-kanak prasekolah dapat menggunakan jenis lakuan tuturan meminta dengan menggunakan bentuk yang berbeza iaitu dalam Data 65, K2 meminta secara langsung daripada K1 dengan menggunakan ayat deklaratif, manakala dalam Data 66 menunjukkan K3 menggunakan bentuk interogatif untuk meminta sesuatu secara tidak langsung. Menurut kajian Safont-Jordà (2013) yang menjalankan kajian mengenai perkembangan meminta seorang kanak-kanak yang boleh menutur tiga bahasa, bentuk lakuan yang digunakan dalam setiap bahasa adalah berbeza.

Data 67

R4: K8 memanggil K2 semasa bermain permainan watak dan congkak.

370.	K8	【Dr: K2, K2。】	Direktif	Memanggil
------	----	---------------	----------	-----------

Berdasarkan data 67, K2 dan K8 bermain permainan watak dan congkak. K8 menggunakan lakuan tuturan direktif untuk tujuan memanggil K2. Ujaran K8 dalam barisan 370 yang mengulangi menyebut nama K2 untuk menarik perhatiannya kerana ingin menyatakan sesuatu kepada K2.

Data 68

R2: K1, K2, K3 dan K8 bermain masak-masak.

261.	K1	你不能自己拿的, 不能自己拿。 Nǐ bù néng zì jǐ ná de, bù néng zì jǐ ná. <i>Kamu tidak boleh sendiri ambil de, tidak boleh sendiri ambil.</i> 【Dr: Kamu (K2) tidak boleh ambil sendiri, tidak boleh ambil sendiri.】	Direktif	Melarang
262.	K2	我要这个。 Wǒ yào zhè ge. 【Dr: Saya nak ini.】	Direktif	Meminta
263.	K3	不可以。 Bù kě yǐ. 【Dr: Tidak boleh.】	Direktif	Melarang

Berdasarkan Data 68, K2 mengambil barang tanpa persetujuan K1 semasa bermain masak-masak. Lakuan tuturan direktif digunakan oleh K1 untuk melarang kelakuan K2 daripada mengambil barang dengan ujaran “Kamu (K2) tidak boleh ambil sendiri, tidak boleh ambil sendiri”. Keadaan ini berlaku kerana watak yang dimainkan K2 adalah seorang pelanggan. Oleh itu, lakuan tuturan direktif digunakan oleh K2 untuk meminta sesuatu daripada K1. Dalam barisan 263, ujaran K3 “Tidak boleh.” yang juga melarang K2 untuk mengambil barang yang ditunjukkan. K1, K2 dan K3 telah menggunakan lakuan tuturan direktif dalam ujaran mereka.

Data 69

R1: K2 dan K4 bermain catur ular.

380.	K2	玩蛇棋。 Wán shé qí. 【R: Bermain catur ular.】	Representatif	Menyatakan
381.	K4	我也要玩蛇棋。 Wǒ yě yào wán shé qí. 【R: Saya juga mahu bermain catur ular.】	Representatif	Menyatakan
382.	K2	还是我们玩这个? Hái shì wǒ men wán zhè ge? 【Dr: Atau kita main ini?】	Direktif	Mencadangkan

383.	K4	不要啦，我会玩的蛇棋。 Bù yào la, wǒ huì wán de shé qí. <i>Tak nak la, saya tahu main de catur ular.</i> 【R: Tak nak, saya tahu main catur ular.】	Representatif	Menyatakan
------	----	---	---------------	------------

Dalam barisan 380, K2 menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan bahawa dia mahu bermain catur ular. K4 juga menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan kepada K2 bahawa dia juga mahu bermain catur ular. Dalam barisan 382, ujaran K2 “Atau kita main ini?” yang menggunakan lakuan tuturan direktif ‘mencadangkan’ dengan mengemukakan cadangan lain iaitu bermain mainan lain kepada K4 untuk dipertimbangkan. Ujaran K4 menggunakan lakuan tuturan representatif dengan menyatakan dia tidak mahu bermain mainan lain kerana dia tahu cara bermain catur ular (barisan 383).

Data 70

R2: K1 dan K3 bersama-sama mengangkat benda yang terjatuh kemudian meletakkan balik ke tempat asal.

209.	K1	一 二 三。 Yī èr sān. 【Dr: Satu dua tiga.】	Direktif	Mengarah
210	K3	(Kesan perlokusi: K3 bersama-sama dengan K1 mengangkat benda yang terjatuh kemudian meletakkan balik ke tempat asal))		

Dalam Data 70, K1 menggunakan lakuan tuturan direktif ‘mengarah’. K1 memberi arahan kepada K3 dengan mengira “Satu dua tiga” untuk tujuan bersama-sama mengangkat benda yang terjatuh di atas lantai supaya meletakkan ke tempat asal. Dengan itu, K3 mendengar arahan K1 semasa bersama-sama mengambil benda yang terjatuh kemudian meletakkan ke tempat asal.

(c) Lakuan Tuturan Komisif

Dalam lakuan tuturan komisif, penutur terikat kepada suatu tindakan pada masa akan datang. Data 71 hingga Data 73 menunjukkan penggunaan lakuan tuturan komisif (0.85%) dalam interaksi sesama kanak-kanak prasekolah. Ia meliputi jenis lakuan tuturan menawarkan dan menawarkan diri.

Data 71

R2: K1, K2, K3 dan K8 bermain masak-masak.

321.	K8	不用紧。你比较喜欢，你要菜的，我给你tomato。 Bù yòng jǐn. Nǐ bǐ jiào xǐ huān, nǐ yào cài de, wǒ gěi nǐ tomato. <i>Tak apa. Kamu lebih suka, kamu mahu sayur de, Saya beri kamu tomato.</i> 【 K: Tak apa. Kamu lebih suka, kamu mahu sayur, saya beri kamu tomato. 】	Komisif	Menawarkan
322.	K2	(Kesan perlokasi: Mengangguk kepala)		

Dalam barisan 321, K8 menggunakan lakuan tuturan komisif semasa berinteraksi dengan K2, iaitu K8 menawarkan tomato kepada K2. Pada masa itu, K2 mengangguk kepala sebagai tanda menerima tomato yang ditawarkan oleh K8. Selain itu, K8 menggunakan dua bahasa yang berlainan, iaitu bahasa Cina dan bahasa Inggeris semasa menawarkan sesuatu kepada K2.

Data 72

R2: K1, K2, K3 dan K8 bermain masak-masak.

328.	K8	K1, 我帮你煮先。 K1, wǒ bāng nǐ zhǔ xiān. 【 K: K1, Saya bantu kamu memasak dulu. 】	Komisif	Menawarkan diri
------	-----------	---	----------------	------------------------

Seterusnya dalam Data 72, ujaran K8 “K1, Saya bantu kamu memasak dulu.” yang menggunakan lakuan tuturan komisif untuk menawarkan diri untuk membantu K1

memasak dulu kerana sampai giliran K1 untuk membuat kerja seni. K1 tidak menolak tawaran daripada K8. Dengan itu, K8 memasak di tempat K1.

Data 73

R2: K1, K2, K3 dan K8 bermain masak-masak.

242.	K2	我要汤，汤。 Wǒ yào tāng, tāng. 【Dr: Saya mahu sup, sup.】	Direktif	Meminta
243.	K1	我去找给你。 Wǒ qù zhǎo gěi nǐ. 【K: Saya pergi cari untuk kamu.】	Komisif	Menawarkan diri

Dalam Data 73, ayat deklaratif “Saya mahu sup, sup.” yang dituturkan oleh K2 untuk meminta sup semasa bermain masak-masak. Selepas mendengar permintaan K2, lakuan tuturan komisif digunakan oleh K1 dengan menawarkan diri untuk mencarikan sup kepada K2 (barisan 243). Berdasarkan data yang dikumpul, kanak-kanak prasekolah jarang menggunakan lakuan tuturan komisif semasa mereka berinteraksi dalam bilik darjah.

(d) Lakuan Tuturan Ekspresif

Berdasarkan Jadual 4.6, lakuan tuturan ekspresif (0.21%) jarang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan rakan sebaya. Kanak-kanak prasekolah menggunakan lakuan tuturan ekspresif untuk memuji rakan sebayanya.

Data 74

R4: K5 sedang melukis ketam di papan.

169.	K8	K5, 很美叻。 K5, hěn měi le. 【E: K5, sangat cantik.】	Ekspresif	Memuji
------	----	--	-----------	--------

Data 74 menunjukkan penggunaan lakuan tuturan ekspresif oleh K8 untuk memuji K5. Lakuan tuturan ekspresif digunakan untuk mengungkapkan keadaan emosi penutur. Semasa K5 dipanggil untuk melukis ketam di atas papan, K8 memberi pujian kepada K5 kerana ketam yang dilukiskan sangat cantik. Lakuan tuturan ekspresif sebagai fungsi mengungkapkan sikap psikologis K8 terhadap lukisan K5.

4.3.2.2 Kombinasi Dua Kategori Lakuan Tuturan dalam Satu Giliran

Jadual 4.7: Jumlah Kombinasi Dua Kategori Lakuan Tuturan dalam Interaksi dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah

Lakuan Tuturan	Kanak – Kanak	
	Kekerapan	Peratus (%)
R+Dr	40	95.24
Dr+E	1	2.38
Dr+K	1	2.38
Jumlah	42	100

Berdasarkan jadual di atas, ia menunjukkan penggunaan kombinasi dua kategori lakuan tuturan dalam satu giliran semasa kanak-kanak prasekolah berinteraksi dengan rakan sebaya. Kombinasi dua kategori lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan representatif dan direktif (95.24%) digunakan oleh kanak-kanak prasekolah, terutamanya kombinasi jenis lakuan tuturan ‘menyatakan dengan menyuruh’ dan ‘menyatakan dengan bertanya’. Selain itu, kombinasi lakuan tuturan direktif dan ekspresif (2.38%) dan lakuan tuturan direktif dan komisif (2.38%) juga digunakan oleh kanak-kanak prasekolah tetapi adalah jarang digunakan oleh mereka semasa berinteraksi dengan rakan sebaya.

(a) Lakuan Tuturan Representatif dan Direktif

Kombinasi dua kategori lakuan tuturan yang terdiri daripada lakuan tuturan representatif dengan direktif (95.24%) merupakan salah satu lakuan tuturan digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa dalam kelas bahasa Cina, terutamanya kombinasi jenis lakuan tuturan ‘menyatakan dengan menyuruh’ dan ‘menyatakan dengan bertanya’.

Data 75

R1: K2 dan K4 bermain catur ular.

434.	K4	要上去了。一二三。你到这边，你可以上来。 Yào shàng qù le. Yī èr sān. Nǐ dào zhè biān, nǐ kě yǐ shàng lái. <i>Sudah nak naik atas le. Satu dua tiga. Kamu sampai sini, kamu boleh naik atas.</i> 【R: Sudah nak naik atas. Satu dua tiga.】 【Dr: Kamu sampai sini, kamu boleh naik atas.】	Representatif → Direktif	Menyatakan → Menyuruh
435.	K2	二，一二。 Èr, yī èr. 【R: Dua, satu dua.】	Representatif	Menyatakan

Dalam Data 75, K4 menggunakan kombinasi lakuan tuturan representatif dengan direktif dalam ujaran di barisan 434. Lakuan tuturan representatif digunakan oleh K4 untuk menyatakan bahawa catur dia akan bergerak ke atas. Selain lakuan tuturan representatif, K4 juga menggunakan lakuan tuturan direktif untuk menyuruh K2 menggerakkan catur ke atas ketika catur berada di tempat yang ditunjukkan. Selepas itu, ujaran K2 “Dua, satu dua.” menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan bahawa catur dia telah bergerak dua langkah ke depan.

Data 76

R2: K1, K2, K3 dan K8 bermain masak-masak.

427.	K2	给我一个，我还要做两个。 Gěi wǒ yī gè, wǒ hái yào zuò liǎng gè. 【Dr: Bagi saya satu, saya masih mahu buat dua.】	Direktif	Meminta
428.	K1	你要问。我拿着 spoon。 Nǐ yào wèn. Wǒ ná zhe spoon. 【Dr: Kamu perlu bertanya.】 【R: Saya ambil sudu.】	Direktif → Representatif	Menyuruh → Menyatakan

Dalam Data 76, K2 menggunakan lakuan tuturan direktif untuk membuat permintaan daripada K1 supaya memberikannya satu sudu dalam ujaran barisan 427. Dalam barisan 428, K1 menggunakan ujaran yang mengandungi kombinasi dua lakuan tuturan, iaitu lakuan tuturan direktif dan representatif. Ujaran K1 “Kamu perlu bertanya. Saya ambil sudu.” yang mengandungi jenis lakuan tuturan menyuruh dengan menyatakan. Dalam ujaran tersebut, K1 menyuruh K2 agar dia perlu bertanya dulu sebelum ambil sudu dan menyatakan bahawa dia sendiri sedang ambil sudu. Selain itu, campuran bahasa Cina dan bahasa Inggeris telah digunakan dalam ujaran K1 dalam barisan 428.

Data 77

R5: K4 menyuruh K3 dan K1 melihat peta yang dilekatkan di dinding.

522.	K4	那个旁边。你看那个黄色的线。是我们住那里。 Nà gè pang biān. Nǐ kàn nà gè huáng sè de xiàn. Shì wǒ men zhù zài nà lǐ. <i>Itu tepi. Kamu nampak itu kuning punya garisan. Adalah kita tinggal di sana.</i> 【Dr: Tepi itu. Kamu nampak garisan kuning itu.】 【R: Kami tinggal di sana.】	Direktif → Representatif	Menyuruh → Menyatakan
523.	K3	你住哪里？ Nǐ zhù nǎ lǐ? 【Dr: Kamu tinggal mana?】	Direktif	Bertanya
524.	K4	【R: Seremban Jaya.】	Representatif	Menyatakan

Data 77 menunjukkan K4 menggunakan kombinasi lakuan tuturan yang terdiri daripada dua kategori lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan direktif dan representatif. Pada mulanya, K4 menggunakan lakuan tuturan direktif untuk menyuruh K3 dan K1 melihat peta yang dilekatkan di dinding dan menyatakan bahawa mereka tinggal di sana. Selepas itu, lakuan tuturan direktif digunakan oleh K3 untuk bertanya tempat tinggal K4. K4 menjawab dengan menyatakan bahawa dia tinggal di Seremban Jaya.

Data 78

R2: K1, K2, K3 dan K8 bermain masak-masak.

309.	K8	诶, 你要吃 sandwich 还是只是吃面包? 那个是面包, 这个是 sandwich。 Éi, nǐ yào chī sandwich hái shì zhǐ shì chī miàn bāo? Nà gè shì miàn bāo, zhè ge shì sandwich. 【Dr: Ei, kamu makan sandwich atau hanya makan roti? 】 【R: Itu adalah roti, ini adalah sandwich.】	Direktif → Representatif	Bertanya → Menyatakan
310.	K2	我要你这样夹面包。 Wǒ yào nǐ jiā miàn bāo. <i>Saya mahu kamu macam ini meletakkan dengan roti.</i> 【Dr: Saya mahu kamu meletakkan roti macam ini. 】	Direktif	Meminta

Berdasarkan Data 78, ia menunjukkan K8 menggunakan kombinasi lakuan tuturan direktif dengan representatif semasa berinteraksi dengan K2. Kombinasi lakuan tuturan direktif dan representatif dalam data ini ialah ujaran yang bermula dengan ayat tanya dan disusuli oleh ayat pernyataan. Semasa kanak-kanak bermain masak-masak, corak lakuan tuturan yang mengandungi dua lakuan tuturan digunakan oleh K8 untuk bertanya kepada K2 tentang makanan yang ingin dimakan dan juga menyatakan nama makanan tersebut supaya K2 lebih mudah untuk memilih. Dalam ujaran tersebut, K8 menggunakan bahasa Cina dan juga bahasa Inggeris iaitu perkataan 'sandwich'. Selepas itu, K2 menggunakan lakuan tuturan direktif untuk meminta K8 mengikut cara dia meletakkan roti (barisan 310).

Data 79

R1: K2 dan K4 bermain catur ular.

393.	K4	一二三, 一二三。你要上去也是可以。 Yī èr sān, yī èr sān. Nǐ yào shàng qù yě shì hì kě yǐ. 【R: Satu dua tiga, satu dua tiga.】 【Dr: Kamu nak naik atas juga boleh.】	Representatif → Direktif	Menyatakan → Mencadangkan
394.	K2	到我上了。 Dào wǒ shàng le. Sampai saya naik le. 【R: Sampai saya naik.】	Representatif	Menyatakan

Berdasarkan Data 79, K4 menggunakan kombinasi lakuan tuturan representatif dengan direktif semasa berinteraksi. K4 menyatakan bahawa caturnya telah bergerak tiga langkah ke depan dan memberi cadangan kepada K2 supaya dia juga menggerakkan catur dia ke atas. Selepas mendengar cadangan K4, K2 menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan gilirannya untuk menggerakkan catur ke atas.

Data 80

R4: K2 dan K8 bermain permainan watak dan congkak.

379.	K2	(Menyentuh biji bulat plastik semasa K8 mengeluarkan)		
380.	K8	不要。不要。不要跟你好了啊。 Bù yào. Bù yào. Bù yào gēn nǐ hǎo le a. Jangan. Jangan. Tak mahu dengan kamu baik le ah. 【 Dr: Jangan. Jangan. 】 【 R: Tak mahu berkawan dengan kamu.】	Direktif → Representatif	Melarang → Menyatakan

Data 80 menunjukkan K2 dan K8 sedang bermain congkak, K8 melarang K2 menyentuh biji bulat plastik apabila K8 sedang mengeluarkan. Ujaran K8 menggunakan kombinasi dua kategori lakuan tuturan yang berbeza dalam satu giliran iaitu lakuan tuturan direktif dengan lakuan tuturan representatif, ayat imperatif “Jangan. Jangan.” yang melarang K2 untuk ambil biji bulat plastik dan ayat deklaratif “Tak mahu berkawan dengan kamu.” yang membawa maksud K8 tidak suka atas tindakan yang dilakukan oleh K2.

Dengan itu, K8 menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan dia tidak mahu berkawannya.

(b) Lakuan Tuturan Direktif dan Ekspresif

Selain itu, kombinasi dua kategori lakuan tuturan dalam satu giliran yang terdiri daripada lakuan tuturan direktif dan ekspresif (2.38%) jarang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan rakan sebaya dalam kelas bahasa Cina.

Data 81

R4: K2 dan K8 bermain permainan watak.

368.	K2	<p>Sorry 啊，老师，我忘记做了。老师，你看我很厉害的。</p> <p>Sorry a, lǎo shī, wǒ wàng jì zuò le. Lǎo shī, nǐ kàn wǒ hěn lì hài de.</p> <p><i>Maaf ah, cikgu, saya lupa buat le. Cikgu. Kamu tengok saya sangat hebat de.</i></p> <p>【 E: Maaf, cikgu (K8), saya sudah lupa buat.】 【Dr: Cikgu (K8), kamu tengok saya sangat hebat.】</p>	<p>Ekspresif → Direktif</p>	<p>Memohon maaf → Menyuruh</p>
------	-----------	--	---	--

Data 81 menunjukkan K2 dan K8 sedang bermain permainan watak dan congkak. Perwatakan K8 adalah seorang guru dan K2 adalah seorang pelajar. Dalam barisan 368, K2 telah menggunakan kombinasi lakuan tuturan ekspresif dengan direktif dalam ujarannya. Ujaran K2 memohon maaf kepada K8 kerana lupa membuat kerja rumah yang diberikan. Seterusnya, lakuan tuturan direktif digunakan oleh K2 untuk menyuruh K8 melihat kehebatannya bermain mainan.

(c) Lakuan Tuturan Direktif dan Komisif

Berdasarkan Jadual 4.7, kanak-kanak prasekolah jarang menggunakan kombinasi lakuan tuturan direktif dan komisif (2.38%) semasa berkomunikasi dengan rakan sebaya dalam kelas bahasa Cina.

Data 82

R2: K1, K2, K3 dan K8 bermain masak-masak.

409.	K2	我也是要用。 Wǒ yě shì yào yòng. 【 Dr: Saya juga mahu guna. 】	Direktif	Meminta
410.	K1	等。我帮你弄。 Děng. Wǒ bāng nǐ nòng. 【 Dr: Tunggu. 】 【 K: Saya bantu kamu membuat. 】	Direktif → Komisif	Menyuruh → Menawarkan diri

Data 82 menunjukkan lakuan tuturan direktif yang digunakan oleh K2 untuk meminta K1 memberikannya sudu plastik. Ujaran K1 “Tunggu. Saya bantu kamu membuat.” yang mengandungi dua lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan direktif bersama dengan lakuan tuturan komisif. Dalam ujaran tersebut, K1 menggunakan kombinasi yang terdiri daripada dua jenis lakuan tuturan iaitu menyuruh K2 tunggu dan menawarkan diri untuk membantu K2. K1 menggunakan lakuan tuturan komisif untuk menawarkan dirinya membantu K2 kerana K2 ingin meminta sudu daripadanya.

4.3.2.3 Kombinasi Tiga Kategori Lakuan Tuturan dalam Satu Giliran

Jadual 4.8: Jumlah Kombinasi Tiga Kategori Lakuan Tuturan dalam Interaksi dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah

Lakuan Tuturan	Kanak – Kanak	
	Kekerapan	Peratus (%)
R+Dr+K	1	50
R+E+K	1	50
Jumlah	2	100

Merujuk Jadual 4.8, kombinasi tiga kategori lakuan tuturan yang terdiri daripada lakuan tuturan representatif, direktif dan komisif (50%) dan lakuan tuturan representatif, ekspresif dan komisif (50%) digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan rakan sebaya dalam kelas bahasa Cina. Berdasarkan analisis terhadap hasil data yang kumpul, didapati kanak-kanak prasekolah mampu menggunakan corak kombinasi tiga kategori lakuan tuturan tetapi jarang berlaku dalam komunikasi di dalam kelas. Biasanya, kanak-kanak prasekolah lebih kerap menggunakan ujaran yang mengandungi satu kategori lakuan tuturan sahaja semasa berkomunikasi dengan guru dan rakan sebaya.

(a) Lakuan Tuturan Representatif, Direktif dan Komisif

Berdasarkan Jadual 4.8, kanak-kanak menggunakan corak kombinasi tiga kategori lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan representatif, direktif dan komisif (50%) dalam satu giliran semasa berinteraksi dengan rakan sebaya.

Data 83

R1: K2 dan K3 bermain mainan matematik.

332.	K3	<p>你不要数先，你不要数先。一，二，三，四，五，六，七，八，九，十，十一，十二，十三，十四，十五要goal了。Nah，给你这个。</p> <p>Nǐ bù yào shù xiān, nǐ bù yào shù xiān. Yī, èr, sān, sì, wǔ, liù, qī, bā, jiǔ, shí, shí yī, shí èr, shí sān, shí sì, shí wǔ yào goal le. Nah, gěi nǐ zhè ge.</p> <p><i>Kamu jangan kira dulu, kamu jangan kira dulu. Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, sembilan, sepuluh, sebelas, dua belas, tiga belas, empat belas, lima belas nak goal le. Nah, bagi kamu ini.</i></p> <p>【Dr: Kamu jangan kira dulu, kamu jangan kira dulu.】 【 R: Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, sembilan, sepuluh, sebelas, dua belas, tiga belas, empat belas, lima belas sudah nak goal.】 【 K: Nah, bagi kamu ini.】</p>	<p>Direktif → Representatif → Komisif</p>	<p>Menyuruh → Menyatakan → Menawarkan</p>
------	-----------	--	--	--

333.	K2	(Kesan perlokusi: Ketawa)		
334.	K3	<p>一, 二, 三, 四, 五, 六, 七, 八, 九, 十, 十一, 十二, 十三, 十四。Yeah, 我们赢了。 Yī, èr, sān, sì, wǔ, liù, qī, bā, jiǔ, shí, shí yī, shí èr, shí sān, shí sì. Yeah, wǒ men yíng le. <i>Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, sembilan, sepuluh, sebelas, dua belas, tiga belas, empat belas. Yeah, kita menang le.</i></p> <p>【 R: Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, sembilan, sepuluh, sebelas, dua belas, tiga belas, empat belas. Yeah, kita menang. 】</p>	Representatif	Menyatakan

Berdasarkan Data 83, K3 dan K2 sedang bermain permainan kad selepas habis membuat latihan. Data tersebut menunjukkan kombinasi lakuan tuturan ujaran K3 yang mengandungi tiga lakuan tuturan, iaitu lakuan tuturan direktif, representatif dan komisif. K3 menggunakan lakuan tuturan direktif untuk menyuruh K2 jangan mengira dulu, lakuan tuturan representatif digunakan untuk menyatakan bahawa dia sendiri sudah hampir menang dan hanya memerlukan beberapa langkah lagi. Seterusnya, K3 menawarkan K2 dadu tersebut. Dalam barisan 334, K3 menyatakan “Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, sembilan, sepuluh, sebelas, dua belas, tiga belas, empat belas. Yeah, kita menang.” yang dikategorikan sebagai lakuan tuturan representatif.

(b) Lakuan Tuturan Representatif, Ekspresif dan Komisif

Selain itu, kombinasi lakuan tuturan representatif, ekspresif dengan komisif (50%) juga digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan rakan sebaya dalam kelas bahasa Cina.

Data 84

R5: K1, K2 dan K4 menggunting kerja seni.

502.	K2	我懂，我要这种红色的。 Wǒ dǒng, wǒ yào zhè zhǒng hóng sè de. <i>Saya faham, saya mahu ini jenis warna merah de.</i> 【 R: Saya faham, saya mahu jenis warna merah ini. 】	Representatif	Menyatakan
503.	K4	一样的，一样的。 Yī yàng de, yī yàng de. <i>Sama adalah, sama adalah.</i> 【 R: Adalah sama, adalah sama. 】	Representatif	Menyatakan
504.	K1	我帮你找。Sorry 啊，就只有这个。这样子，我的。不用紧啦，我也喜欢蓝色，蓝色也是 girl 的 colour 啊。 Wǒ bāng nǐ zhǎo. Sorry a, jiù zhǐ yǒu zhè ge. Zhè yàng zi, wǒ de. Bù yòng jǐn la, wǒ yě xǐ huān lán sè, lán sè yě shì girl de colour a. <i>Saya membantu kamu cari. Maaf ah, hanya ada ini. Macam ini, saya punya. Tak apalah, saya juga suka biru, biru juga perempuan punya warna ah.</i> 【 K: Saya bantu kamu cari. 】 【 E: Maaf, hanya ada ini.】 【 R: Macam ini, saya punya. Tak apa, saya juga suka biru, biru juga warna perempuan. 】	Komisif → Ekspresif → Representatif	Menawarkan diri → Memohon maaf → Menyatakan

Dalam interaksi yang ditunjukkan di atas, K1, K2, dan K4 membuat kerja seni yang diberikan oleh guru. Ujaran K2 dalam barisan 502 yang menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan sesuatu kepada rakan sebaya bahawa dia mahu warna merah semasa dia sedang memilih kertas warna yang diletakkan dalam kotak. K4 yang sedang menggunting kertas telah menyatakan kepada K2 bahawa semua adalah sama. Pada ketika itu, ujaran K1 “Saya bantu kamu cari. Maaf, hanya ada ini. Macam ini, saya punya. Tak apa, saya juga suka biru, biru juga warna perempuan.” yang mengandungi tiga lakuan tuturan. K1 menggunakan lakuan tuturan komisif ‘menawarkan diri’ untuk menolong K2 mencari warna yang ingin dipilih dan lakuan tuturan ekspresif digunakan untuk memohon

maaf kepada K2 kerana hanya dapat cari warna lain. Pada ujaran yang sama, K1 menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan kepada K2 bahawa dia suka warna biru kerana ia juga warna untuk perempuan.

Berdasarkan penelitian terhadap Jadual 4.6 hingga Jadual 4.8, data yang dikumpul menunjukkan kanak-kanak prasekolah lebih kerap menggunakan satu kategori lakuan tuturan sahaja semasa berinteraksi dengan rakan sebaya, Mereka jarang menggunakan kombinasi lakuan tuturan yang berbeza dalam satu giliran.

4.4 Perbezaan Penggunaan Jenis-jenis Lakuan Tuturan dalam Interaksi antara Kanak-kanak Prasekolah dan Guru dalam Bahasa Cina

Penggunaan lakuan tuturan dalam bahasa Cina di kelas bahasa Cina merupakan komunikasi sebenar yang berlangsung dalam interaksi kelas. Setiap lakuan tuturan yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah dan guru mempunyai fungsi-fungsi yang bermakna dalam interaksi. Dengan demikian, kanak-kanak prasekolah dan guru perlu menggunakan lakuan tuturan dengan ujaran yang sesuai dengan konteksnya.

Kanak-kanak prasekolah memiliki sifat yang unik kerana mereka merupakan individu yang berbeza dan memiliki ciri-ciri tersendiri sesuai dengan tahap usianya. Oleh itu, guru perlu mempunyai kemahiran dan kecekapan berbahasa yang baik ketika dalam proses pengajaran. Interaksi lisan guru prasekolah dalam proses pengajaran sewajarnya mengandungi unsur pragmatik. Guru prasekolah perlu bijak memanipulasi segala kemahiran pragmatik yang ada dengan menggunakan lisan untuk menghasilkan kesan tertentu pada fikiran kanak-kanak prasekolah.

**Jadual 4.9: Jumlah Lakuan Tuturan dalam Interaksi antara Kanak-kanak
Prasekolah dan Guru**

Lakuan Tuturan	Guru – Kanak-kanak		Kanak-kanak – Guru		Kanak – Kanak	
	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)
R	196	32.45	625	72.93	287	60.80
Dk	-	-	-	-	-	-
E	9	1.49	5	0.58	1	0.21
Dr	398	65.89	227	26.49	180	38.14
K	1	0.17	-	-	4	0.85
Jumlah	604	100	857	100	472	100

Jadual 4.9 menunjukkan jumlah satu kategori lakuan tuturan yang digunakan dalam interaksi sesama kanak-kanak prasekolah dengan interaksi bersama guru dalam satu giliran semasa kelas bahasa Cina. Berdasarkan Jadual 4.9, penggunaan lakuan tuturan yang paling kerap dalam interaksi antara ‘Kanak-kanak – Guru’ dan ‘Kanak-kanak – Kanak-kanak’ didapati mempunyai persamaan. Lakuan tuturan yang digunakan dalam interaksi antara ‘Guru – Kanak-kanak’ didapati berbeza dengan penggunaan kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan guru dan juga rakan sebaya. Lakuan tuturan representatif merupakan lakuan tuturan yang paling kerap digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan guru mahupun rakan sebaya. Peratusan penggunaan lakuan tuturan representatif (72.93%) adalah paling tinggi dalam interaksi di antara kanak-kanak prasekolah dengan guru terutamanya mereka menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan sesuatu kepada guru. Dalam interaksi sesama kanak-kanak prasekolah, lakuan tuturan representatif (60.80%) juga paling kerap digunakan oleh kanak-kanak prasekolah terutamanya kanak-kanak prasekolah menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan sesuatu kepada rakan sebaya. Manakala, dalam interaksi antara guru dengan kanak-kanak prasekolah, lakuan tuturan yang paling kerap digunakan oleh guru adalah lakuan tuturan direktif (65.89%). Guru kerap menggunakan lakuan tuturan direktif untuk mengarah dan bertanya kanak-kanak prasekolah.

Lakuan tuturan direktif merupakan lakuan tuturan yang kedua paling kerap digunakan dalam interaksi antara ‘Kanak-kanak – Guru’ dan ‘Kanak-kanak – Kanak-kanak’. Kanak-kanak prasekolah kerap menggunakan lakuan tuturan direktif untuk bertanya, meminta dan memanggil semasa berinteraksi dengan guru. Dalam interaksi sesama kanak-kanak prasekolah, didapati kanak-kanak prasekolah kerap menggunakan lakuan tuturan direktif untuk bertanya, menyuruh dan meminta. Walaupun lakuan tuturan direktif merupakan lakuan tuturan kedua paling kerap digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan guru ataupun rakan sebaya, tetapi kekerapan lakuan tuturan yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah adalah didapati berbeza dengan guru. Lakuan tuturan representatif (32.45%) merupakan lakuan tuturan kedua kerap digunakan oleh guru semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah. Guru kerap menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan sesuatu kepada kanak-kanak semasa dalam kelas bahasa Cina.

Hasil penelitian menunjukkan lakuan tuturan ekspresif dan lakuan tuturan komisif jarang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan guru dan juga rakan sebaya. Kanak-kanak prasekolah tidak membuat komitmen janji dengan orang di sekeliling, tetapi mereka menggunakan komisif untuk menawarkan sesuatu dan menawarkan diri semasa berinteraksi dengan rakan sebaya. Menurut penemuan Kanngiesser, Köymen dan Tomasello (2017) yang melibatkan kanak-kanak berumur 3 tahun dan 5 tahun, kanak-kanak pada peringkat umur ini telah mula memahami komitmen janji. Guru juga jarang menggunakan lakuan tuturan ekspresif (1.49%) dan lakuan tuturan komisif (0.17%) semasa dalam kelas bahasa Cina.

Dari hasil penelitian yang telah dipaparkan dalam data mengenai penggunaan lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah dan guru dalam interaksi di dalam kelas, ia didapati terdapat bentuk ayat deklaratif, interogatif, dan imperatif.

Berdasarkan dapatan kajian, tidak terdapat lakuan tuturan deklarasi yang digunakan dalam ujaran kanak-kanak prasekolah ataupun guru semasa berinteraksi di kelas. Lakuan tuturan deklarasi bukannya lakuan peribadi dan kebiasaannya ia digunakan oleh orang yang mempunyai peranan institusi khusus untuk melakukannya dengan berbatasan sesuatu rangkaian institusi tertentu, iaitu melantik atau menamakan, memutuskan hubungan, menamatkan perkhidmatan seseorang, dan sebagainya (Yule, 1996). Menurut kajian Muhammad Zuhair Zainal (2017) mengenai lakuan ilokusi guru, hasil dapatan didapati tidak ada penggunaan lakuan tuturan yang berbentuk perisytiharan atau lakuan tuturan deklarasi. Dapatan kajian tersebut yang mengenai lakuan tuturan deklarasi tersebut adalah sama dengan kajian yang sedang dijalankan. Kedua-dua hasil analisis terhadap data kajian menunjukkan tidak mempunyai lakuan tuturan deklarasi dalam ujaran guru semasa berinteraksi dalam kelas.

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah dan guru jarang menggunakan lakuan tuturan deklarasi, ekspresif dan komisif. Selain itu, hasil penyelidikan ini juga membuktikan guru lebih kerap menggunakan kombinasi lakuan tuturan yang mengandungi dua kategori lakuan tuturan berbanding dengan kanak-kanak prasekolah. Ini kerana perkembangan bahasa kanak-kanak berlaku secara sistematik seiring dengan pertambahan usianya (Jalongo, 1992; Saxton 2017), perkembangan bahasa masih berlaku pada peringkat umur kanak-kanak prasekolah.

**Jadual 4.10: Jumlah Kombinasi Dua Kategori Lakuan Tuturan dalam Interaksi
antara Kanak-kanak Prasekolah dan Guru**

Lakuan Tuturan	Guru – Kanak-kanak		Kanak-kanak – Guru		Kanak – Kanak	
	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)
R+Dr	228	95	10	100	40	95.24
R+E	1	0.42	-	-	-	-
R+K	3	1.25	-	-	-	-
Dr+E	6	2.50	-	-	1	2.38
Dr+K	2	0.83	-	-	1	2.38
Jumlah	240	100	10	100	42	100

Berdasarkan jadual 4.10, ia menunjukkan jumlah penggunaan kombinasi dua kategori lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah dan guru dalam satu giliran. Corak kombinasi dua kategori lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan representatif dan direktif (95%) paling kerap digunakan oleh guru semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah, terutamanya kombinasi jenis lakuan tuturan ‘menyatakan dan mengarah’ dan ‘menyatakan dan bertanya’. Perkara yang sama telah berlaku semasa kanak-kanak prasekolah berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya. Kanak-kanak prasekolah hanya menggunakan corak kombinasi dua kategori lakuan tuturan yang terdiri daripada lakuan tuturan representatif dan direktif (100%) semasa berinteraksi dengan guru. Di samping itu, kanak-kanak prasekolah juga paling kerap menggunakan corak kombinasi lakuan tuturan representatif dan direktif (95.24%) semasa berinteraksi dengan rakan sebaya.

Selain itu, guru jarang menggunakan corak kombinasi dua kategori lakuan tuturan yang lain seperti kombinasi lakuan tuturan ‘direktif dengan ekspresif’ (2.50%), ‘representatif dengan komisif’ (1.25%), ‘direktif dengan komisif’ (0.83%) dan ‘representatif dengan ekspresif’ (0.42%) semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah. Manakala, kombinasi lakuan tuturan direktif dengan ekspresif (2.38%) dan

kombinasi lakuan tuturan direktif dengan komisif (2.38%) juga jarang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan rakan sebaya.

Jadual 4.11: Jumlah Kombinasi Tiga Kategori Lakuan Tuturan dalam Interaksi antara Kanak-kanak Prasekolah dan Guru

Lakuan Tuturan	Guru – Kanak-kanak		Kanak-kanak – Guru		Kanak – Kanak	
	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)
R+Dr+K	2	100	-	-	1	50
R+E+K	-	-	-	-	1	50
Jumlah	2	100	-	-	2	100

Jadual 4.11 menunjukkan jumlah penggunaan kombinasi tiga kategori lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah dan guru dalam satu giliran. Merujuk Jadual 4.11, hanya corak kombinasi tiga kategori lakuan tuturan yang terdiri daripada lakuan tuturan representatif, direktif dan komisif (100%) digunakan oleh guru semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah. Di samping itu, kanak-kanak prasekolah tidak menggunakan corak kombinasi tiga kategori lakuan tuturan semasa berinteraksi dengan guru. Manakala, corak kombinasi tiga kategori lakuan tuturan yang terdiri daripada lakuan tuturan representatif, direktif dan komisif (50%) dan lakuan tuturan representatif, ekspresif dan komisif (50%) digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan rakan sebaya dalam kelas bahasa Cina. Berdasarkan analisis terhadap hasil data yang kumpul, didapati kanak-kanak prasekolah mampu menggunakan corak kombinasi tiga kategori lakuan tuturan tetapi jarang berlaku dalam komunikasi di dalam kelas. Biasanya, kanak-kanak prasekolah lebih kerap menggunakan ujaran yang mengandungi satu kategori lakuan tuturan dalam satu giliran semasa berkomunikasi dengan guru dan rakan sebaya.

4.4.1 Jenis-jenis Lakuan Tuturan yang Digunakan dalam Interaksi antara Kanak-kanak Prasekolah dan Guru

Bahagian ini adalah rumusan mengenai jenis-jenis lakuan tuturan yang digunakan dalam interaksi antara kanak-kanak prasekolah dengan guru dan interaksi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

4.4.1.1 Jenis-jenis Lakuan Tuturan Representatif

Jadual 4.12: Jumlah Jenis-jenis Lakuan Tuturan Representatif

Lakuan Tuturan	Jenis	Guru – Kanak–Kanak	Kanak–Kanak – Guru	Kanak – Kanak
		Kekerapan	Kekerapan	Kekerapan
R	Menyatakan	156	524	280
	Memberitahu	-	101	5
	Menyimpulkan	-	-	1
	Menegaskan	31	-	1
	Menyatakan+ Menegaskan	9	-	-
Jumlah		196	625	287

Jadual 4.12 menunjukkan jenis-jenis lakuan tuturan representatif yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah dan guru. Daripada keseluruhan lakuan tuturan representatif tersebut, kategori ‘menyatakan’ mencatatkan kekerapan jenis lakuan tuturan tertinggi digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan guru mahupun rakan sebaya. Hasil kajian ini menunjukkan kanak-kanak prasekolah kerap menyatakan sesuatu semasa berkomunikasi dengan guru dan rakan sebaya. Mereka kerap menyatakan sesuatu untuk pengkongsian dan penyampaian maklumat dalam bentuk menyatakan sesuatu perkara seperti benda, peristiwa dan makanan semasa berinteraksi dengan guru ataupun rakan sebaya. Selain menggunakan jenis lakuan tuturan ‘menyatakan’, kanak-kanak prasekolah juga menggunakan jenis lakuan tuturan ‘memberitahu’ semasa berinteraksi dengan guru

dan mereka menggunakan jenis lakuan tuturan ‘memberitahu’, ‘menyimpulkan’ dan ‘menegaskan’ semasa berinteraksi dengan rakan sebaya.

Selain itu, Jadual 4.12 menunjukkan guru paling kerap menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan sesuatu dalam interaksi di antara guru dengan kanak-kanak prasekolah. Guru juga menggunakan jenis lakuan tuturan ‘menegaskan’ tetapi tidak begitu kerap dalam kelas bahasa Cina. Dengan itu, jenis lakuan tuturan lain yang dikategorikan dalam lakuan tuturan representatif, iaitu ‘memberitahu’, ‘menyimpulkan’ dan ‘menegaskan’ adalah tidak begitu kerap digunakan oleh kanak-kanak prasekolah bahkan guru jika dibandingkan dengan jenis lakuan tuturan ‘menyatakan’.

4.4.1.2 Jenis-jenis Lakuan Tuturan Ekspresif

Jadual 4.13: Jumlah Jenis-jenis Lakuan Tuturan Ekspresif

Lakuan Tuturan	Jenis	Guru – Kanak–Kanak	Kanak–Kanak – Guru	Kanak – Kanak
		Kekerapan	Kekerapan	Kekerapan
E	Memuji	7	1	1
	Mengucapkan terima kasih	-	1	-
	Mengucapkan selamat pagi	2	3	-
Jumlah		9	5	1

Berdasarkan Jadual 4.13, peratusan kanak-kanak prasekolah menggunakan lakuan tuturan ekspresif adalah rendah jika dibandingkan dengan lakuan tuturan representatif dan lakuan tuturan direktif. Perkara yang sama berlaku dalam interaksi di antara guru dengan kanak-kanak prasekolah. Guru juga tidak kerap menggunakan lakuan tuturan ekspresif dalam komunikasi di dalam kelas. Dengan itu, didapati kanak-kanak prasekolah menggunakan lakuan tuturan ekspresif untuk ‘memuji’, ‘mengucapkan terima kasih’ dan ‘mengucapkan selamat pagi’, sementara guru menggunakannya untuk ‘memuji’ dan ‘mengucapkan selamat pagi’.

4.4.1.3 Jenis-jenis Lakuan Tuturan Direktif

Jadual 4.14: Jumlah Jenis-jenis Lakuan Tuturan Direktif

Lakuan Tuturan	Jenis	Guru – Kanak–Kanak	Kanak–Kanak – Guru	Kanak – Kanak
		Kekerapan	Kekerapan	Kekerapan
Dr	Menasihati	3	-	-
	Meminta	2	46	32
	Mengarah	181	-	1
	Melarang	5	-	3
	Mencadangkan	-	6	3
	Memanggil	17	46	10
	Bertanya	120	115	67
	Membenarkan	9	-	-
	Menyuruh	1	14	61
	Mengarah+Bertanya	32	-	-
	Mengarah+Membenarkan	6	-	-
	Mengarah+Bertanya+Membenarkan	4	-	-
	Lain-lain	18	-	3
Jumlah		398	227	180

Secara keseluruhan didapati bahawa kanak-kanak prasekolah dan guru menggunakan lakuan tuturan direktif dalam perbualan harian. Hasil penemuan kajian juga memaparkan bahawa lakuan tuturan direktif adalah lakuan tuturan yang paling kerap digunakan oleh guru semasa berkomunikasi dengan kanak-kanak prasekolah.

Jenis-jenis lakuan tuturan direktif yang paling kerap digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan guru adalah 'bertanya'. Persamaan ini berlaku semasa kanak-kanak prasekolah berinteraksi dengan rakan sebaya. Mereka juga kerap bertanya semasa berinteraksi dengan rakan sebaya. Sebaliknya, guru paling kerap menggunakan jenis lakuan tuturan 'mengarah' dalam kelas bahasa Cina supaya kanak-kanak prasekolah mendengar dan mengikuti arahan yang disampaikan.

Seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.14, guru juga kerap bertanya soalan kepada kanak-kanak prasekolah semasa dalam komunikasi di kelas. Selain daripada itu, guru menggunakan jenis-jenis lakuan tuturan direktif lain iaitu 'memanggil', 'membenarkan',

‘melarang’, ‘menasihati’ dan lain-lain tetapi tidak begitu kerap jika dibandingkan dengan jenis lakuan tuturan ‘mengarah’ dan ‘bertanya’.

Dalam interaksi di antara kanak-kanak prasekolah dengan guru, kanak-kanak prasekolah juga menggunakan jenis-jenis lakuan tuturan direktif yang terdiri daripada ‘meminta’, ‘memanggil’, ‘menyuruh’ dan ‘mencadangkan’ semasa dalam kelas bahasa Cina. Manakala dalam interaksi yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak prasekolah, kanak-kanak juga menggunakan jenis-jenis lakuan tuturan direktif yang terdiri daripada ‘menyuruh’, ‘meminta’, ‘memanggil’ dan lain-lain semasa berkomunikasi dalam kelas bahasa Cina. Dengan itu, terdapat juga jenis-jenis lakuan tuturan lain yang dikategorikan dalam lakuan tuturan direktif digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan guru ataupun rakan sebaya tetapi tidak kerap jika dibandingkan dengan jenis lakuan tuturan ‘bertanya’.

4.4.1.4 Jenis-jenis Lakuan Tuturan Komisif

Jadual 4.15: Jumlah Jenis-jenis Lakuan Tuturan Komisif

Lakuan Tuturan	Jenis	Guru – Kanak-Kanak	Kanak-Kanak – Guru	Kanak – Kanak
		Kekerapan	Kekerapan	Kekerapan
K	Berjanji	1	-	-
	Menawarkan	-	-	2
	Menawarkan diri	-	-	2
Jumlah		1	-	4

Perkara yang menarik dalam penemuan penggunaan lakuan tuturan komisif, di mana didapati kanak-kanak prasekolah tidak menggunakan lakuan tuturan komisif semasa berkomunikasi dengan guru, sebaliknya menggunakannya semasa berinteraksi dengan rakan sebaya. Selain itu, jadual tersebut menunjukkan guru tidak kerap menggunakan lakuan tuturan komisif semasa menggunakan satu kategori lakuan tuturan dalam satu

giliran. Berdasarkan data yang dikumpul, kanak-kanak prasekolah tidak melakukan sebarang janji semasa berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya, mereka menggunakan lakuan tuturan komisif untuk tujuan ‘menawarkan’ dan ‘menawarkan diri’.

4.4.1.5 Penggunaan Satu Kategori Lakuan Tuturan

Dalam penggunaan satu kategori lakuan tuturan, lakuan tuturan representatif merupakan lakuan tuturan yang paling kerap digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya. Manakala, guru paling kerap menggunakan lakuan tuturan direktif dalam interaksi dengan kanak-kanak prasekolah. Berikut disenaraikan beberapa contoh yang membincangkan mengenai perbezaan penggunaan lakuan tuturan oleh kanak-kanak prasekolah dan guru semasa berinteraksi.

Data 85

R1: Guru mengajar mengenai tema ladang dan haiwan.

Barisan	Penutur	Deskripsi/Kandungan	Corak Lakuan Tuturan	Jenis
54.	K6	老师，做么有东西的？ Lǎo shī, zuò me yǒu dōng xī de? <i>Cikgu, kenapa ada benda de?</i> 【Dr: Cikgu, kenapa ada benda?】	Direktif	Bertanya
55.	G	白板这个东西是你们这个星期的手工。 Bái bǎn zhè ge dōng xī shì nǐ men zhè ge xīng qī de shǒu gōng. <i>Papan putih ini benda adalah kamu ini minggu punya kerja kraftangan.</i> 【R: Benda di papan putih ini adalah kerja kraftangan kamu semua untuk minggu ini.】	Representatif	Menyatakan

Data 85 menunjukkan perbezaan penggunaan lakuan tuturan direktif ‘bertanya’ dalam interaksi sesama kanak-kanak prasekolah dengan interaksi bersama guru dalam kelas bahasa Cina. Ujaran K6 “Cikgu, kenapa ada benda?” merupakan ayat tanya, K6 bertanya

soalan kepada guru kenapa terdapat benda di situ (barisan 54). Lakuan tuturan direktif digunakan oleh K6 untuk bertanya sesuatu kepada guru. Selepas itu, guru menyatakan bahawa benda yang ada di papan putih adalah kerja kraftangan yang perlu dibuat minggu ini. Guru menjawab soalan yang ditanya K6 dengan menyatakan benda tersebut adalah kerja seni yang perlu dibuatkan. Ujaran dalam barisan 54 menunjukkan K6 menggunakan jenis lakuan tuturan bertanya kepada guru dengan cara menyoal. Kata soal ‘做么 - zuò me’ atau ‘kenapa’ digunakan oleh K6 untuk mendapatkan tindak balas guru untuk menyampaikan maklumat tentang benda yang ditanya.

Data 86

R1: Guru mengajar mengenai tema ladang dan haiwan.

127.	G	<p>你不会你可以找这个是鸡字，这个是鸭字。然后你还要会读这个句子，这个句子也是我们在课本上有读过的。跟着老师念一次，母鸡会生蛋。</p> <p>Nǐ bù huì nǐ kě yǐ zhǎo zhè ge shì jī zì, zhè ge shì yā zì. Rán hòu nǐ hái yào huì dú zhè ge jù zì, zhè ge jù zì yě shì wǒ men zài kè běn shàng yǒu dú guò de. Gēn zhe lǎo shī niàn yī cì, mǔ jī huì shēng dàn.</p> <p><i>Kamu tidak tahu kamu boleh cari ini adalah ayam perkataan, ini adalah itik perkataan. Kemudian kamu perlu tahu baca ini ayat, ini ayat juga kita di buku teks pernah baca de. Ikut guru baca satu kali, ayam betina tahu bertelur.</i></p> <p>【R: Kamu tidak tahu kamu boleh cari perkataan ini adalah ayam, ini adalah perkataan itik. Kemudian kamu perlu tahu baca ayat ini, ayat ini juga kita pernah baca di buku teks.】 【Dr: Ikut guru baca satu kali, ayam betina tahu bertelur.】</p>	Representatif → Direktif	Menyatakan → Mengarah
128.	KK	<p>母鸡会生蛋。</p> <p>Mǔ jī huì shēng dàn.</p> <p>【R: Ayam betina tahu bertelur.】</p>	Representatif	Menyatakan
129.	G	<p>母鸡生？这样子母鸡会生什么？</p> <p>Mǔ jī shēng? Zhè yàng zǐ mǔ jī huì shēng shén me?</p> <p>【Dr: Ayam betina bertelur? Macam ini ayam betina bertelur apa?】</p>	Direktif	Bertanya
130.	K1	<p>鸡蛋。</p> <p>Jī dàn.</p> <p>【R: Telur ayam.】</p>	Representatif	Menyatakan

131.	G	鸡蛋, 去找哪一个是鸡蛋。第一个还是第二个还是第三个? Jī dàn, qù zhǎo nǎ yī gè shì jī dàn. Dì yī gè hái shì dì èr gè hái shì dì sān gè? 【Dr: Telur ayam, pergi cari mana satu telur ayam.】 【Dr: Yang pertama atau yang kedua atau yang ketiga?】	Direktif	Mengarah → Bertanya
132.	K3	第二个。 Dì èr gè. 【R: Yang kedua.】	Representatif	Menyatakan

Dalam Data 86, ujaran guru dalam barisan 127 mengandungi dua ayat iaitu ayat penyata “Kamu tidak tahu kamu boleh cari perkataan ini adalah ayam, ini adalah perkataan itik. Kemudian kamu perlu tahu baca ayat ini, ayat ini juga kita pernah baca di buku teks.” dan ayat arahan “Ikut guru baca satu kali, ayam betina tahu bertelur”. Kombinasi lakuan tuturan representatif dengan direktif digunakan oleh guru semasa berinteraksi dengan kanak-kanak, iaitu kombinasi jenis lakuan tuturan menyatakan dengan mengarah. Kanak-kanak mengikuti arahan guru dengan menyatakan “Ayam betina tahu bertelur”.

Selepas itu, ayat tanya wujud dalam ujaran guru “Ayam betina bertelur? Macam ini ayam betina bertelur apa?” yang menggunakan lakuan tuturan direktif untuk bertanya soalan kepada kanak-kanak. Dalam barisan 130, K1 telah menyatakan jawapan yang betul iaitu telur ayam. Seterusnya, lakuan tuturan direktif yang digunakan oleh guru mengandungi dua jenis lakuan tuturan iaitu ‘mengarah’ dan ‘bertanya’ dalam ujaran guru, ayat arahan “Telur ayam, pergi cari mana satu telur ayam.” dengan ayat tanya “Yang pertama atau yang kedua atau yang ketiga?”. K3 menjawab soalan guru dengan menyatakan bahawa ia adalah yang kedua.

Guru menyoal kanak-kanak dengan tujuan untuk memastikan murid faham dengan kandungan pengajaran yang disampaikan dan meningkatkan pembelajaran murid. Oleh itu, pernyataan kanak-kanak berupa respons lisan yang dapat menjelaskan kefahaman kanak-

kanak terhadap kandungan pengajaran yang disampaikan guru. Penggunaan lakuan tuturan di antara kanak-kanak prasekolah dengan guru wujud perbezaan kerana peranan mereka di tadika adalah berbeza. Selain itu, lakuan tuturan representatif yang digunakan oleh guru pada mulanya (barisan 127) adalah bertujuan untuk memberi pengajaran kepada kanak-kanak, dan pernyataan yang dituturkan adalah benar.

Data 87

R5: K1 bermain permainan yang berkaitan dengan kegunaan anggota badan dan K2 bermain permainan matematik.

410.	K2	诶, K1, 这个放手链的东西叻。 Éi, K1, zhè ge fàng shǒu liàn de dōng xī le. <i>Ei, K1, ini letak rantai tangan punya benda le.</i> 【R: Ei, K1, benda ini adalah untuk letak rantai tangan. 】	Representatif	Menyatakan
411.	K1	不是。 Bù shì. 【R: Bukan. 】	Representatif	Menyatakan
412.	K2	是什么? Shì shén me? <i>Ialah apa?</i> 【Dr: Apa ini? 】	Direktif	Bertanya
413.	K1	这个是蛋。 Zhè ge shì dàn. 【R: Ini ialah telur. 】	Representatif	Menyatakan
414.	K2	这个是真的蛋啊? Zhè ge shì zhēn de dàn a? <i>Ini ialah sebenar punya telur ah?</i> 【Dr: Ini ialah telur sebenar? 】	Direktif	Bertanya
415.	K1	不是, 不是。 Bù shì, bù shì. 【R: Bukan, bukan. 】	Representatif	Menyatakan
416.	K2	是熟的啊? Shì shú de a? <i>Adalah masak punya ah?</i> 【Dr: Adalah yang masak? 】	Direktif	Bertanya

417.	K1	它在那些热的。 Tā zài nà xiē rè de. <i>Ia di sana panas de.</i> 【R: Ia di sana yang panas.】	Representatif	Menyatakan
------	----	---	---------------	------------

Data 87 menunjukkan interaksi antara K1 dan K2 semasa mereka sedang bermain mainan. K1 sedang bermain mainan teka-teki manakala K2 sedang bermain mainan matematik. Ujaran K2 “Ei, K1, benda ini adalah untuk letak rantai tangan.” menyatakan bahawa manik bulat yang digunakan adalah untuk membuat rantai tangan. K1 menyatakan “Bukan.” kepada K2. Penggunaan lakuan tuturan K1 dan K2 adalah lakuan tuturan representatif untuk menyatakan kebenaran yang dipercayai mereka. Ujaran K2 yang ingin mengetahui tentang benda tersebut dan lakuan tuturan direktif digunakan oleh K2 untuk bertanya K1. K1 menyatakan bahawa benda tersebut adalah telur. Penyataan yang dituturkan oleh K1 telah membuatkan K2 meneruskan pertanyaan kepada K1. Ujaran K2 “Ini ialah telur sebenar?” dan K1 menyatakan bahawa “Bukan, bukan”. Seterusnya, K2 bertanya K1 mengenai manik bulat tersebut. K1 menyatakan bahawa “Ia di sana yang panas”.

Di dalam kelas, jenis lakuan tuturan bertanya kerap wujud dalam interaksi kerana keinginan kanak-kanak bertanya sesuatu benda yang baru atau tidak difahami, manakala guru sering bertanya soalan semasa berinteraksi di kelas supaya mereka menjawab soalan yang ditanya. Dengan itu, guru dapat mengetahui pemahaman kanak-kanak terhadap apa yang telah diajar.

Selain itu, data tersebut telah menunjukkan lakuan tuturan representatif yang digunakan oleh K1 mengikat kebenaran yang diketahui dan dipercayai oleh K1. Lakuan tuturan representatif berfungsi sebagai pemberitahuan dan perkongsian maklumat kepada rakan sebayanya. Walaupun benda tersebut adalah manik bulat, pemahaman K1 terhadap

benda tersebut adalah tidak sama dengan pernyataan K2 dan juga bukan erti sebenarnya. Berdasarkan kajian Norajihah Muda dan Raja Masittah Raja Ariffin (2014), sudut pandangan kanak-kanak adalah berbeza dengan orang dewasa. Kanak-kanak mempunyai sudut pandangan yang berbeza dengan kefahaman pendengar dewasa, dan mereka mempunyai sudut pandangan yang berbeza berdasarkan konteks pemahaman kanak-kanak tersebut. Manakala lakuan tuturan representatif yang digunakan oleh guru adalah untuk membawa maklumat yang baru ataupun benar kepada kanak-kanak. Oleh itu, guru perlu berhati-hati ketika menggunakan ujaran untuk menyatakan sesuatu terutamanya semasa dalam pengajaran.

Data 88

R1: K1 berhingus semasa membuat latihan.

263.	K1	老师，我要 tissue。 Lǎo shī, wǒ yào tissue. 【Dr: Cikgu, saya mahu tisu.】	Direktif	Meminta
264.	G	你要 tissue 啊。Tissue。 Nǐ yào tissue a. Tissue. <i>Kamu mahu tisu ah. Tisu.</i> 【R: Kamu mahu tisu. Tisu.】	Representatif	Menegaskan

Data 88 menunjukkan lakuan tuturan direktif digunakan oleh kanak-kanak prasekolah dalam interaksi. Berdasarkan Data 88, ia menunjukkan lakuan tuturan direktif ‘meminta’ digunakan oleh kanak-kanak semasa berinteraksi dengan guru. K1 meminta tisu daripada guru (barisan 263), lakuan tuturan direktif digunakan dalam ujaran K1. Selepas guru mendengar permintaan K1, guru memberi tisu kepada K1 (barisan 264) dengan menggunakan lakuan tuturan representatif yang menegaskan “Kamu mahu tisu. Tisu”. Kanak-kanak sering menggunakan lakuan tuturan direktif iaitu meminta untuk mendapat

sesuatu atau persetujuan daripada guru. Selain itu, dua bahasa yang berlainan digunakan dalam ujaran K1 iaitu bahasa Cina dan bahasa Inggeris.

Berdasarkan beberapa data (Data 63, Data 76, Data 78 dan lain-lain) yang ditunjukkan sebelum ini, berlakunya peralihan kod dalam dua bahasa yang berlainan semasa kanak-kanak prasekolah berinteraksi dengan guru ataupun rakan sebayanya. Kajian ini menunjukkan kanak-kanak prasekolah pada peringkat umur 5 tahun dapat bertutur lebih daripada satu bahasa, ada kalanya mereka juga menggunakan unsur berbilang bahasa semasa dalam perbualan. Peralihan kod merupakan penggunaan lebih daripada satu bahasa, atau gaya bahasa dalam perbualan. Ia adalah cara hidup dalam konteks Malaysia di mana penutur memiliki kecenderungan untuk menggunakan lebih daripada satu bahasa semasa berkomunikasi (Kuang et al., 2006).

Data 89

R2: K1, K2, K3 dan K8 bermain masak-masak.

425.	K2	给我一下这个。 Gěi wǒ yī xià zhè ge. <i>Bagi saya sekejap ini.</i> 【Dr: Ini bagi saya sekejap.】	Direktif	Meminta
426.	K1	(Tidak memberi K2)		

Dalam interaksi semasa kanak-kanak prasekolah, konteks ditunjukkan dalam Data 89, iaitu semasa kanak-kanak bermain masak-masak selepas siap membuat latihan. K2 ingin meminta sesuatu daripada K1 dengan menggunakan lakuan tuturan direktif. Tujuan lakuan tuturan direktif ‘meminta’ digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan guru atau rakan sebaya merupakan hasrat yang ditunjukkan oleh kanak-kanak tersebut yang menginginkan guru dan rakan sebaya melakukan sesuatu. Niat

pengucapan kanak-kanak yang menggunakan lakuan tuturan meminta dijadikan alasan kepada guru dan rakan sebaya melaksanakan apa yang diujarkan oleh kanak-kanak tersebut.

Data 90

R5: Guru meminta kanak-kanak membuat kerja seni.

464.	G	还要多一个人来剪。 Hái yào duō yī gè rén lái jiǎn. 【Dr: Masih memerlukan seorang datang untuk gunting.】	Direktif	Meminta
465.	K1	老师，手没有了。 Lǎo shī, shǒu méi yǒu le. <i>Cikgu, tangan tidak ada le.</i> 【R: Cikgu, sudah tidak ada tangan.】	Representatif	Menyatakan
466.	G	谁还没有剪的, 举手。全部都剪了啊? Shéi hái méi yǒu jiǎn de, jǔ shǒu. Quán bù rén dōu jiǎn le a? <i>Siapa masih belum gunting de, angkat tangan. Semua orang juga gunting le ah?</i> 【Dr: Siapa masih belum gunting, angkat tangan.】 【Dr: Semua orang juga sudah gunting?】	Direktif	Mengarah → Bertanya
467.	K3	他们也是还没有剪。 Tā men yě shì hái méi yǒu jiǎn. 【R: Mereka juga masih belum gunting.】	Representatif	Memberitahu
468.	K2	周老师，我也是还没有剪。 Zhōu lǎo shī, wǒ yě shì hái méi yǒu jiǎn. 【R:Cikgu Chew, saya juga masih belum gunting.】	Representatif	Memberitahu
469.	K1	我们也是还没剪。 Wǒ men yě shì hái méi jiǎn. 【R: Kita juga masih belum gunting.】	Representatif	Memberitahu

Dalam data 90, guru meminta seorang kanak-kanak membuat kerja seni dengan ujaran “Masih memerlukan seorang datang untuk gunting”. Pada masa itu, K1 menyatakan sesuatu kepada guru tentang mainan yang dia sedang bermain (barisan 465). Lakuan tuturan direktif (barisan 466) yang digunakan oleh guru mengandungi dua jenis lakuan tuturan, iaitu ‘mengarah’ dengan ‘bertanya’ dalam ujarannya. Ayat imperatif “Siapa masih

belum gunting, angkat tangan.” dan ayat tanya “Semua orang juga sudah gunting?”. Barisan 464 dan barisan 466 telah menunjukkan penukaran penggunaan lakuan tuturan oleh guru iaitu dari jenis lakuan tuturan meminta (barisan 464) kepada jenis lakuan tuturan mengarah bersama dengan bertanya (barisan 466). Selepas itu, K3 memberitahu guru bahawa “Mereka juga masih belum gunting.”, manakala K2 memberitahu guru bahawa dia masih belum gunting (barisan 468) serta ujaran K1 “Kita juga masih belum gunting.” yang memberitahu bahawa dia dengan K2 masih belum gunting kertas tersebut dalam barisan 469. Lakuan tuturan representatif yang digunakan oleh K3, K2 dan K1 adalah untuk menjawab pertanyaan guru.

Berdasarkan data yang dikumpul, didapati guru jarang menggunakan lakuan tuturan meminta tetapi kerap menggunakan lakuan tuturan mengarah dalam penggunaan lakuan tuturan direktif. Oleh itu, wujud perbezaan dalam jenis lakuan tuturan yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah dan guru. Hal ini kerana guru merupakan seorang pengajar yang bertugas menyebarkan ilmu dan kanak-kanak yang diajar perlu menghormati dan mengikut arahan yang diberikan oleh guru. Guru telah menggunakan status sosial guru yang lebih tinggi daripada kanak-kanak prasekolah dalam konteks komunikasi di kelas, menyebabkan arahan yang diberikan bukan dalam bentuk permintaan dan perlu lebih tegas seperti yang ditunjukkan dalam data ini dan juga data-data yang telah dibincangkan seperti Data 1, iaitu dalam situasi semasa guru memberi arahan kepada kanak-kanak untuk meletakkan balik buku latihan mereka.

Status sosial guru sebagai pihak yang paling berkuasa di dalam kelas adalah salah satu sebab yang baik bagi kanak-kanak prasekolah untuk mengubah suai bahasa mereka ketika berkomunikasi dengan guru mereka. Selain itu, penggunaan lakuan tuturan guru adalah berbeza dengan kanak-kanak prasekolah. Peranan hubungan sosial, situasi, umur

dan pangkat penutur dan tujuan penutur menggunakan jenis lakuan tuturan meminta yang berkaitan dengan fungsi dan bentuk adalah kerap dikaji secara mendalam oleh pengkaji lain (Ogiermann, 2015; Takada & Endo, 2015; Özge Gül, 2014).

Data 91

R5: Guru mengarah K1 membuat kerja seni.

478.	K1	我懂了。 Wǒ dǒng le. <i>Saya faham le.</i> 【R: Saya sudah faham.】	Representatif	Menyatakan
479.	G	会了吗? 会了哦, 就收那些 button, 然后去剪。 Huì le ma? Huì le ó, jiù shōu nà xiē button, rán hòu qù jiǎn. <i>Tahu le ma? Tahu le oh, pergi simpankan itu butang, kemudian pergi gunting.</i> 【Dr: Sudah tahu?】 【Dr: Sudah tahu, pergi simpankan butang itu, kemudian pergi gunting.】	Direktif	Bertanya → Mengarah

Penggunaan lakuan tuturan direktif yang terdiri daripada jenis lakuan tuturan mengarah dan bertanya telah berlaku dalam interaksi di antara guru dengan kanak-kanak prasekolah. Semasa guru berinteraksi dengan kanak-kanak, guru telah mengekspresikan arahan dan juga pertanyaan kepada kanak-kanak.

Berdasarkan Data 91, penggunaan lakuan tuturan representatif oleh K1 untuk menyatakan dia telah faham. Ujaran guru (barisan 479) “Sudah tahu? Sudah tahu, pergi simpankan butang itu, kemudian pergi gunting” mengandungi dua ayat iaitu ayat interogatif “Sudah tahu?” dan ayat imperatif “Sudah tahu, pergi simpankan butang itu, kemudian pergi gunting”. Guru menggunakan dua jenis lakuan tuturan iaitu ‘bertanya’ dan ‘mengarah’ yang dikategorikan sebagai lakuan tuturan direktif dalam ujarannya.

Manakala Data 90 adalah dalam keadaan semasa guru meminta kanak-kanak membuat kerja seni. Dalam barisan 466, ujaran guru “Siapa masih belum gunting, angkat tangan. Semua orang juga sudah gunting?” yang mengandungi dua jenis lakuan tuturan iaitu ‘mengarah’ dan ‘bertanya’ dikategorikan sebagai lakuan tuturan direktif. Ayat imperatif “Siapa masih belum gunting, angkat tangan.” yang mengarah orang yang belum gunting mengangkat tangan, dan ayat interogatif “Semua orang juga sudah gunting?” dituturkan untuk bertanya kepada kanak-kanak bahawa sesiapa yang belum gunting kerja seni yang telah diberikan.

Hasil analisis data yang dikumpul menunjukkan dalam interaksi di kelas, kanak-kanak prasekolah tidak menggunakan lakuan tuturan bertanya dan mengarah pada ujaran yang sama semasa berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya kerana peranan guru adalah berbeza dengan kanak-kanak prasekolah. Selain itu, kanak-kanak prasekolah lebih kerap menggunakan lakuan tuturan direktif yang hanya mengandungi satu jenis lakuan tuturan, terutamanya jenis lakuan tuturan bertanya semasa berinteraksi dengan guru ataupun rakan sebaya.

4.4.2 Jenis-jenis Kombinasi Dua Kategori Lakuan Tuturan yang Digunakan dalam Interaksi antara Kanak-kanak Prasekolah dan Guru

Jadual 4.16: Jumlah Jenis-jenis Lakuan Tuturan yang Kombinasi dari Dua Kategori Lakuan Tuturan

Lakuan Tuturan	Jenis	Guru – Kanak–Kanak	Kanak–Kanak – Guru	Kanak – Kanak
		Kekerapan	Kekerapan	Kekerapan
R+Dr	Menyatakan+Mencadangkan	-	-	3
	Menyatakan+Menyuruh	1	1	17
	Menyatakan+Mengarah	66	-	-
	Menyatakan+Bertanya	60	6	11
	Menegaskan+Mengarah	7	-	-
	Menegaskan+Bertanya	21	-	-
	Menyatakan+Menegaskan+Bertanya	4	-	-
	Menyatakan+Mengarah+Bertanya	27	-	-
	Menegaskan+Mengarah+Bertanya	7	-	-
Lain-lain	35	3	9	
Jumlah		228	10	40
R+E	Menyatakan+Memuji	1	-	-
Jumlah		1	-	-
R+K	Menyatakan+Berjanji	2	-	-
	Menegaskan+Berjanji	1	-	-
Jumlah		3	-	-
Dr+E	Mengarah+Memuji	1	-	-
	Bertanya+Memuji	3	-	-
	Menyuruh+Memohon maaf	-	-	1
	Mengarah+Mengucapkan selamat pagi	1	-	-
	Mengarah+Memberi amaran+Memuji	1	-	-
Jumlah		6	-	1
Dr+K	Mengarah+Berjanji	1	-	-
	Bertanya+ Berjanji	1	-	-
	Menyuruh+Menawarkan diri	-	-	1
Jumlah		2	-	1

Secara keseluruhan, jadual di atas jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah jarang menggunakan corak kombinasi yang terdiri daripada dua lakuan tuturan dalam ujaran semasa berkomunikasi dengan guru ataupun rakan sebaya. Jika dibandingkan guru dengan kanak-kanak prasekolah, guru lebih kerap menggunakan corak kombinasi dua kategori lakuan tuturan yang berbeza dalam satu giliran semasa bertutur, terutamanya

kombinasi lakuan tuturan representatif dan direktif semasa menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran.

Corak kombinasi lakuan tuturan representatif dengan direktif kerap digunakan oleh guru dalam interaksi di antara guru dengan kanak-kanak prasekolah. Guru kerap menggunakan corak kombinasi jenis lakuan tuturan ‘menyatakan dan mengarah’ dan kombinasi jenis lakuan tuturan ‘menyatakan dan bertanya’ semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah. Manakala, kekerapan penggunaan corak kombinasi lakuan tuturan lain seperti kombinasi lakuan tuturan ‘representatif dengan ekspresif’, ‘representatif dengan komisif’, ‘direktif dengan ekspresif’ dan ‘direktif dengan komisif’ adalah rendah dalam interaksi di antara guru dengan kanak-kanak prasekolah.

Jadual 4.16 menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah lebih kerap menggunakan corak kombinasi lakuan tuturan representatif dengan direktif, iaitu peratusan sebanyak 100% (Jadual 4.10) semasa berinteraksi dengan guru dan sebanyak 95.24% (Jadual 4.10) semasa berinteraksi dengan rakan sebaya jika dibandingkan dengan corak kombinasi yang terdiri daripada dua lakuan tuturan lain seperti kombinasi lakuan tuturan direktif dengan ekspresif dan kombinasi lakuan tuturan direktif dengan komisif. Perkara yang sama berlaku dalam interaksi di antara guru dengan kanak-kanak prasekolah, di mana guru juga lebih kerap menggunakan corak kombinasi lakuan tuturan representatif dengan direktif semasa berkomunikasi dengan kanak-kanak prasekolah.

Dalam interaksi di antara kanak-kanak prasekolah dengan guru, kanak-kanak prasekolah kerap menggunakan corak kombinasi lakuan tuturan representatif dan direktif yang terdiri daripada ‘menyatakan dengan bertanya’ semasa berinteraksi dengan guru. Manakala dalam interaksi yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak prasekolah, kanak-

kanak kerap menggunakan corak kombinasi lakuan tuturan representatif dan direktif yang terdiri daripada ‘menyatakan dengan menyuruh’ dan ‘menyatakan dengan bertanya’ dalam kelas bahasa Cina. Walaupun begitu, terdapat juga corak kombinasi lain yang dikategorikan dalam kombinasi lakuan tuturan representatif dan direktif yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan guru ataupun rakan sebaya tetapi kekerapan penggunaan adalah rendah.

Berdasarkan Jadual 4.16, guru lebih kerap menggunakan corak kombinasi dua kategori lakuan tuturan, terutamanya kombinasi lakuan tuturan representatif dengan direktif. Manakala kanak-kanak prasekolah jarang menggunakan corak kombinasi dua kategori lakuan tuturan semasa mereka berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya. Ini kerana pemerolehan bahasa dan perkembangan bahasa kanak-kanak masih berlaku pada peringkat umur mereka (Piaget, 1964; Jalongo, 1992; Saxton, 2017).

4.4.2.1 Penggunaan Kombinasi Dua Kategori Lakuan Tuturan yang Berbeza

Data 92 hingga Data 95 membincangkan mengenai corak kombinasi lakuan tuturan yang terdiri daripada dua lakuan tuturan yang berbeza, iaitu lakuan tuturan representatif dengan direktif yang digunakan oleh guru dan kanak-kanak.

Data 92

R4: Guru bertanya soalan kepada kanak-kanak semasa mengajar.

Barisan	Penutur	Deskripsi/Kandungan	Corak Lakuan Tuturan	Jenis
35.	G	问了哦，我在白板问了你。K3，十七小还是十六小？十七小还是十六小？ Wèn le ó, wǒ zài bái bǎn wèn le nǐ. K3, shí qī xiǎo hái shì shí liù xiǎo? Shí qī xiǎo hái shì shí liù xiǎo? <i>Tanya le oh, saya di papan putih tanya le kamu. K3, tujuh belas kecil atau enam belas kecil? Tujuh belas kecil atau enam belas kecil?</i> 【 R: Sudah tanya, saya sudah tanya kamu (K2) di papan putih. 】 【Dr: K3, tujuh belas kecil atau enam belas kecil? Tujuh belas kecil atau enam belas kecil? 】	Representatif → Direktif	Menyatakan → Bertanya
36.	K3	十六小。 Shí liù xiǎo. 【R: Enam belas kecil. 】	Representatif	Menyatakan
37.	G	对。到 K1, 十二小还是十九小？ Duì. Dào K1, shí èr xiǎo hái shì shí jiǔ xiǎo? 【 R: Betul. 】 【Dr: Giliran K1, dua belas kecil atau sembilan belas kecil? 】	Representatif → Direktif	Menegaskan → Bertanya
38.	K1	十二。 Shí èr. 【R: Dua belas. 】	Representatif	Menyatakan

Dalam Data 92, ujaran dalam barisan 35 menunjukkan kombinasi lakuan tuturan representatif dengan direktif digunakan oleh guru dengan menyatakan bahawa dia telah bertanya soalan kepada K2 di papan putih dan kemudian bertanya soalan kepada K3. K3 menggunakan lakuan tuturan representatif dengan menyatakan bahawa jawapan adalah enam belas. Guru menegaskan bahawa jawapan yang diberikan oleh K3 adalah betul dan terus bertanya soalan kepada K1. Guru menggunakan kombinasi lakuan tuturan yang sama dalam ujaran barisan 35 dan barisan 37, iaitu lakuan tuturan representatif dengan direktif. Dalam barisan 38, K1 menyatakan bahawa jawapan adalah dua belas.

Kombinasi lakuan tuturan representatif dengan direktif digunakan oleh guru seperti contoh yang ditunjukkan dalam Data 92. Guru kerap menggunakan kombinasi begini dalam interaksi kerana keperluan pertanyaan digunakan dalam kelas sebagai interaksi di antara guru dengan kanak-kanak prasekolah di kelas semasa guru sedang mengajar, manakala pernyataan dituturkan oleh guru untuk memberi maklumat benar dan tepat kepada kanak-kanak di kelas.

Data 93

R3: Kanak-kanak membuat latihan yang diberikan oleh guru.

360.	K1	<p>老师，鱼有这么多笔画的？老师，鱼有很多笔画。</p> <p>Lǎo shī, yú yǒu zhè me duō bǐ huà de? Lǎo shī, yú yǒu hěn duō bǐ huà.</p> <p><i>Cikgu, ikan ada begitu banyak bilangan lejang de? Cikgu, ikan ada banyak bilangan lejang.</i></p> <p>【 Dr: Cikgu, ikan ada begitu banyak bilangan lejang? 】 【 R: Cikgu, ikan ada banyak bilangan lejang. 】</p>	<p>Direktif → Representatif</p>	<p>Bertanya → Menyatakan</p>
361.	G	<p>鱼啊，有这边可以数到的地方有八画。</p> <p>Yú a, yǒu zhè biān kě yǐ shù dào dì dì fāng yǒu bā huà.</p> <p><i>Ikan ah, ada sini dapat kira punya tempat terdapat lapan lejang.</i></p> <p>【 R: Ikan, tempat boleh dikira dari sini terdapat lapan lejang. 】</p>	<p>Representatif</p>	<p>Menyatakan</p>

Situasi di dalam Data 93 berlaku semasa kanak-kanak sedang membuat latihan yang diberikan oleh guru. K1 mendapati ikan mempunyai banyak bilangan lejang dan menggunakan kombinasi jenis lakuan tuturan bertanya dan menyatakan kepada guru bahawa ikan terdapat banyak bilangan lejang. Ayat interogatif “Cikgu, ikan ada begitu banyak bilangan lejang?” adalah lakuan tuturan direktif untuk bertanya kepada guru, dan ayat deklaratif “Cikgu, ikan ada banyak bilangan lejang.” adalah lakuan tuturan representatif yang digunakan oleh K1 untuk menyatakan bahawa ikan terdapat banyak

bilangan lejang. Guru menjawab dengan menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyatakan bahawa ikan terdapat lapan lejang. Dalam tulisan Cina, setiap perkataan mempunyai bilangan lejang yang telah ditetapkan seperti perkataan ‘*魚 - yú*’ (ikan) terdapat lapan lejang (ノフ | フー | 一一).

Berdasarkan data yang dikumpul, kanak-kanak prasekolah tidak kerap menggunakan corak lakuan tuturan yang sama dengan guru disebabkan peranan sebagai seorang murid adalah berbeza dengan guru. Walaupun kanak-kanak menggunakan lakuan tuturan bertanya, seperti yang pernah dibincangkan sebelum ini, kajian telah menunjukkan bahawa tujuan penggunaan di antara kanak-kanak prasekolah dan guru adalah berbeza. Selain itu, kanak-kanak prasekolah masih tidak peka menggunakan kombinasi lakuan tuturan yang terdiri daripada dua lakuan tuturan yang berbeza.

Data 94

R1: K2 dan K4 bermain catur tikus, kucing dan keju.

432.	K4	<p>到我了。一三三四五。走到这边，你可以上去了。</p> <p>Dào wǒ le. Yī èr sān sì wǔ. Zǒu dào zhè biān, nǐ kě yǐ shàng qù le.</p> <p><i>Giliran saya le. Satu dua tiga empat lima. Jalan sampai ke sini, kamu boleh naik ke atas le.</i></p> <p>【 R: Giliran saya. Satu dua tiga empat lima. 】 【 Dr: Jalan sampai ke sini, kamu sudah boleh naik ke atas. 】</p>	<p>Representatif → Direktif</p>	<p>Menyatakan → Menyuruh</p>
433.	K2	<p>一三三四五。</p> <p>Yī èr sān sì wǔ.</p> <p>【 R: Satu dua tiga empat lima. 】</p>	<p>Representatif</p>	<p>Menyatakan</p>

Data 94 menunjukkan kombinasi lakuan tuturan representatif dengan direktif yang digunakan oleh kanak-kanak semasa berinteraksi dengan rakan sebaya. Kombinasi jenis lakuan tuturan menyatakan dengan menyuruh juga digunakan oleh kanak-kanak semasa di

bilik darjah. Manakala guru lebih kerap menggunakan kombinasi jenis lakuan tuturan ‘menyatakan dan mengarah’ dan ‘menyatakan dan bertanya’.

Dalam data tersebut, K4 menyatakan “Giliran saya. Satu dua tiga empat lima.” dengan menggunakan lakuan tuturan representatif dan tuturan seterusnya K4 “Jalan sampai ke sini, kamu sudah boleh naik ke atas.” yang menyuruh K2 bahawa catur yang dimiliki K2 boleh naik ke atas jika sampai ke tempat yang ditunjukkan. Selepas itu, Ujaran K2 “Satu dua tiga empat lima.” yang menyatakan bahawa catur dia telah bergerak lima langkah. Ujaran K4 dalam barisan 432 menunjukkan penggunaan kombinasi jenis lakuan tuturan menyatakan dengan menyuruh oleh kanak-kanak prasekolah dalam interaksi sosial yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak prasekolah semasa bermain dalam kelas bahasa Cina.

Data 95

R5: Guru berdiri di belakang K1 untuk membantu K1 yang sedang bermain mainan.

473.	G	你剪了吗? Nǐ jiǎn le ma? <i>Kamu gunting le ma?</i> 【Dr: Kamu sudah gunting?】	Direktif	Bertanya
474.	K1	还没。 Hái méi. 【R: Masih belum.】	Representatif	Menyatakan
475.	G	你做完了这个，你去剪。这个他需要到椅子罢了。 Nǐ zuò wán liǎo zhè ge, nǐ qù jiǎn. Zhè ge tā xū yào dào yǐ zi bà le. <i>Kamu buat habis le ini, kamu pergi gunting. Ini dia perlu kerusi ba le.</i> 【Dr: Kamu sudah buat habis ini, kamu pergi gunting.】 【R: Dia hanya perlu kerusi sahaja.】	Direktif → Representatif	Mengarah → Menyatakan
476.	K1	也是这个哦。 Yě shì zhè ge ó. <i>Juga ini oh.</i> 【R: Ini juga.】	Representatif	Menyatakan

Data 95 menunjukkan corak kombinasi lakuan tuturan yang sama tetapi jenis lakuan tuturan mengarah dan menyatakan digunakan oleh guru semasa berinteraksi dengan kanak-kanak. Dalam barisan 473, lakuan tuturan direktif digunakan oleh guru untuk bertanya tentang kerja seni dengan ujaran “Kamu sudah gunting?”. K1 menyatakan bahawa dia masih belum gunting. Kombinasi lakuan tuturan direktif dengan representatif telah digunakan dalam ujaran guru “Kamu sudah buat habis ini, kamu pergi gunting. Dia hanya perlu kerusi sahaja”. Ayat imperatif “Kamu sudah buat habis ini, kamu pergi gunting.” dan ayat deklaratif “Dia hanya perlu kerusi sahaja.” merupakan lakuan tuturan yang berlainan digunakan dalam ujaran guru (barisan 475). Selepas mendengar ujaran yang disampaikan oleh guru, K1 menggunakan lakuan tuturan representatif dengan menyatakan “Ini juga”. Dalam data tersebut, guru mengarah K1 menggantung kerja seni selepas habis bermain dan juga mengajar K1 mengenai mainan yang sedang dimainkan oleh K1 pada masa yang sama. Guru telah menggunakan kombinasi lakuan tuturan direktif dengan representatif untuk tujuan memberi arahan dan menyatakan sesuatu semasa berkomunikasi dengan K1.

Dalam penggunaan lakuan tuturan peringkat prasekolah, didapati lakuan tuturan yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah adalah berbeza dengan guru. Kanak-kanak prasekolah lebih kerap menggunakan ujaran yang mengandungi satu kategori lakuan tuturan dalam satu giliran semasa berinteraksi terutamanya lakuan tuturan representatif untuk menyatakan sesuatu dengan guru dan juga rakan sebaya. Berdasarkan data yang telah dianalisis, lakuan tuturan direktif juga kerap digunakan oleh kanak-kanak prasekolah. Kajian mengenai lakuan tuturan direktif terutamanya lakuan tuturan meminta dalam bahasa yang berbeza pernah dikaji oleh pengkaji lain sebelum ini (Özge Gül, 2014; Safont-Jordà, 2013; Ogiermann, 2015; Takada & Endo, 2015).

4.4.3 Jenis-jenis Kombinasi Tiga Kategori Lakuan Tuturan yang Digunakan dalam Interaksi antara Kanak-kanak Prasekolah dan Guru

Jadual 4.17: Jumlah Jenis-jenis Lakuan Tuturan yang Kombinasi dari Tiga Kategori Lakuan Tuturan

Lakuan Tuturan	Jenis	Guru – Kanak–Kanak	Kanak–Kanak – Guru	Kanak – Kanak
		Kekerapan	Kekerapan	Kekerapan
R+Dr+K	Menyatakan+Bertanya +Berjanji	2	-	-
	Menyatakan+Menyuruh +Menawarkan	-	-	1
Jumlah		2	-	1
R+E+K	Menyatakan+ Memohon maaf +Menawarkan diri	-	-	1
	Jumlah	-	-	1

Jadual 4.17 menunjukkan corak kombinasi tiga kategori lakuan tuturan yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah dan guru semasa berinteraksi dalam kelas. Corak kombinasi lakuan tuturan ini jarang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah dan guru. Kekerapan penggunaan kombinasi tiga kategori lakuan tuturan adalah paling rendah jika dibandingkan dengan penggunaan satu kategori lakuan tuturan ataupun kombinasi dua kategori lakuan tuturan dalam satu giliran.

Guru hanya menggunakan corak kombinasi lakuan tuturan representatif, direktif dengan komisif yang terdiri daripada ‘menyatakan, bertanya dengan berjanji’ semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah. Manakala, kanak-kanak prasekolah tidak menggunakan corak kombinasi tiga kategori lakuan tuturan semasa berinteraksi dengan guru tetapi digunakan oleh kanak-kanak prasekolah dalam interaksi dengan rakan sebaya. Kanak-kanak prasekolah menggunakan corak kombinasi lakuan tuturan representatif, direktif dengan komisif yang terdiri daripada ‘menyatakan, menyuruh dengan menawarkan’ dan corak kombinasi lakuan tuturan representatif, ekspresif dengan komisif yang terdiri

daripada ‘menyatakan, memohon maaf dengan menawarkan diri’ semasa berinteraksi dengan rakan sebaya.

Data yang dikumpulkan menunjukkan kanak-kanak prasekolah lebih kerap menggunakan ayat yang pendek semasa bertutur. Manakala, guru lebih kerap menggunakan corak kombinasi dua kategori lakuan tuturan yang berbeza dalam ujarannya jika dibandingkan dengan kanak-kanak prasekolah.

4.5 Kesimpulan

Dalam kajian ini, didapati kanak-kanak prasekolah dan guru menggunakan lakuan tuturan yang tertentu dalam komunikasi di bilik darjah sewaktu berlangsungnya sesi kelas bahasa Cina. Dalam interaksi antara kanak-kanak prasekolah dengan guru dan rakan sebaya, penggunaan kombinasi lakuan tuturan oleh kanak-kanak prasekolah adalah terhad jika dibandingkan dengan guru. Kepelbagaian corak lakuan tuturan digunakan oleh guru untuk memastikan aktiviti dapat dijalankan dengan lancar dan mengawal disiplin kanak-kanak prasekolah ketika melaksanakan aktiviti.

Berdasarkan hasil analisis kajian, didapati jenis-jenis lakuan tuturan yang kerap digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan guru ataupun rakan sebaya adalah lebih kurang sama. Kanak-kanak prasekolah paling kerap menggunakan lakuan tuturan representatif untuk tujuan menyatakan sesuatu. Lakuan tuturan direktif merupakan lakuan tuturan yang kedua paling kerap digunakan oleh kanak-kanak prasekolah. Mereka menggunakan lakuan tuturan direktif untuk bertanya, meminta, menyuruh dan lain-lain semasa berkomunikasi dengan guru dan rakan sebaya. Manakala, jenis-jenis lakuan tuturan yang paling kerap digunakan oleh guru didapati terdapat perbezaan dengan lakuan

tuturan yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah. Lakuan tuturan yang paling kerap digunakan oleh guru adalah lakuan tuturan direktif kerana guru sentiasa memberi arahan dan bertanya soalan kepada kanak-kanak prasekolah. Di samping itu, lakuan tuturan representatif merupakan lakuan tuturan yang kedua kerap digunakan oleh guru semasa berinteraksi dengan kanak-kanak untuk tujuan menyatakan dan menegaskan sesuatu.

Selain daripada itu, kajian ini menunjukkan bahawa lakuan tuturan deklarasif, ekspresif dan komisif jarang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah mahupun guru semasa berinteraksi dalam kelas bahasa Cina.

Kajian ini mendapati kanak-kanak prasekolah dan guru bukan sahaja menggunakan kategori khusus lakuan tuturan namun juga menggunakan kategori kombinasi dua lakuan tuturan atau tiga lakuan tuturan yang berbeza dalam satu giliran semasa berinteraksi dalam kelas bahasa Cina. Tambahan pula, didapati guru lebih kerap menggunakan corak kombinasi lakuan tuturan yang mengandungi dua kategori lakuan tuturan yang berbeza berbanding dengan kanak-kanak prasekolah.

BAB 5: KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Bab lima membincangkan rumusan kajian mengenai analisis penggunaan lakuan tuturan dalam interaksi semasa kelas bahasa Cina peringkat prasekolah iaitu dalam interaksi antara kanak-kanak prasekolah dengan guru dan interaksi sesama kanak-kanak prasekolah dalam kelas bahasa Cina di tadika. Penilaian terhadap penggunaan lakuan tuturan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah dan guru dijalankan atas dasar kemampuan mereka mengujarkan lakuan tuturan berdasarkan pemahaman terhadap konteks tersebut.

Di samping itu, bab ini memberi cadangan yang boleh dijadikan sebagai panduan dan idea kepada pihak tertentu dalam usaha meningkatkan lagi tahap penggunaan bahasa dan lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah.

5.2 Lakuan Tuturan yang Digunakan oleh Guru dalam Interaksi dengan Kanak-kanak Prasekolah

Semasa guru berinteraksi dengan kanak-kanak, penggunaan bahasa guru haruslah bersesuaian dengan situasi dan ragam bahasa kanak-kanak prasekolah untuk memastikan penyampaian dapat difahami oleh kanak-kanak prasekolah. Kanak-kanak boleh mengulang apa yang mereka dengar atau mengatakan sesuatu yang lebih atau kurang berkaitan dengannya. Oleh itu, bahasa yang digunakan oleh guru semasa dalam kelas dapat mempengaruhi kejayaan interaksi pembelajaran. Untuk memelihara makna pembelajaran melalui interaksi di kelas, bahasa atau lakuan tuturan yang digunakan oleh guru perlu dirancang dengan teliti dan strategik. Keupayaan guru untuk menggunakan lakuan tuturan yang sesuai dengan konteks, topik, hubungan sosial dan juga hubungan psikologi

menentukan tahap keberkesanan komunikasi di antara guru dengan kanak-kanak prasekolah semasa pengajaran dan pembelajaran sedang dijalankan dalam kelas.

Tujuan komunikasi dalam konteks sekolah adalah untuk kanak-kanak prasekolah dan guru berkongsi pengetahuan dan pengalaman semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang dijalankan. Lakuan tuturan yang paling kerap digunakan oleh guru adalah lakuan tuturan direktif untuk memberi arahan dan bertanya soalan kepada kanak-kanak. Semasa di dalam kelas, guru akan mengarah kanak-kanak prasekolah untuk melakukan sesuatu. Begitu juga dengan jenis lakuan tuturan bertanya, jenis lakuan tuturan ini juga kerap digunakan dalam ujaran guru semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah.

Manakala, lakuan tuturan representatif merupakan lakuan tuturan yang kedua kerap digunakan oleh guru untuk menyampaikan suatu kandungan atau konsep dengan cara yang benar dan jelas kepada kanak-kanak prasekolah. Kadangkala guru akan mengulang kata-kata semasa berkomunikasi dengan kanak-kanak prasekolah bagi tujuan memastikan kanak-kanak menerima dan memahami kandungan yang ingin disampaikan. Guru harus bertanggungjawab terhadap kebenaran yang diungkapkan kerana kanak-kanak sedang belajar sesuatu yang baru dan akan digunakan dalam kehidupan pada masa akan datang.

Dalam kajian ini, guru jarang menggunakan lakuan tuturan ekspresif berbanding dengan lakuan tuturan direktif dan lakuan tuturan representatif. Lakuan tuturan ekspresif digunakan untuk menyatakan sikap psikologi penutur terhadap keadaan yang sedang berlaku. Dengan ini, guru menggunakan lakuan tuturan ekspresif semasa memuji kanak-kanak prasekolah dan juga mengucap selamat pagi semasa dalam kelas. Lakuan tuturan komisif juga jarang digunakan oleh guru semasa berinteraksi dengan kanak-kanak

prasekolah. Berdasarkan penelitian terhadap data yang dikumpulkan, tidak terdapat lakuan tuturan deklarasasi dalam ujaran guru.

Dalam penggunaan kombinasi dua kategori lakuan tuturan dalam satu giliran, corak kombinasi dua kategori lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan representatif dengan direktif merupakan lakuan tuturan yang kerap digunakan oleh guru semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah di dalam kelas. Guru kerap menggunakan kombinasi jenis lakuan tuturan ‘menyatakan dengan mengarah’ dan ‘menyatakan dengan bertanya’. Peranan dan tanggungjawab sebagai seorang guru adalah penting dan dapat memberi impak yang besar kepada setiap murid. Penggunaan lakuan tuturan oleh guru seharusnya mengikut tahap perkembangan bahasa mereka. Oleh itu, lakuan tuturan representatif dan direktif kerap digunakan oleh guru supaya kanak-kanak prasekolah faham kandungan pengajaran dan dapat mengikut arahan yang disampaikan. Corak kombinasi yang mengandungi tiga kategori lakuan tuturan memang jarang digunakan oleh guru.

5.3 Lakuan Tuturan yang Digunakan oleh Kanak-kanak Prasekolah dalam Interaksi dengan Guru dan Rakan Sebaya

Dalam interaksi di antara kanak-kanak prasekolah dengan guru dan sesama kanak-kanak prasekolah, kanak-kanak prasekolah masih berada dalam proses perkembangan kemahiran komunikasi.

Berdasarkan hasil kajian ini, ia jelas menunjukkan bahawa lakuan tuturan yang paling kerap digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan guru adalah lakuan tuturan representatif terutamanya untuk menyatakan sesuatu semasa berinteraksi dengan guru. Penggunaan lakuan tuturan representatif oleh kanak-kanak

prasekolah perlu dipupuk oleh guru supaya dapat membantu kanak-kanak prasekolah menyatakan sesuatu benda yang dilihat atau kebenaran yang dipercayai, dan guru dapat membetulkan jika terdapat kesalahan semasa berinteraksi. Manakala, lakuan tuturan yang paling kerap digunakan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah adalah lakuan tuturan representatif terutamanya untuk menyatakan sesuatu kepada rakan sebaya. Dengan itu, kanak-kanak prasekolah menggunakan lakuan tuturan representatif untuk menyampaikan maklumat semasa berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya.

Mengenai penemuan tentang lakuan tuturan direktif yang digunakan dalam interaksi kanak-kanak dengan guru, lakuan tuturan direktif merupakan lakuan tuturan yang kedua kerap digunakan oleh kanak-kanak prasekolah terutamanya untuk bertanya soalan kepada guru. Galakan yang diberikan kepada kanak-kanak dalam menggunakan jenis lakuan tuturan bertanya adalah penting supaya ia dapat meningkatkan dan memperkayakan pengetahuan atau pengalaman sendiri dengan menggunakan ayat pertanyaan. Sementara itu, kajian ini menunjukkan bahawa lakuan tuturan direktif juga merupakan lakuan tuturan kedua kerap ditemui dalam perbualan harian kanak-kanak prasekolah dengan rakan sebaya. Lakuan tuturan direktif yang kerap digunakan oleh kanak-kanak prasekolah terutamanya untuk bertanya, menyuruh dan meminta semasa berkomunikasi dengan rakan sebaya dalam kelas bahasa Cina.

Hasil data menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah mampu menggunakan jenis lakuan tuturan meminta secara langsung dan tidak langsung semasa berinteraksi. Penutur yang menggunakan lakuan tuturan meminta secara tidak langsung dapat menunjukkan rasa hormat dan sopan santun semasa berkomunikasi dengan orang lain. Kanak-kanak mempunyai kemahiran dan ciri-ciri tersendiri semasa mereka menyatakan permintaan.

Selain daripada lakuan tuturan representatif dan direktif, lakuan tuturan lain jarang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya. Kanak-kanak prasekolah jarang menggunakan lakuan tuturan ekspresif dan komisif semasa berkomunikasi dengan rakan sebaya. Mereka hanya menggunakan lakuan tuturan ekspresif untuk mengungkapkan selamat pagi, terima kasih dan memuji. Di samping itu, hasil analisis data menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah tidak menggunakan lakuan tuturan komisif semasa berinteraksi dengan guru. Kanak-kanak prasekolah tidak melakukan sebarang janji semasa berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya, mereka hanya menggunakan lakuan tuturan komisif untuk tujuan ‘menawarkan’ dan ‘menawarkan diri’ dalam interaksi dengan rakan sebaya.

Corak kombinasi yang terdiri daripada dua kategori lakuan tuturan ataupun tiga kategori lakuan tuturan dalam satu giliran jarang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berkomunikasi dengan guru. Kanak-kanak prasekolah juga jarang menggunakan kombinasi yang melebihi satu kategori lakuan tuturan dalam satu giliran semasa berkomunikasi dengan rakan sebaya mereka. Hal ini demikian kerana perkembangan bahasa dan pemerolehan bahasa kanak-kanak masih berlaku pada peringkat umur mereka (Piaget, 1964; Jalongo, 1992 ; Saxton, 2017). Mereka masih tidak peka untuk menggunakan corak lakuan tuturan yang melebihi satu lakuan tuturan.

Dalam penyelidikan ini, didapati bahawa kanak-kanak prasekolah juga menggunakan bahasa bukan lisan semasa berinteraksi seperti menganggukkan kepala. Komunikasi bukan lisan dapat dikaitkan dengan komunikasi lisan. Seseorang akan mengangguk kepala untuk menunjukkan bahawa dia bersetuju terhadap perkara yang sedang dibincangkan dan dia juga boleh menggelengkan kepala bagi menunjukkan

ketidaksetujuannya terhadap sesuatu perkara. Komunikasi tersebut adalah penting sebagai satu bentuk mesej bagi mentafsirkan tujuan, personaliti, emosi dan sebagainya.

Dalam masyarakat yang berbilang kaum, adalah menjadi kebiasaan untuk seseorang menggunakan lebih daripada satu bahasa dalam komunikasi seharian. Situasi ini dapat dilihat di mana penggunaan peminjaman dan pengalihan kod didapati semasa komunikasi harian. Dapatan kajian menunjukkan terdapat kanak-kanak prasekolah menggunakan dua bahasa yang berlainan, iaitu bahasa Cina dan bahasa Inggeris dalam ujarannya. Sebagai contoh, “你要问。我拿着 spoon。 - Kamu perlu bertanya. Saya ambil sudu.” (Data 76) dan “老师, 我要 tissue。 - Cikgu, saya mahu tisu” (Data 88). Manakala dalam Data 63, bahasa Cina dan bahasa Kantonis digunakan dalam ujaran “甲由来的啊? - Ini lipas? ” semasa kanak-kanak sedang berkomunikasi. ‘甲由 - *ka zha*’ bermaksud lipas dalam bahasa Kantonis. Bahasa Kantonis adalah dialek atau loghat dalam bahasa Cina. Penyelidikan ini menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah pada peringkat umur 5 tahun boleh menggunakan lebih daripada satu bahasa semasa berkomunikasi dengan guru dan rakan sebayanya. Kanak-kanak telah didedahkan kepada bahasa yang berlainan dalam persekitaran iaitu ibu bapa, guru, rakan-rakan dan orang lain.

5.4 Perbezaan dalam Jenis-jenis Lakuan Tuturan yang Digunakan dalam Interaksi antara Kanak-kanak Prasekolah dan Guru

Pemahaman dan keupayaan kanak-kanak prasekolah memahami makna melalui ujaran adalah berkait rapat dengan faktor persekitaran. Kanak-kanak prasekolah tidak akan memahami makna lakuan tuturan yang digunakan dalam komunikasi harian jika mereka tidak pernah mempelajari perkataan-perkataan yang dituturkan oleh guru atau rakan

sebayanya. Kanak-kanak prasekolah tidak mungkin dapat memahami maksud lakuan tuturan yang terkandung dalam sesuatu ujaran dengan baik dan maksud sebenarnya disebabkan mereka tidak mempunyai pendedahan yang mencukupi. Komunikasi dengan kanak-kanak prasekolah melibatkan ciri-ciri yang unik, maka guru perlu sentiasa menggunakan bahasa yang lebih sesuai dengan usia kanak-kanak tersebut.

Lakuan tuturan representatif merupakan lakuan tuturan yang paling kerap digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan guru mahupun rakan sebaya. Kanak-kanak prasekolah kerap menggunakan lakuan tuturan representatif dalam berinteraksi terutamanya untuk menyatakan sesuatu yang dipercayainya kepada guru dan rakan sebaya. Manakala dalam interaksi guru dengan kanak-kanak prasekolah, lakuan tuturan representatif merupakan lakuan tuturan yang kedua kerap digunakan oleh guru dengan tujuan menyampaikan kandungan atau konsep pengajaran dengan cara yang jelas dan menarik agar lebih mudah difahami oleh kanak-kanak prasekolah.

Lakuan tuturan direktif dapat ditemui dalam perbualan harian kanak-kanak prasekolah dengan rakan sebaya dan juga guru, terutamanya jenis lakuan tuturan bertanya. Kanak-kanak prasekolah juga menggunakan jenis lakuan tuturan meminta semasa dalam kelas bahasa Cina. Dari perspektif perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah, interaksi sosial adalah penting dalam konsep peribadi kanak-kanak. Ia mencerminkan usaha mereka untuk keperluan peribadi dan kehendak dalam pilihan kegiatan, makanan dan lain-lain. Guru harus memahami tindakan ini dan memberi apa yang mereka mahukan hanya dapat membantu mereka mendapatkan autonomi. Dengan cara ini, ia mampu mengembangkan daya kreativiti dan hal-hal yang produktif dalam bidang yang disukainya. Guru menggunakan lakuan tuturan direktif untuk mengarah tindakan pelaksanaan tugas di kelas dan juga menanya soalan kepada kanak-kanak prasekolah di kelas. Di dalam kelas, guru

memiliki kuasa untuk mengawal tindakan kanak-kanak prasekolah. Berdasarkan peranan yang dimiliki oleh guru, guru kerap menggunakan lakuan tuturan direktif untuk tujuan interaksi pengajaran dan pembelajaran di kelas dapat tercapai secara lancar dan baik.

Lakuan tuturan ekspresif jarang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berkomunikasi dengan guru dan juga rakan sebayanya, begitu juga dengan guru semasa berkomunikasi dengan kanak-kanak prasekolah. Lakuan tuturan ekspresif yang bermula dengan daripada perkataan “selamat” merupakan lakuan tuturan yang terjadi hanya kerana beberapa faktor, iaitu penutur memberikan sambutan kepada pendengar, penutur mendapatkan sesuatu yang istimewa dan semasa memberi salam.

Hasil penelitian menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah tidak menggunakan lakuan tuturan komisif semasa berinteraksi dengan guru tetapi mereka menggunakan lakuan tuturan komisif semasa berinteraksi dengan rakan sebaya. Berdasarkan hasil data yang dianalisis, kanak-kanak prasekolah tidak menggunakan jenis lakuan tuturan berjanji. Ia jelas menunjukkan bahawa mereka masih tidak peka dalam lakuan berjanji pada peringkat umur 5 tahun.

Hasil kajian ini mendapati bahawa tidak mempunyai lakuan tuturan yang berbentuk perisytiharan dalam ujaran guru. Pada kebiasaannya, lakuan tuturan deklarasasi digunakan oleh seseorang penutur yang ditauliahkan secara khusus untuk membawa perubahan dunia sebagai akibat dari tuturan itu.

Corak kombinasi yang mengandungi dua kategori lakuan tuturan jarang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berkomunikasi dengan guru dan juga rakan sebaya mereka. Dalam bahasa perbualan kanak-kanak prasekolah, mereka biasa bertutur dengan menggunakan ujaran yang pendek. Manakala, guru merupakan individu yang lebih kerap

menggunakan corak kombinasi dua kategori lakuan tuturan dalam satu giliran, terutamanya kombinasi lakuan tuturan representatif dengan direktif. Di samping itu, kombinasi yang terdiri daripada tiga kategori lakuan tuturan memang jarang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah ataupun guru semasa berinteraksi.

Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat persamaan dan juga perbezaan dalam menggunakan lakuan tuturan semasa kelas bahasa Cina peringkat prasekolah. Konsistensi yang ketara dijumpai iaitu kecenderungan kanak-kanak prasekolah paling kerap menggunakan lakuan tuturan representatif semasa dalam kelas. Sebaliknya, guru lebih kerap menggunakan lakuan tuturan direktif. Selain itu, guru juga kerap menggunakan kombinasi lakuan tuturan yang terdiri daripada dua kategori lakuan tuturan iaitu lakuan tuturan representatif dengan direktif semasa berkomunikasi dengan kanak-kanak prasekolah. Hasil kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah lebih peka dalam menggunakan lakuan tuturan representatif dan direktif semasa berinteraksi dengan rakan sebaya dan guru.

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini telah menyumbang terhadap penggunaan lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah dan guru, serta konteks sosial peringkat prasekolah. Kebanyakan kajian lepas tidak bertujuan untuk mengkaji penggunaan lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah dan guru dalam kelas bahasa Cina sebagai faktor utama untuk melancarkan interaksi perbualan antara kanak-kanak prasekolah dan guru. Oleh itu, kajian pragmatik berkenaan dengan lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah dan guru dalam kelas bahasa Cina perlu dijalankan bagi melengkapkan dan memantapkan lagi kajian-kajian yang sedia ada. Secara tidak langsung, usaha ini memudahkan para guru prasekolah dalam merancang kaedah yang lebih sesuai dengan kanak-kanak prasekolah kini untuk meningkatkan penggunaan bahasa

semasa menggunakan lakuan tuturan. Pendidikan awal kanak-kanak yang dijalankan dalam kelas semestinya mengamalkan interaksi tiga hala iaitu di antara kanak-kanak dengan guru, guru dengan kanak-kanak, dan kanak-kanak dengan rakan sebayanya secara aktif supaya perkembangan bahasa dan kemahiran berkomunikasi dapat dijalankan dengan lebih pesat.

Dari kajian ini juga jelas menunjukkan bagaimana guru menggunakan jenis-jenis lakuan tuturan yang berbeza untuk menyampaikan maklumat, memberi arahan dan sebagainya. Kanak-kanak prasekolah mempunyai pengetahuan linguistik yang terhad. Sebagai seorang pendidik, guru prasekolah bertanggungjawab membantu kanak-kanak prasekolah meningkatkan tahap penggunaan bahasa semasa menggunakan lakuan tuturan dalam bahasa Cina dengan lebih cekap. Kajian seperti ini diharapkan dapat membawa manfaat kepada para pendidik untuk membantu mereka dalam merancang sistem pembelajaran dengan lebih berkesan, memperbaiki cara berkomunikasi serta mengatasi masalah komunikasi ketika bertutur dalam bahasa Cina. Dengan itu, tahap penggunaan lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah dapat ditingkatkan lagi. Guru perlu melakukan perubahan yang bermula daripada dirinya sendiri untuk meningkatkan tahap penguasaan penggunaan bahasa dan lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah. Guru perlu mendorong kanak-kanak prasekolah menggunakan lakuan tuturan yang mengandungi nilai kesopanan untuk mewujudkan dan membentuk generasi yang bersopan santun dan bermoral. Maka, dicadangkan kepada para pendidik prasekolah menambah ilmu dalam kemahiran pragmatik agar pertuturan mereka ketika dalam bilik darjah menjadi lebih baik dan bermakna.

Faktor persekitaran dan aspek penggunaan lakuan tuturan orang dewasa yang berada di sekeliling kanak-kanak prasekolah sebenarnya dapat membantu mereka dalam pemerolehan bahasa dan perkembangan bahasa, serta penggunaan lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah dalam komunikasi seharian. Keperluan guru untuk membimbing kanak-

kanak prasekolah memahami kepentingan menghasilkan ujaran yang mengandungi nilai kesopanan dalam diri terutamanya dalam aspek bahasa dapat membentuk generasi yang bersopan santun, bermoral serta sentiasa mengutamakan kerjasama bersama rakan sebayanya seperti menggunakan lakuan tuturan ekspresif yang mengucapkan tanda salam semasa berjumpa dengan orang yang dikenali, berterima kasih kepada orang yang memberi bantuan, memohon maaf apabila melakukan kesalahan dan sebagainya.

Dengan ini diharapkan pada masa yang akan datang, penyelidikan baru yang lebih mendalam berkaitan dengan penggunaan lakuan tuturan ekspresif mahupun komisif yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah khususnya yang melibatkan interaksi kanak-kanak prasekolah dengan ibu bapa atau guru dapat dijalankan. Kajian sebegini dapat membawa manfaat dalam memperkembangkan kajian linguistik. Selain itu, kajian seperti ini adalah penting kerana kajian yang berkaitan dengan penggunaan lakuan tuturan kanak-kanak prasekolah adalah terhad dan tidak mencukupi.

RUJUKAN

- Albury, N. J. (2017). Mother tongues and languaging in Malaysia: Critical linguistics under critical examination. *Language in Society*, 46(6), 567-589. <https://doi.org/10.1017/S0047404517000239>
- Antaki, C., & Kent, A. (2015). Offering alternatives as a way of issuing directives to children: Putting the worse option last. *Journal of Pragmatics*, 78, 25-38. Retrieved from <http://www.sciencedirect.com>
- Asmah Haji Omar. (2002). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Austin, J. L. (1962). *How to do Thing with Words*. Oxford: Oxford University Press.
- Basra, S. M., & Thoyyibah, L. (2017). A speech act analysis of teacher talk in an EFL classroom. *International Journal of Education*, 10(1), 73-81. <http://dx.doi.org/10.17509/ije.v10i1.6848>
- Bloom, L., Hood, L., & Lightbown, P. (1974). Imitation in language development: If, when, and why. *Cognitive Psychology*, 6(3), 380-420. Retrieved from <http://www.sciencedirect.com>
- Bublitz, W., & Norrick, N. R. (2011). *Foundations of Pragmatics*. Berlin: De Gruyter.
- Chaer, A., & Agustina, L. (2004). *Sosiolinguistik Perkenalan Awal*. Jakarta: Rineka cipta.
- Choi, K., & Chong, S. (2017). Campur aduk bahasa Melayu dan bahasa Cina. *Journal Of Modern Languages*, 18(1), 56-66.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mcgraw-Hill.
- Comparini, L. (2013). The use of justification in the linguistic construction of agency and social connection in Latina mother-child conflict. *Journal of Pragmatics*, 57, 57-67. Retrieved from <http://www.sciencedirect.com>

- Cutting, J. (2008). *Pragmatics and Discourse: A Resource Book for Students* (2nd ed.). London; New York: Routledge.
- Gayatri Marimothu., & Rohaidah Kamaruddin. (2018). Pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu kanak-kanak India di prasekolah. *Pertanika MAHAWANGSA*, 5(1), 413-421.
- Georgalidou, M. (2008). The contextual parameters of linguistic choice: Greek children's preferences for the formation of directive speech acts. *Journal of Pragmatics*, 40(1), 72–94. Retrieved from <http://www.sciencedirect.com>
- Grimm, H. (1975, Sep). *Analysis of short-term dialogues in 5–7 year olds: Encoding of intentions and modifications of speech acts as a function of negative feedback*. Paper presented at the Third International Child Language Symposium, London, England.
- Halliday, M. A. K. (1975). *Learning How to Mean: Explorations in the Development of Language*. London: Edward Arnold.
- Helms, D. B., & Turner, J. S. (1983). *Exploring Child Behavior*. New York: Holt Rinehartand Winston.
- Huang, C. C. (2012). Parental other-repetition in Mandarin parent–child interaction. *Journal of Pragmatics*, 44, 542–562. Retrieved from <http://www.sciencedirect.com>
- Huang, Y. (2007). *Pragmatics*. Oxford: Oxford University Press.
- Hymes, D. H. (1972). On communicative competence. In J.B. Pride & J. Holmes (Eds.), *Sociolinguistics* (pp. 269–293). Harmondsworth: Penguin.
- Hymes, D. H. (1974). *Foundations in Sociolinguistics: An Ethnographic Approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Inhelder, B., & Piaget, J. (1964). *The Early Growth of Logic in the Child: Classification and Seriation*. London: Routledge and Kegan Paul.

- Jalongo, M. R. (1992). *Early Childhood Languages Arts*. Boston: Allyn and Bacon.
- Kanngiesser, P., Köymen, B., & Tomasello, M. (2017). Young children mostly keep, and expect others to keep, their promises. *Journal of Experimental Child Psychology*, *159*, 140-158. Retrieved from <http://www.sciencedirect.com>
- Krashen, S. (1994). The input hypothesis and its rivals. In N. Ellis (Eds.), *Implicit and Explicit Learning of Languages* (pp. 45-77). London: Academic Press.
- Krashen, S., & Terrell, T. (1983). *The Natural Approach: Language Acquisition in the Classroom*. Oxford: Pergamon Press.
- Kuang, C. H., David, M. K., & Zuraidah Mohd Don. (2006). Requests: Voices of Malaysian children. *Journal of Cross-Cultural and Interlanguage Communication (Multilingua)*, *25*(1-2), 27-42.
- Lau, S. K., Ang, L. H., Soon, C. T., Law, S. B., & Wong, N. L. (2012). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina dalam menggalakkan interaksi pelajar berbilang kaum. *GEMA Online Journal of Language Studies*, *12*(3), 979-997. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/1072>
- Levinson, S. (1983). *Pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Li, G. F. (2006). Biliteracy and trilingual practices in the home context: Case studies of Chinese-Canadian children. *Journal of Early Childhood Literacy*, *6*(3), 355-381. <https://doi.org/10.1177/1468798406069797>
- Li, H. L. (2007). A comparative study of refusal speech acts in Chinese and American English. *Canadian Social Science*, *3*(4), 64-67. <http://dx.doi.org/10.3968/j.css.1923669720070304.014>
- Lim, H. W., & Lim, S. H. (2017). Sebutan bahasa Melayu oleh penutur Cina (ChinMalay) berdasarkan latar belakang persekolahan. *Jurnal Bahasa*, *17*(2), 334-358.

- Mahzan Arshad. (2004). Pembinaan etika berbahasa dalam institusi keluarga. In Abd. Rahim Abd., Sufean Hussin., & Jamaludin (Eds.), *Institusi Keluarga Menghadapi Alaf Baru* (pp. 239–250). Kuala Lumpur: Utusan.
- Maslida Yusof., & Karim Harun. (2015). Analisis lakuan tutur dalam ruangan status Facebook. *Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 151-168. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/14919>
- Muhammad Zuhair Zainal. (2017). Lakuan ilokusi guru dalam pengajaran bahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 17(4), 191-208. <http://doi.org/10.17576/gema-2017-1704-13>
- Ngoan, N., & Dung, N. (2017). Speech act types in conversations in the “New Interchange” series. *VNU Journal Of Foreign Studies*, 33(6), 78-92. <https://doi.org/10.25073/2525-2445/vnufs.4210>
- Nihat Bayat. (2013). A study on the use of speech acts. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 70, 213-221. Retrieved from <http://www.sciencedirect.com>
- Noor Afzaliza Nazira Ibrahim., Maizatul Haizan Mahbob., & Abdul Latiff Ahmad. (2018). Kepentingan komunikasi non verbal dalam organisasi. *Journal of Sosial Sciences and Humanities*, 15(5), 107-116. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/29285>
- Noor Aina Dani. (2007). *Pengantar Psikolinguistik*. Selangor: Sasbadi.
- Noraini Idris., Shuki Osman., Chew, M. M., & Lim, H. L. (2009). Teknik penyoalan dalam bilik darjah. In Noraini Idris & Shuki Osman (Eds.), *Pengajaran dan Pembelajaran*. (pp. 123-160). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Norajihah Muda., & Raja Masittah Raja Ariffin. (2014). Makna ungkapan dalam perbualan kanak-kanak perempuan berdasarkan teori imej. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 7, 96-105.
- Norricks, N. R. (2015). Narrative illocutionary acts direct and indirect. *Journal of Pragmatics*, 86, 94-99. Retrieved from <http://www.sciencedirect.com>

- Nur Hafizah Razali., & Normaliza Abd Rahim. (2016). Makna ujaran masyarakat Banjar dari sudut pragmatik. *Journal of Business and Social Development*, 4 (1), 55-64.
- Nurul Syuhada Shuib., & Maslida Yusof. (2019). Lakuan bahasa dalam ceramah agama. *AKADEMIKA*, 89(1), 41-53. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/31247>
- Ogiermann, E. (2015). In/directness in Polish children's requests at the dinner table. *Journal of Pragmatics*, 82, 67-82. Retrieved from <http://www.sciencedirect.com>
- Özge Gül, Z. (2014). Request in Turkish-speaking pre-school children: A classroom discourse perspective. *Turkish Studies*, 9(6), 1207-1223.
- Pauletto, F., Aronsson, K., & Galeano, G. (2017). Endearment and address terms in family life: Children's and parents' requests in Italian and Swedish dinnertime interaction. *Journal of Pragmatics*, 109, 82-94. Retrieved from <http://www.sciencedirect.com>
- Peccei, J.S. (1999). *Pragmatics*. London: Routledge.
- Piaget, J. (1964). Cognitive development in children: Piaget development and learning. *Journal of Research in Science Teaching*, 2, 176-186.
- Poulain, T., & Brauer, J. (2018). The changing role of mothers' verbal and nonverbal behavior in children's language acquisition. *First Language*, 38(2), 129-146. Retrieved from <http://journals.sagepub.com/>
- Rohani Abdullah., Nani Menon., & Sharani Ahmad. (2007). *Panduan Kurikulum Prasekolah*. Selangor: PTS Professional.
- Safont-Jordà, M. P. (2013). Early stages of trilingual pragmatic development. A longitudinal study of requests in Catalan, Spanish and English. *Journal of Pragmatics*, 59, 68-80. Retrieved from <http://www.sciencedirect.com>
- Saxton, M. (2017). *Child Language: Acquisition and Development* (2nd ed.). London: Sage.

- Searle, J. R. (1976). A classification of illocutionary acts. *Languages in Society*, 5(1), 1-23. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/4166848>
- Steinberg, D. (1982). *Psycholinguistics: Language, Mind and World*. London: Longman.
- Suppiah Nachiappan., Munovah, R. M. E., Norazilawati Abdullah., & Sandra Suffian. (2017). Perkembangan kognisi dalam kanak-kanak prasekolah melalui teknik bermain. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 6, 34-44.
- Su, Y. Y. (2015). Permulaan dan pembangunan kebudayaan tradisional China di Tanah Melayu sepanjang abad ke-20: Kajian tentang bidang serta kesannya. *Journal of Chinese Literature and Culture*, 85-97.
- Syofia Ulfah., Zamri Mahamod., & Jamaludin Badusah. (2013). Kemahiran komunikasi interpersonal ekspresif: Mencipta guru bahasa Indonesia yang penyayang. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(1), 139-154. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/2231/1636>
- Takada, A., & Endo, T. (2015). Object transfer in request-accept sequence in Japanese caregiver-child interactions. *Journal of Pragmatics*, 82, 52-66. Retrieved from <http://www.sciencedirect.com>
- Taylor, S. J., & Bogdan, R. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings* (2nd ed.). New York: John Wiley & Sons.
- Teale, W. H., & Sulzby, E. (1986). *Emergent Literacy as a Perspective for Examining How Young Children Become Writers and Readers*. Norwood, NJ: Ablex.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*. Cambridge: Harvard University Press.
- Wang, Y., & Chen, D. C. Y. (2014). Chinese children's acquisition of the promissory speech act. *Concentric: Studies in Linguistics*, 40(2), 55-93. <https://doi.org/10.6241/concentric.ling.40.2.03>

Wan Muna Ruzanna., & Vijayaletchumy Subramaniam. (2014). Daya kreativiti kanak-kanak: Satu kajian kes. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134, 436-445. Retrieved from <http://www.sciencedirect.com>

Yule, G. (1996). *Pragmatics*. New York: Oxford University Press.

Zaniah Mohamed Isa., & Juppri Bacotang. (2014, Dec). *Kemahiran literasi awal bagi kanak-kanak taska*. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Pendidikan Awal Kanak-kanak 2014, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.

Zhang, Y. W., Jin, X. M., Shen, X. M., Zhang, J. M., & Hoff, E. (2008). Correlates of early language development in Chinese children. *International Journal of Behavioral Development*, 32(2), 145–151. Retrieved from <http://www.sagepublications.com>

Zheng, H. J. (2016). Characteristics of pre-chool children in Chinese learning. *Canadian Academy of Oriental and Occidental Culture*, 12(4), 46-49. <http://dx.doi.org/10.3968/8269>

Zulkifley Hamid. (1990). Hipotesis nurani dan pemerolehan bahasa pertama. *AKADEMIKA*, 36(1), 125-138. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/3611>